

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN AKHBAR AMANAH PERCUMA T-SHIRT

DAPATKAN SEGERA!!!

01132334322 untuk urusan Tempahan

Mahathir taruhan terbaik untuk menang, forum diberitahu



→ ms2



Sudah tiba masa rakyat terima perubahan politik

→ ms8

Mahathir ajak kembali kepada Al Quran, Husam simpulkan 'ketelusan'



→ ms9


NAJIB PUNCA MASALAH FELDA

Kini sekali lagi Felda terpaksa berhutang untuk menampung bayaran 'gula-gula' peneroka berjumlah RM1.422 billion menjelang PRU 14



AKIBAT keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, ia menjadi punca masalah yang dihadapi Felda sekarang dan kini sekali lagi Felda terpaksa berhutang untuk menampung bayaran 'gula-gula' untuk peneroka Felda yang berjumlah RM1.422 bilion menjelang PRU 14.

Laporan penuh muka 2 →





Masalah Felda disebabkan oleh pentadbiran Najib. Bagi menagih kembali sokongan, gula-gula diberikan dengan sekali lagi membuat masalah kepada negara.

PROMOSI!!
HANYA RM25
/SEBUAH

01132334322
untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA!!



Mahathir taruhan terbaik untuk menang, forum diberitahu

PEMIMPIN pembangkang dan aktivis berbelah bahagi dengan peranan Dr Mahathir Mohamad, tetapi hampir kesemua hadirin pada forum baru-baru ini bersetuju beliau adalah taruhan yang tepat untuk Pakatan Harapan meraih sokongan orang Melayu.

"Bagi saya, perubahan dalam kerajaan memerlukan sokongan orang ramai, tanpanya kita tidak boleh buat apa yang diinginkan, demonstrasi atau protes tetapi kerajaan tidak akan peduli.

"Inilah sebabnya mengapa saya pilih untuk berdamai dengan Dr



Panel berdepan dengan pelbagai pendapat dalam forum mengenai Mahathir.

Mahathir," kata Mohamad Sabu, Presiden AMANAH kepada hadirin

di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur Selangor.

"PH hari ini adalah terdiri daripada koleksi mangsa Dr Mahathir. Saya ditahan dua kali di bawah Anta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Hishamuddin Rais juga ditahan dua kali," katanya yang merupakan salah seorang daripada panel forum, "Mahathir: Agen Perubahan atau Agen Pemusnah?" malam 25 Julai lalu.

Forum yang disertai kira-kira 200 orang itu turut dihadiri Ahli Parlimen Parti Sosialis Malaysia Michael Jeyakumar Devaraj, aktivis sosial Haris Ibrahim dan Hishamuddin Rais.

Mohamad Sabu atau lebih dikenali sebagai Mat Sabu berkata, so-

kongan orang ramai penting untuk memenangi pilihan raya umum akan datang dan hanya Dr Mahathir yang boleh mainkan peranan menarik akar umbi.

Turut bersetuju dengan Mat Sabu adalah Hishamuddin yang berkata Dr Mahathir boleh memainkan peranan dalam mendokong PH untuk menarik pengundi luar bandar.

"Dahulu kita tidak boleh pergi ke kawasan majoriti Melayu. Kini PH boleh pergi ke kawasan itu. Ini adalah perkembangan yang sedang berlaku. Ini adalah saat kritikal," katanya.

Najib punca masalah Felda

AKIBAT keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, ia menjadi punca masalah yang dihadapi Felda sekarang dan kini sekali lagi Felda terpaksa berhutang untuk menampung bayaran 'gula-gula' untuk peneroka Felda yang berjumlah RM1.422 bilion menjelang PRU 14.

Bagi menampung 'gula-gula' ini, pentadbiran Najib Razak dipercayai akan membuat pinjaman dan 'mencuri' lagi sebagaimana yang pernah dibuat menjelang pilihan raya 2013 lalu.

Ini kerana, dengan masalah yang dibuat oleh Najib, Felda tidak akan mampu membayar 'gula-gula' politik yang dijanjikan olehnya menjelang pilihan raya ke 14 ini.

Seperti yang dijangka, Najib telah mengumumkan 'gula-gula' kepada peneroka-peneroka Felda, yang antara lainnya termasuk:

1. Wang tunai RM5,000 bagi setiap peneroka yang layak melibatkan peruntukan

RM475 juta

2. Sumbangan untuk mengurangkan pinjaman pembelian saham FGV yang ditanggung peneroka melibatkan peruntukan RM128 juta
3. Pengurangan hutang penanaman semula peneroka sebanyak RM5,000 bagi setiap peneroka melibatkan peruntukan RM519 juta
4. Dana RM300 juta sebagai tabung pinjaman untuk membantu penanaman semula

Empat 'gula-gula' utama ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.422 bilion pada masa Kerajaan Persekutuan dan Felda tidak mempunyai sumber kewangan.

"Najib perlu memperincikan dari mana pentadbiran beliau akan memperolehi dana RM1.422 bilion ini supaya peneroka-peneroka tidak menjadi mangsa gula-gula Barisan Nasional buat kali kedua," kata Rafizi Ramli, ahli parlimen Pandan.

Perkara ini telah pun berlaku menjelang PRU13 apabila pen-

eroka-peneroka Felda dibayar sugu hati sebanyak RM15,000 setiap keluarga kononnya sebagai 'durian runtuh' akibat penyenaian FGV.

Jumlah yang dibayar sebagai 'gula-gula' menjelang PRU13 ialah RM2.243 bilion dan ini dimasukkan menjadi belanja yang ditanggung Felda untuk menyenaraikan FGV.

Wang ini diambil dari dana Felda termasuklah sebahagian besarnya pinjaman yang dibuat oleh Felda dari KWSP, yang akhirnya disalurkan kepada FGV.

"Sebab itu saya menyeru peneroka-peneroka Felda dan rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar bahawa pentadbiran Najib pernah menggunakan duit rakyat dan peneroka untuk menyogok peneroka dengan 'gula-gula' sebelum PRU13 dahulu.

"Selepas PRU13, peneroka Felda dan rakyat dibebankan dengan hutang yang diambil Felda untuk menyogok peneroka Felda sehinggalah Felda berada dalam keadaan yang parah sekarang," katanya.

Hanya yang bodoh percaya DAP pimpin Pakatan

TUN Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin dan pendokong Pakatan Harapan bukannya pihak yang bodoh sehingga memilih DAP untuk memimpin mereka ketika mereka mempunyai tiga parti yang dipimpin oleh orang Melayu dalam gabungan itu.

Oleh itu, katanya, dakwaan Umno dan sesetengah pihak lain bahawa DAP menguasai gabungan itu adalah tidak benar, kata Dr Mahathir, Pengerusi Pakatan Harapan.

"DAP bukan majoriti. Kalau kita jumlahkan Amanah dan PKR, mereka mempunyai lebih banyak wakil rakyat daripada DAP.

"Kalau mereka begitu bodoh, mereka akan pilih DAP lah. Tetapi mereka bukan bodoh

macam tu," kata Dr Mahathir pada sidang media di Petaling Jaya hari ini mengulas dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mengatakan DAP menguasai Pakatan sebelum ini.

Menurut Dr Mahathir, Najib dan Barisan Nasional (BN) akan terus mengulangi tuduhan DAP menguasai PH.

"Benda tak benar. Orang Najib tak tahu sistem demokrasi. Yang mereka hanya tahu adalah kleptokrasi," katanya.

"Dalam sistem dia (Najib), dia saja yang lebih besar daripada orang-orang Umno, BN. Inilah sistem Najib, satu orang mengatasi semua orang," katanya.

Nasib anak muda selepas tamat belajar

Oleh **PENULIS KHAS**

MOHAMAD Abdul Razak, 25, adalah bekas pelajar UITM. Selepas tiga tahun belajar di peringkat diploma, beliau menyambung pelajarannya selama dua tahun lagi untuk peringkat ijazah.

Selepas setahun menganggur, kini beliau bekerja dengan sebuah syarikat swasta dan mendapat gaji kira-kira RM2500 sebulan.

Oleh kerana mahu berkahwin, beliau mahu membelikan sebuah kereta kecil yang harganya RM35,000 sahaja.

Penjual kereta telah bersetuju untuk menjual keretanya kepada Mohamad dengan bayaran bulanan RM380 sebulan selama sembilan tahun.

Namun apabila beliau ke bank untuk membuat pinjaman, tidak ada satupun bank yang mahu memberikan pinjaman kepada beliau melainkan pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberikan perlepasan.

Ini kerana, Mohamad mempunyai tunggakan pinjaman kira-kira RM7,000 dari PTPTN ketika beliau belajar di peringkat diploma.

Di peringkat ijazah, beliau berbelanja dengan bantuan ibu bapanya dan sudah tentu beliau tidak mampu membuat bayaran PTPTN ketika itu.

Begitu juga sebelum mendapat pekerjaan. Na-

mun selepas bekerja, beliau mula membayarnya RM200 setiap bulan melalui potongan gaji.

Namun, kerana tidak membayarnya selama tiga tahun, Mohamad mempunyai tunggakan lebih RM7,000 dan tidak boleh membuat sebarang pinjaman melainkan beliau membayar balik wang tunggakan pinjaman PTPTN itu.

Bukan Mohamad seorang sahaja mengalami nasib yang sama.

Kira-kira 300,000 lagi bekas peminjam PTPTN telah disenarai hitamkan dan tidak boleh membuat sebarang pinjaman dan disekat dari keluar negara.

Menurut satu laporan, 586,863 peminjam PTPTN telah disenaraihitamkan sebelum ini dan dihalang dari keluar negara oleh Jabatan Imigresen.

Namun kira-kira 50% darinya telah mengambil keputusan membuat bayaran segera untuk membolehkan mereka ke luar negara, kata Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN Wan Ahmad Wan Yusof.

Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa semasa dialog di Yayasan Kepimpinan Perdana dengan cendekiawan Melayu Selasa lepas, pembedulan terhadap perkara ini perlu dibuat.

"Kami akan memastikan pembedulan dibuat terhadap senarai hitam ini," kata Husam di majlis itu.



PH tawar kepimpinan bersih

Oleh NAZRI ABDULLAH

BATU PAHAT: Rakyat perlu memberi peluang kepada Pakatan Harapan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang memandangkan gabungan itu mempunyai kumpulan pemimpin yang bersih untuk mengembalikan semula negara ini pada landasan yang lebih baik.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata, rakyat boleh menyandarkan harapan kepada mereka untuk membuat perubahan dengan melihat sendiri rekod prestasi dan komitmen setiap dari mereka khususnya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Harapan dalam usaha membuat perubahan.

"Satu aset yang masih ada kepada pimpinan Pakatan Harapan hari ini adalah kami masih bersih. Kita ada kumpulan pemimpin yang bersih yang rakyat boleh sandarkan harapan untuk ubah negara kita. Tetapi kita masih belum diuji.



Salahuddin berucap dalam majlis jelajah Invoke.

"Inilah yang kita tawarkan kepada rakyat untuk kita bina kembali Malaysia," katanya ketika berceramah dalam siri jelajah Jom Bina Semula Negara anjuran Invoke dekat sini, baru-baru ini.

Parti pembangkang pada PRU13 lalu ber-

jaya memperoleh 52 peratus undi popular kata Salahuddin, menunjukkan betapa rakyat sangat mahukan perubahan kepada kepimpinan negara.

Sekalipun ia tidak berjaya merubah tampuk pemerintahan negara kerana sistem pilihan raya negara berdasarkan parti memenangi kerusi terbanyak akan membentuk kerajaan,

namun kata Salahuddin keputusan mungkin berbeza pada PRU14 akan datang.

Keberangskalian itu, kata beliau bertambah dengan terbentuknya gabungan empat parti iaitu Keadilan, DAP, AMANAH dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia

(PPBM) dalam Pakatan Harapan yang akan bertanding menggunakan satu entiti, satu logo dan satu manifesto.

Apatah lagi kata Salahuddin, gabungan pengalaman bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, menguatkan lagi Pakatan Harapan untuk mendepani Umno-BN.

"Atas nama Pakatan Harapan kita memang akan menjadi kerajaan pilihan rakyat dalam PRU14 akan datang," katanya sambil menyeru rakyat untuk terus kekal memberi sokongan kepada Pakatan Harapan.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata Pakatan Harapan mempunyai tanggung jawab besar untuk membina semula negara khususnya melakukan reformasi sistem yang sudah terbukti tempang di bawah kerajaan Umno-BN.

"Kita terlalu banyak kerja nak buat. Kita nak pastikan Najib Razak dan Rosmah tidak ada lagi di Putrajaya.

"Tugas kita berat untuk melakukan reformasi. Laungan 'reformasi' keramat Anwar akan dapat kita tunaikan insyaAllah," katanya.

Jika menang PRU14 jumlah MP Melayu PH atasi MP Umno

KUALA LUMPUR: Umno-BN hanya parti politik bukan kerajaan yang tidak boleh ditukar terutama ketika negara menghadapi masalah akibat pentadbirannya yang korup, tegas Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Namun kata beliau, rakyat khususnya di kampung-kampung sudah didoktrin sejak sekian lama bahawa Umno-BN adalah kerajaan yang menjaga kepentingan Islam dan Melayu.

"Masih ada lagi mereka menganggap Umno itu kerajaan, kerajaan itu Umno. Kalau Umno kalah tak ada kerajaan. Sepatutnya 60 tahun merdeka rakyat sudah diajar tentang demokrasi. Yang mana kerajaan yang mana parti politik.

"Tetapi oleh kerana siasah atau

politik ini tidak diajar di sekolah dan universiti, sivik dan tatacara demokrasi tidak diajar dan Umno sudah terlalu lama, sudah tertanam bawah Umno itu kerajaan, kerajaan itu Umno.

"Ini kesilapan besar yang difahami terutama penduduk luar bandar. Sedangkan parti politik boleh pergi dan datang tetapi kerajaan itu tetap ada dan kekal sampai bila-bila. Pemahaman politik ini perlu ditekankan," katanya ketika ditemui.

Mohamad diminta mengulas dakwaan pemimpin Umno-BN kononnya bangsa Cina melalui DAP akan memerintah Malaysia dan hak dan keistimewaan Melayu akan hilang jika BN kalah dalam pilihan raya

akan datang.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH) berkata, dakwaan itu ternyata salah kerana wakil rakyat Melayu dalam PH di parlimen mengatasi wakil rakyat Melayu dalam Umno.

"Sebenarnya tidak betul sebab komposisi dalam parlimen kita akan lihat calon-calon Melayu daripada Bersatu, Keadilan, AMANAH bahkan dalam DAP itu sendiri mengatasi jumlah calon Melayu dalam BN.

"Calon Melayu tidak berkurang bahkan bertambah dalam Pakatan Harapan. Tapi persepsi ini ditanam hanya semata-mata untuk menjaga supaya Umno-BN terus dipilih dalam pilihan raya," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan pendaftaran parti DAP terbatal, Mohamad berkata, AMANAH tidak ada masalah untuk membenarkan parti itu bertanding menggunakan logo AMANAH dalam PRU14.

"DAP sekarang sedang berurusan dengan RoS, mereka kemungkinan besar akan membuat pemilihan semula. Andai kata DAP digantung atau diharamkan AMANAH tidak ada masalah untuk DAP menggunakan simbol AMANAH pada PRU14," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, PH sedang mendaftarkan logo bersama untuk digunakan dalam PRU14 dan berharap ia akan diluluskan RoS supaya semua parti dalam gabungan

itu boleh menggunakan satu logo.

"Tetapi Pakatan Harapan akan mendaftarkan simbol bersama maka fenomenanya berlainan daripada pilihan raya 2013 di mana kita tidak ada logo bersama.

"Sekarang dengan adanya logo bersama saya yakin mana-mana pihak yang dipersetujui oleh Pakatan Harapan boleh bertanding di bawah logo bersama itu.

"Tapi kalau logo bersama pun tidak diluluskan AMANAH tidak ada masalah untuk membuka ruang kepada DAP untuk menggunakan simbol AMANAH tapi bagi saya sebaik-baiknya kita dapat gunakan logo bersama untuk PRU14," katanya.

AMANAH Sabah perjuang Perjanjian Malaysia 1963 MCA persoal DAP lebih banyak bantu Melayu

KOTA KINABALU: AMANAH Negeri Sabah akan terus menjadikan Perjanjian Malaysia 1963 sebagai teras perjuangan bagi mengembalikan hak rakyat Sabah.

Pengerusinya, Hamzah Abdullah berkata, sentimen 'Malaya menjajah Sabah' timbul di kalangan rakyat negeri ini ekoran kegagalan pentadbiran BN memelihara hak anak negeri dan membangunkan Sabah.

"Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang kita perjuangkan (hendaklah) didahului dengan menyemarakkan kekayaan bumi Sabah yang berada dalam kawalan kita jika kita menang PRU14, bukan lagi menggunakan alasan Malaya menjajah Sabah disebabkan fokus 'Sabah for Sabahans' sudah hilang selepas mendapat kuasa," katanya.

Ujar beliau lagi, slogan 'Sabah for Sabahans' pernah digunakan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menang pada Pilihan Raya Umum 1985.

Menurut Hamzah, Pakatan Harapan (PH) akan mengembalikan semula hak dan kekayaan rakyat Sabah sekiranya diberikan peluang untuk memerintah.

"Kita akan kembalikan tanah-tanah adat yang telah dirampas BN. Kita akan batalkan geran komunal (communal title) kepada geran individu (individual title), kampung-kampung tradisi yang dianggap seinggalan oleh BN akan diwartakan," katanya.

Berkaitan isu pendidikan, Hamzah berkata, pelajar-pelajar di Sabah seharusnya ditanggung sepenuhnya oleh Yayasan Sabah selain memperhebat latihan vokasional serta keterampilan anak muda dalam sektor pertanian.

"Kita akan pastikan pelajar-pelajar Sabah dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Sabah dengan tanpa perlu pinjaman PTPTN.

"Kita akan pastikan Saham Amanah Rakyat Negeri Sabah yang dibatalkan zaman PBS dipulihkan semula," katanya.

Menurut beliau juga, rakyat Sabah sepatutnya menikmati hasil minyak negeri Sabah dengan lebih baik.

"Kita akan pastikan royalti minyak dari Sabah dirasai sama nikmatnya oleh rakyat Sabah. Membina lebih banyak rumah-rumah PPR dan mengagihkannya secara adil," katanya.

PETALING JAYA: MCA menyelar DAP kerana meminggirkan masyarakat bukan Islam dan bukan Melayu, dan mempersoalkan kerajaan Pulau Pinang kerana lebih banyak membantu Bumiputera daripada kumpulan lain.

"Selepas mengambil alih Pulau Pinang pada 2008, dalam hanya 8 tahun, ketua menteri Pulau Pinang membelanjakan RM4.5 juta untuk hal ehwal Islam di negeri itu, tetapi memperuntukkan cuma RM7.7 juta yang diagihkan kepada semua agama lain," kata Ketua Biro Publisiti MCA, Datuk Chai Kim Sen.

Beliau turut mempersoalkan peruntukan RM8 juta oleh kerajaan Pulau Pinang kepada 20 sekolah aliran agama, di samping pemberian 90% kontrak kerajaan kepada Bumiputera.

"Dibandingkan era Dr Mahathir, Pulau Pinang di bawah DAP lebih banyak memperuntukkan kepada masyarakat Bumiputera," kata Chai.

Chai berkata DAP adalah komponen paling lemah dalam gabungan Pakatan Harapan (PH), sambil menyifatkan slogan 'Malaysian Malaysia' yang dibawanya 'sudah terkubur'.

"Penyokong diperdaya oleh slogan 'Malaysian Malaysia' DAP. Amat jelas DAP sendiri tidak percaya atau mengamalkan slogan politiknya," katanya.

Chai turut mempertikaikan jaminan Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan hak Melayu di bawah kerajaan PH, dengan berkata ia menunjukkan parti berteras Melayu itu mempunyai "pengaruh paling besar

dalam gabungan itu walaupun hanya diwakili seorang ahli Parlimen".

Sebelum ini, beberapa pemimpin Umno menganggap DAP mengawal hala tuju PH walaupun pemimpinnya tidak dipilih dalam 3 jawatan tertinggi gabungan itu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata DAP adalah parti dominan dalam gabungan itu dan barisan kepimpinan yang diumumkan hanya untuk mengaburi pengundi Melayu.

"Namun dalam demokrasi, angka tidak menipu. DAP kekal parti paling dominan. Orang yang memimpin DAP untuk separuh abad lalu kini bersembunyi di belakang seorang yang pernah memenjarakannya," katanya merujuk Dr Mahathir dan Lim Kit Siang. - FMT

Minda Pengarang

Tawaran sejuta pekerjaan

SETELAH mengadakan mesyuarat demi mesyuarat, pimpinan Pakatan Harapan sudah menetapkan hirarki kepimpinan gabungan mega pembangkang itu. Bukan itu saja, tetapi juga sudah menetapkan tugas dan tanggungjawab masing-masing, dalam masa yang sama sudahpun menetapkan logo Pakatan Harapan, iaitu HARAPAN untuk dihantar kepada RoS untuk mendapatkan kelulusan.

Jika diluluskan, maka komponen Pakatan Harapan hanya memakai satu logo dalam PRU14. Semoga diluluskan. Langkah selanjutnya ialah mengemukakan manifesto bersama yang kini sedang diperkemas sebelum dikemukakan kepada rakyat. Setakat ini kelihatan semuanya berjalan lancar di tengah-tengah pelbagai pandangan dari pelbagai pihak.

Sudah tentu musuh Pakatan Harapan memberi persepsi negatif. Apalah yang boleh diharapkan dari mereka, justeru Pakatan Harapan akan berdepan dengan Umno-BN dalam PRU14.

Sementara itu, Pemuda Pakatan Harapan sudahpun ke depan dengan melancarkan manifesto pilihan rayanya. Dalam manifesto tersebut, Pemuda berjanji akan mewujudkan satu juta pekerjaan dalam tempoh lima tahun pertama jika memenangi PRU14 dan mengambil alih Putrajaya.

Ia bermula dengan pengurangan sistematik terhadap pergantungan semasa terhadap tenaga kerja asing yang murah. Kata Timbalan Ketua Pemuda, Parti Amanah Negara, Faiz Fadzil janji mereka dibuat memandangkan kini ada kira-kira 400,000 graduan tanpa pekerjaan dan kemungkinan ribuan lagi dijangka bakal dihentikan.

Pihaknya berikhtiar mencari pekerjaan dalam dua sektor, mahir

dan separuh mahir.

"Pekerjaan mahir akan membolehkan lebih banyak graduan mengisinya, sementara kerja buruh boleh ditawarkan melalui pengurangan pergantungan kepada pekerja migran," kata Faiz di sidang akhbar bersama pemimpin Pemuda Pakatan Harapan yang lain di Ibu Pejabat AMANAH di Kuala Lumpur.

Di samping itu, Pemuda Pakatan Harapan turut mencadangkan gaji minimum kebangsaan dinaikkan kepada RM1,500 daripada kadar RM1,000 sekarang. Menurut Pemuda, sekiranya upah minimum dinaikkan, ini akan menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk terlibat dalam sektor 3D atau Dirty, Dangerous and Difficult.

Ketua Pemuda PKR Nik Nazmi Nik Ahmad pula berkata, masalah pergantungan kepada pekerja asing tidak pernah diselesaikan kerana 'ketagihan negara' kepada model ekonomi bergaji rendah. Menurutnya, pada satu ketika model ini diterima pakai oleh kebanyakan negara tetapi Malaysia tidak pernah bergerak dari rantaian itu.

Dalam masa yang sama, dua minggu yang lalu Pakatan Harapan sudahpun menggariskan Dasar 100 hari pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan jika berkuasa, iaitu merangkumi tujuh perkara penting: Menghapuskan GST; menstabilkan harga petrol; memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat; memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh; memerangi rasuah hingga ke akar umbi; menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja Skandal 1MDB; dan memulihkan Felda.

Semuanya ini menghantar isyarat jelas hasrat Pakatan Harapan untuk membela rakyat yang sekarang ini dihimpit oleh krisis ekonomi yang semakin mencengkam.

Haraki membentuk peribadi Muslim

DALAM mendepani kehidupan yang sentiasa dinamik, hidup kita juga mesti sentiasa mempunyai kekuatan yang dapat menghubungkan dengan kedinamikaan suasana. Bagi saya, bersifat harakilah yang akan meningkatkan keberhasilan kita dalam menyesuaikan diri dengan suasana yang dinamik ini.

Bersifat melarutkan diri dengan tuntutan *waqie'* amat diperlukan oleh ummat kini yang sentiasa runsing akibat setiap permasalahan yang melibatkan percanggahan dan kelompangan perilaku manusia.

Oleh itu tugas dan peranan untuk menjadi muslim haraki ini besar dan tidak akan dapat disempurnakan jika seseorang itu tidak mempunyai bekalan yang secukupnya. Bekalan yang saya ingin ketengahkan ialah pembangunan tarbiyah haraki yang memberi penekanan kepada pembinaan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara.

Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bagaimana mengaplikasikan tuntutan nas dengan realiti yang jauh berbeza dengan era zaman Rasul atau sahabat baginda. Kita harus membezakan kafir yang berada dalam konteks negara madani di mana mereka dilindungi oleh perlembagaan, undang-undang, hak-hak asasi mereka sebagai warga negara tidak boleh diisytihar dengan mudah sebagai kafir harbi yang halal darah kerana kesilapan analogi dan bermudah-mudah dengan nyawa dan nama baik orang lain, lebih lagi jika mereka mempunyai hak sivil yang sama.

Konsep politik Islam era kini melalui perkembangan dan pencerakinan yang sesuai dengan tahap perkembangan tamadun manusia. Dasar demokrasi yang murni diang-



gap paling hampir dengan tuntutan politik Islam yang diidamkan oleh manusia masa kini. Sebab itu penggarapan kajian politik Islam kontempori mesti dilakukan dengan cermat dengan memerhatikan kelainan geopolitik di negara Islam yang

“... Nilai dan kudrat kepimpinan yang diperhatikan bukan hanya keupayaan *advocat* atau penyampaian mesej, khutbah dan syarahan tapi adalah senarai kualiti kepimpinan politik era kini dan ciri-ciri keperibadian dan moral yang matang dan tinggi.

berbeza.

Lantaran itu, aspek pembangunan tarbiyah ini tersangatlah penting untuk diambil tanggungjawab oleh kumpulan Islam/parti Islam kerana ia mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat. Pelaksanaannya juga mestilah bersistematik dan mempunyai mekanisma yang tersusun dalam mengatur kedudukan ahli, sesuai dengan kebolehan, watak, bakat masing-masing, supaya setiap aktivis wajar ditempatkan pada kedudukan tepat yang membawa manfaat besar pada perjuangan.

Nilai dan kudrat kepimpinan yang

diperhatikan bukan hanya keupayaan *advocat* atau penyampaian mesej, khutbah dan syarahan tapi adalah senarai kualiti kepimpinan politik era kini dan ciri-ciri keperibadian dan moral yang matang dan tinggi.

Dasar inilah yang mesti diambil kira terutamanya Parti Amanah Negara yang menghampiri usia dua tahun penubuhannya. Mengambil manfaat daripada kepelbagaian kebolehan ahli yang ada untuk diperbaiki mutu pembinaan diri, teknik pendekatan dan pengembangan

parti.

Seterusnya, menyediakan kualiti tambahan yang ada pada diri untuk disumbangkan kepada masyarakat umum. Mereka yang berada di dalam AMANAH akan diberi suntikan Islam dan keluar dimedan umum merenjisikan manfaat dan menjadi Musleh.

Inilah haraki yang saya maksudkan yakni membina kualiti, ciri dan nilai ketamadun diri sehingga dapat menyumbangkan manfaat dan menjadi *role model* kepada orang lain.

Akhirnya ada baiknya kita selitkan perkara 4 dalam "Deklarasi Padang" 2017/1438h; baru-baru ini yang menekankan aspek berikut: "Pentingnya sikap proaktif dari seluruh kaum muslimin dalam membangun kesatuan, persatuan dan persaudaraan umat Islam, dengan menumbuhkan sifat *tabayyun*, *husnuzhan*, rasa cinta dan kasih sayang, saling menghargai dan toleran, saling bersilatullah dan bermusyawarah, serta menghindari segala hal yang dapat menyebabkan perselisihan, perpecahan dan permusuhan."

Saya akhiri dengan firman Allah, maksud al-Baqarah, 224: "(Dan janganlah kamu jadikan nama) Allah dalam sumpah kamu sebagai benteng yang menghalangi kamu daripada berbuat baik dan bertaqwa, serta mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui."



Aspek pembangunan tarbiyah ini tersangatlah penting untuk diambil tanggungjawab oleh AMANAH khususnya kerana ia mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat.

Mahathir lagi!

Tajuk forumnya "Mahathir: Agen Perubahan atau Agen Pemusnah?", mencetus perdebatan hangat di bilik auditorium Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur-Selangor pada 25 Julai 2017.

Mujur sambutannya hangat, memperlihatkan ramai lagi yang masih mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada Pakatan Harapan. Lebih baik hadirin berbalah dengan panelis lantaran perbezaan pandangan, daripada semuanya sebulat suara dalam suasana yang tenang dan dingin.

Syabas kepada penganjur, kerana menampilkan barisan panelis dan moderator yang rasional dan jujur. Sungguhpun bersikap sangsi dengan Dr Mahathir Mohamad, Dr Micheal Jeyakumar Devaraj dari

Umno-BN, sekurang-kurangnya, kerana menjangkakan malapetaka yang lebih dahsyat sekiranya Najib mendapat mandat yang lebih besar dalam PRU14.

Hishamuddin Rais, seperti biasa, melakukan provokasi minda, tetapi jujur ketika diajukan soalan apakah jaminan Mahathir akan melakukan Reformasi seandainya kuasa diberi kepadanya. Tiada jaminan, hatta kahwin pun tiada jaminan agar tidak bercerai, bagaimana kita menjamin sesuatu dalam politik?

Siap dengan contoh, pejuang Komunis China suatu ketika dahulu yang perang bermati-matian mempertahankan ideologinya pun tidak menjangka bahawa China bakal bertukar menjadi negara kapitalis terbesar di dunia pada hari ini.



Parti Sosial Malaysia tetap rasional dalam pengujahannya apabila menekankan pentingnya untuk menafikan majoriti dua pertiga

Ini kejujurannya, yang saya hargai. Kita tersepit di zaman yang sukar. Senang kita menuduh seseorang itu tidak berprinsip, tetapi sukar pula



Siang-Malam
Lim Hong Siang

untuk kita menawarkan penyelesaian alternatif. Begitu juga sebaliknya. Senang kita caturkan strategi, tetapi sukar untuk kita menjamin kesudahannya. Senang untuk kita laungkan slogan Hidup Rakyat atau Revolusi, tetapi akar umbi yang kita mampu kerah gagal memenuhi lima biji bas.

Kita boleh mempersalahkan parti pembangkang yang gagal menembusi kawasan kampung sehingga terpaksa bergantung kepada susuk bekas diktator yang berusia 92 tahun pada hari ini. Tuntutan kita wajar apabila kita mahukan rombakan sistem negara. Adalah hak kita juga untuk menolak Mahathir daripada kembali menerajui tampuk kuasa. Tetapi persoalan yang paling sukar adalah bagaimana kita berdepan dengan realiti politik yang terpampang di depan mata sekarang?

Inilah cubaan dan dugaan dalam hidup. Ada kalanya kita ber nasib baik, kita memilih mana yang lebih baik. Namun ada kalanya nasib tidak memihak kepada kita. Kita terpaksa memilih mana yang kurang dahsyat kesannya. Apapun pilihannya, tetap akan ada kekurangannya. Tetapi pilihan perlu dibuat.

Kita membuat pilihan yang difikirkan paling kurang memudaratkan masa depan. Dalam konteks ini, pendukung demokrasi seharusnya

mampu berdialog dengan rasional dan bersama mencari penyelesaian yang terbaik, atau paling kurang dahsyat kesannya.

Apa yang berlaku sepanjang pertikaian isu Mahathir dalam Pakatan Harapan adalah, mereka yang berbeza pandangan hanya bercakap dan bersorak dalam kelompok masing-masing. Sudah lama saya mengamati fenomena ini, malah pengamatan saya terbukti apabila saya hadir dalam satu sesi latihan sukarelawan PKR di Sungai Petani, baru-baru ini.

Saya diundang untuk berkongsi pandangan tentang isu politik nasional. Saya menjelaskan kepada peserta, yang kebanyakannya Melayu, mengapa komuniti Cina masih sangsi dengan Mahathir. Isu Suqiu pada tahun 1999, apabila Mahathir bersetuju untuk menerima tuntutan daripada kira-kira 2000 pertubuhan Cina kerana khuatir dirinya tewas dalam PRU10.

Setelah diselamatkan undi Cina dalam PRU10, Mahathir membidas pertubuhan Cina yang mengemukakan Suqiu ini sebagai komunis dan pelampau Al-Ma'udah dalam ucapan Hari Kemerdekaan tahun 2000. Cina tidak mudah lupa, dan pertubuhan Cina inilah yang sebenarnya menyokong pembangkang selama ini!

Seorang peserta Melayu, sungguhpun bersimpati terhadap komuniti Cina, menyeru agar komuniti Cina boleh menyokong Mahathir kali ini untuk menamatkan hayat regim Najib-Umno. Saya membalas, mereka akan tertanya-tanya, mengapa Pakatan Harapan yang kononnya sarat dengan pemimpin yang berbakat, gagal menampilkan calon PM selain Mahathir?

Saya tidak sengaja mereka-reka

"reaksi" ini kerana pendirian saya menolak Mahathir sebagai calon PM Pakatan Harapan. Kebetulan dalam satu forum bahasa Cina yang saya hadir sebagai panelis pada malam itu juga, saya ditanya soalan yang sama oleh seorang hadirin Cina, mengapa tidak ditampilkan muka pemimpin muda dalam Pakatan Harapan, sebaliknya mengitar-semula pemimpin yang sudah melewati tarikh luputnya? Untuk saya fenomena ini wujud kerana kurangnya pertembungan pandangan yang berbeza secara bersemuka. Majoriti Melayu menerima Mahathir kerana kewibawaannya, tetapi sekumpulan Cina menolaknya kerana kelicikannya. Situasi bertambah buruk apabila mereka yang menerima mahupun yang menolaknya, memilih untuk bercakap sesama kelompok sendiri demi sorakan.

Tuduhan tidak berprinsip dilempar, kemudian dibalas dengan sindiran bahawa politik kamu tidak berpijak bumi. Padahal, kedua-dua pihak yang berbeza pendirian ini pernah menyumbang dalam gerakan Reformasi.

Justeru, tuduhan dan sindiran itu mengguris hati, seolah-olah tiada percaya dan rasa hormati sesama aktivis ini. Untuk saya, ini sebenarnya tendangan maut kepada barisan pembangkang. Kita sepatutnya menyatukan tenaga agar Mahathir gagal mengambil kesempatan terhadap pembangkang. Malah kita perlu memastikan bahawa kita memiliki kekuatan yang memadai untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan pada masa depan.

Forum ini mungkin satu permulaan yang baik. Dan ia harus diteruskan untuk mencari muafakat bersama.

Beban hidup perhatian utama pengundi PRU14

Di tengah-tengah sambutan meriah terhadap majlis ceramah mega para tokoh Pakatan Harapan di seluruh negara, ada peringatan beberapa pihak bahawa yang menjadi perhatian utama para pengundi PRU14 nanti ialah kos sara hidup yang dirasakan sangat mencengkam.

Ini yang menjadi perhatian utama pengundi, kata penganalisis politik, juga dapatan beberapa kaji selidik, khususnya Invoke, yang diusahakan oleh Rafizi Ramli, seorang tokoh politik muda, ahli Parlimen Pandan.

Akhir-akhir ini, ceramah mega Pakatan Harapan yang sangat rancak itu lebih banyak mendedahkan skandal 1MDB, krisis ekonomi negara, ratusan ribu kakitangan awam dan swasta yang tidak mempunyai rumah walaupun sekadar rumah murah, hutang negara yang terus ber-

tambah, rasuah, kemerosotan nilai ringgit, pengangguran yang semakin bertambah dan lain-lain.

Pelbagai isu penting ini memang wajar diketengahkan dalam ceramah mereka di mana memberikan penerangan kepada rakyat akan masalah negara. Bagaimanapun sewajarnya, pelbagai isu penting yang dibangkitkan itu dihuraikan dengan bahasa yang mudah dengan menghubungkan semuanya itu yang menyebabkan derita rakyat, iaitu menyebabkan harga barangan keperluan asas, terutama makanan naik meningkat. Menyebabkan rakyat tidak tertanggung dengan beban hidup ini.

Bayangkan bagaimana sudah terdapat pelajar universiti yang hanya makan nasi dengan



kuah, atau makan sekali sehari saja. Semuanya kerana tiada wang. Begitu juga ada kakitangan awam dan swasta yang

mengikat perut akibat harga makanan yang mahal. Terbeban dengan harga minyak yang terus naik dan pelbagai lagi.

Semuanya ini akan mempengaruhi aliran pengundian apabila tiba pilihan raya umum nanti, justeru waspadalah. Jagalah hati mereka.

Maka jika isu skandal 1MDB didedahkan secara terapung-apung, yang hanya difahami oleh golongan terpelajar dan prihatin, terutamanya di bandar, maka mesej seperti itu tidak akan sampai dan difahami oleh rakyat terbanyak, terutama di luar bandar.

Dalam hal ini, Pakatan Hara-

pan perlu memperincikan, dasar 100 hari pemerintahan Pakatan Harapan yang digariskan Majlis Presiden baru-baru ini. Ia perlu diperincikan dalam bahasa yang mudah difahami oleh rakyat.

Sementara itu, Pemuda Pakatan Harapan menyokong penuh dasar 100 hari pemerintahan Pakatan Harapan itu. Ia mengharapkan diberi fokus tiga lagi isu penting membabitkan kepentingan generasi muda negara.

Ia menyarankan supaya menambah semula peruntukan pendidikan; mereformasi dasar harga rumah mampu milik; dan menawarkan pekerjaan dan inisiatif keusahawanan.

Minggu lalu Majlis Presiden Pakatan Harapan mengumumkan dasar 100 hari pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan yang merangkumi tujuh perkara iaitu: Menghapuskan GST;

- Menstabilkan harga petrol;
- Memberi fokus kepada usaha meringankan beban rakyat;
- Memulakan proses reformasi institusi secara menyeluruh;
- Memerangi rasuah hingga ke akar umbi;
- Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja Skandal 1MDB; dan
- Memulihkan Felda.

Tujuh perkara ini, sangat wajar dhuraikan secara jelas dan mudah kepada rakyat.

Sementara itu, dalam semua isu yang berbangkit ini, maka isu harga barang naik sangat melemaskan rakyat terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana. Maka ia perlulah diberikan keutamaan.

SN A. Samad Said berdiri gagah

Catatan **A. SHUKUR HARUN**

HANYA sesekali dalam sesuatu zaman, seseorang sasterawan besar lahir untuk mengisi akan erti kemanusiaan dan kebebasan serta menjadi jurubicara masyarakat dan zamannya.

Pada sepanjang zaman, pada mulanya memang ramai penulis yang muncul dalam pelbagai genre, tetapi hanya sejumlah kecil yang mampu mengisi tugas itu. Malah dari jumlah yang kecil itu pula, lebih kecil lagi yang mampu bertahan dan mampu mendambakan dirinya walau menghadapi badai dan gelombang sebesar manapun.

Daripada jumlah yang sangat kecil itu, hadir dan mengalir sasterawan besar A. Samad Said yang kini bergelar Datuk Seri setelah dianugerahkan yang membawa gelaran tersebut oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang minggu lalu.

Kerajaan Pulau Pinang yang diterajui Pakatan Harapan memberi pengiktirafan kepadanya.



SN A. Samad Said menerima anugerah daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

Sasterawan itu tunduk menerima anugerah itu dalam suasana yang meriah dan penuh erti. Sebuah pengiktirafan yang sangat besar ertinya oleh institusi yang sangat menghargai perjuangan kemanusiaan dan demokrasi.

Anugerah itu, bermakna pengiktirafan akan seorang tokoh yang menjadi jurubicara masyarakat dan zamannya dan mungkin akan melampaui zamannya. Walaupun usianya sudah lanjut, tetapi den-

gan segala kematangannya, jelas pemikirannya tetap cemerlang dan terkini.

Malah menjadi ikon masyarakat madani dan generasi mudani. Ini adalah luar biasa.

Sasterawan bebsar ini telah melalui tiga zaman n zaman selepas saja Perang Dunia Kedua di mana beliau menghasilkan novel Salina, zaman perjuangan kemerdekaan, zaman selepas merdeka dan zaman kini yang semuanya bergelora.

Pelbagai cabaran dihadapinya. Untuk ini saya teringat akan sebuah dialog dalam novel Ernest Hemingway, 'Old Man And The Sea':

"You can destroy people, but you cannot defeat people."

Sama seperti yang diungkapkan oleh Mahatma Ghandi di depan polis yang menahannya:

"You can arrest me, but you cannot defeat me."

Memang jiwa besar tidak akan terkalahkan.

Kita memeperkatakannya bukan semata-mata kerana nama besarnya sebagai Sasterawan Negara, tetapi justeru kerana usahanya menjadi besar.

Dalam karyanya, A. Samad Said menyerlahkan perjuangannya membela rakyat, demokrasi dan kebebasan, sebab itu dia berada di mana-mana n di masjid, di pelbagai perhimpunan rakyat dan di mana saja. Justeru sebagai sasterawan dia merasakan perlu berada di tengah masyarakat, berinteraksi dengan mereka. Bukan sekadar berkurung

dalam bilik kerja dan berkhayal.

Saya mngenalinya sejak hampir setengah abad lalu, sejak di Singapura lagi, menghantar tulisan saya untuk majalah Mastika. Beliau membetulkannya. Kemudian di Kuala Lumpur, beliau pernah menjadi bos saya ketika beliau menjadi editor Berita Harian, hinggalah kami bersara.

Persahabatan berterusan hingga kini dan terus erat. Sangat terasa demikian tinggi nilai persahabatan itu. Kami sering bertemu di majlis Baca Puisi Paksi, berbincang dengan dramatis Dinsman dan rakan lain dalam Paksi.

Beliau sentiasa mendorong saya supaya terus membaca dan menulis, justeru katanya, membaca dan menulis adalah kerja mulia.

Allah SWT telah menganugerahkan Datuk Seri Dr. A. Samad Said ini kekuatan mental dan fizikal. Dalam umur yang demikian lanjut, seperti saya juga, kami masih sering bertemu di mana-mana.

Semoga Datuk Seri A. Samad Said akan terus menulis.

Sasterawan rakyat bersenjata pena dan puisi

Oleh **LIM KIT SIANG**

SAYA ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Sasterawan Negara Datuk Seri A. Samad Said di atas penganugerahan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri oleh TYT Tun Datuk Seri Utama Dr Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Penganugerahan ini adalah satu simbol pengiktirafan kepada beliau, atas khidmat bakti yang telah dicurahkan dalam dunia kesusasteraan dan budaya di tanah air, selain untuk sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada lapangan aktivisme dan politik negara.

Pak Samad, seperti panggilanannya di kalangan kita semua, adalah manifestasi 'puisi jadi senjata' di tengah-tengah medan politik Malaysia yang kini sedang berada di perbatasan pilihan raya paling penting dalam sejarah negara. Pak Samad adalah panglima rakyat, dengan bersenjatakan pena dan kata-kata, memujuk hati nurani kita semua agar mengusung perubahan dan mencapai impian kita sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara.

Hasil-hasil karya Pak Samad tidak pernah gagal membawa tema dan suara rakyat marhaen ke khalayak umum. Novel 'Salina' contohnya menjadi cerminan kesempitan hidup rakyat pasca perang dunia kedua, dan bagaimana rakyat marhaen ditindas.

Sajak-sajak Pak Samad setelah terjun ke lapangan aktivisme lebih-lebih lagi menggambarkan perasaannya yang menyala-nyala. Sajaknya yang dibaca bersempena Himpunan Kebangkitan Rakyat, beberapa bulan sebelum pilihanraya umum ke-13 sangat mengesankan. Dan sehingga kini pun masih terus menuip

bara semangat kita semua.

"Rumput di kaki, awan di kepala, gah iringi murba, seramainya, sederapnya, setulusnya, kita bersama menjulang panji negara, bangga dicium angin jati di tengah gelora kita sebangsa dan sejiwa murni. Di atas padang sejarah pantang kita mungkir janji setiap tapak dan langkah mengisi rindu demokrasi."

- Di Atas Padang Sejarah, Januari 2013

Menuju bulan Ogos, saya kira bait-bait puisi Pak Samad ini perlu kita tekuni kembali. Bagaimana Pak Samad meluahkan cita-citanya untuk negara dengan apa yang disebutnya sebagai rindu kepada demokrasi.

Kerinduan beliau kepada demokrasi itu mungkin antara faktor kenapa beliau akhirnya memilih untuk menyertai DAP. Setelah puluhan tahun buah fikirnya hanya terhad di helaian kertas dan buku, Pak Samad memilih DAP sebagai wadah untuk menzahirkan erti dan makna setiap huruf dan kata yang pernah dituliskannya, sebagai satu pelaksanaan dan bukan sekadar kata-kata.

"Saya mengikuti perkembangan politik dalam tanah air. Saya putuskan menyertai DAP kerana parti ini ialah parti siasah yang ada landasan yang jelas dan anggota parti yang bersungguh-sungguh.

"Apa guna tulisan sahaja, lebih baik sertai parti politik." Itu kata Pak Samad ketika ditemubual



Kit Siang bersama SN A Samad Said di hari penganugerahan bintang kebesaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

media selepas mengisytiharkan diri masuk DAP. Ketika itu kami di Gua Musang, Kelantan, melihat kerja-kerja membangunkan kembali kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir.

Pak Samad masuk DAP dengan tujuan jelas untuk menyebarkan mesej impian Malaysia, di mana rakyat seluruh negara boleh hidup saling bertoleransi, aman makmur dan harmoni, tanpa penindasan kuasawan dan pemodal yang merompak kekayaan negara demi memenuhi hajat dan kemahuan diri sendiri.

Dalam keadaan itu pun masih ramai yang bimbang untuk menukar kerajaan dalam pilihanraya akan datang kerana katanya takut Melayu hilang kuasa. Ketika kekayaan negara dirompak dan perompaknya bebas merdeka

tidak rusing diambil tindakan, ramai lagi yang memberi tumpuan kepada politik perkauman.

Apa kata Pak Samad terhadap ketakutan ini? "Kata-kata bahawa orang Melayu dan Islam kini sedang terancam sukar masuk otak saya. Sejak merdeka, Perdana Menteri semuanya Melayu, Timbalan Perdana Menteri semuanya Melayu, Menteri Dalam Negeri semuanya Melayu, malah Menteri Besar kebanyakannya Melayu."

Pada pilihan raya umum yang akan datang, kita menjangkakan sebuah gelombang tsunami di kalangan pengundi Melayu akan memecahkan kubu-kubu Umno, terutamanya setelah Pakatan HARAPAN berjaya mengemukakan struktur organisasi dan lambang yang disepakati.

Kita sudah boleh melihat bagaimana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kini berada dalam keadaan panik dan tidak mampu menjamin sokongan penjawat awam dan demikian ramai orang Melayu yang sudah celik, mungkin kerana membaca dan bersetuju dengan pemikiran Pak Samad.

Keadaan panik Najib Razak ini menyebabkan beliau mengerah bala tentera sibernya untuk terus menghasilkan kisah-kisah fitnah, fiksiyen dan pembohongan bertalu-talu terhadap pimpinan HARAPAN.

Tetapi kami ada Pak Samad, yang akan terus setia mengungkapkan kebenaran dengan senjata pena dan katanya. Mana mungkin pembohongan dan fitnah akan dapat menewaskan kebenaran. Tahniah sekali lagi buat Pak Samad, sasterawan rakyat bersenjata pena dan puisi.

Lim Kit Siang ialah Ketua Parlimen DAP merangkap Ahli Parlimen Gelang Patah.

Dhafir Holiday Travel & Tours Sdn Bhd
دفير هوليداي ترويل تورس سدد يرمات برحد

JOM UMRAH

BERSAMA USTAZ AHMAD AWANG

HARGA:

RM7000 - RM9000

TARIKH:

NOVEMBER @ DISEMBER

PENGINAPAN:

HOTEL MADINAH:
SARAYA TABA @
MUBARAK
SILVER @ SETARAF
HOTEL MEKAH:
HILTON TOWER (50M)

PENERBANGAN:

الخطوط الجوية العربية السعودية
SAUDI ARABIAN AIRLINES

Malaysia AIRLINES



TEMPAH SEGERA!!
UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
011-32334322 (EN HAKIM)



Husam berucap dalam dialog bersama cendekiawan Melayu di mana beliau Tun Mahathir menjadi panel.

Sudah tiba masa rakyat terima perubahan politik

Datuk Husam Musa berkata, sudah tiba masanya rakyat menerima perubahan dalam politik tanahair.

Ini kerana perubahan politik tidak dapat dielakkan kerana tidak ada dalam pemerintahan sesebuah negara pemerintah selamanya kekal berkuasa.

"Begitu juga perubahan dalam rejim kerajaan hari ini, yang mana di Tanah Melayu ini sudah berlaku perubahan, yang mana kita perlu lalunya secara teratur.

"Tidak pernah dalam sejarah Malaysia moden melihat kepada kekuatan Pakatan Harapan yang terdiri daripada kepimpinan yang telah diuji dari segi polisi dan personaliti kepimpinan yang sebenarnya, kita boleh sesuaikan pada masa ini," ujarnya dalam Dialog Tokoh Politik Bersama Cendekiawan Melayu anjuran Gabungan Intelektual Melayu di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya 25 Julai lalu.

Dalam dialog ini Tun Dr Mahathir dan Husam menjadi panelis manakala Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok, Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi menjadi pemudahcaranya.

Husam yang juga Adun Salor berkata, dengan kehadiran Dr Mahathir dengan parti baharu Bersatu, perlu diberikan peluang.

"Tun Dr Mahathir, Tan Sri Muhyiddin daripada regim yang ada hari ini tidak semestinya mereka tidak boleh diberikan peluang dalam negara kita.

"Ancaman yang ada lebih besar amat penting iaitu 'leadership'. Ini kerana kepimpinan Melayu yang ada hari ini bermasalah hingga terdesak mendapatkan bantuan asing.

Isu keselamatan moden bukan daripada luar bandar tetapi dalam bandar.

"Isunya kini regim yang ada hari ini siapa selepas Najib? Dalam Pakatan Harapan kita dan kekuatan pemimpinnya. Dalam Umno tidak lagi mempercayai Zahid (Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi) sejauhmana pula kekuatan Hisham (Datuk Seri Hishamuddin Hussein)," soalnya.

Dialog dengan cendekiawan Melayu di Putrajaya 25 Julai lepas telah berjaya menghuraikan kebuntuan tentang apa yang hendak ditawarkan oleh Pakatan Harapan jika menguasai Putrajaya selepas pilihan raya umum nanti.

Pandangan ini dilontarkan oleh



Tun Mahathir terus mendapat sokongan terutama di kalangan cendekiawan Melayu.

Mahathir dan Husam ketika diajukan pertanyaan oleh hadirin di dalam Dialog Tokoh Politik Bersama Cendekiawan Melayu anjuran Gabungan Intelektual Melayu di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya hari ini.

Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang turut menjadi peserta antara lainnya, ketika pernah bersama di bawah kepimpinan Dr Mahathir, bekas perdana menteri itu, Malaysia di gelar 'small tiger of the east' setaraf dengan Taiwan.

Bagaimanapun Malaysia hari ini kata Muhammad lagi, dipandang buruk oleh negara luar. Bekas menteri besar Selangor ini berkata, golongan cendekiawan perlu menyokong usaha yang

dilakukan Dr Mahathir dan Pakatan Harapan hari ini.

"Kita kena sokong apa yang Tun lakukan... daripada pimpin BN jadi pula pengerusi (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) dan bersama Lim Kit Siang, Mat Sabu (Mohamad Sabu) untuk membawa semula kegemilangan negara di era 1990 sebagai satu lonjakan dalam Pakatan Harapan.

"Sepatutnya kita (negara) sudah seperti Korea Selatan dan Singapura tetapi sekarang negara Indonesia pula sudah mahu potong kita.

"Ini kerana rakyat benarkan Najib perintah ikut cara dia. Ramai rakyat yang nak tunggu di bawah pimpinan baharu Dr Mahathir dengan 'new team' berketerampilan baharu dan berkualiti berbanding Umno.

"Saya daripada Umno tahulah... siapa pemimpin Umno sekarang ni...di Umno sudah tiada yang berkualiti," ujarnya yang mahu golongan cendekiawan secara berterusan memberikan rangsangan kepada rakyat untuk menarik sokongan terhadap usaha Pakatan Harapan.

Begitu juga pandangan Fellow Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Cawangan Cyberjaya, Prof Dr Mohd Hatta Shaharom yang mahu mengetahui lebih lanjut ke mana bangsa Melayu sekiranya Dr Mahathir mengatakan kuasa dan pengaruh orang Melayu akan lupus pada 2050.

Beliau berpendapat jika Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan

sama ada barisan kepimpinan dalam Pakatan Harapan ini mampu menawarkan kepada rakyat suatu bentuk sistem pemerintahan yang berintegriti dan mempunyai tadbirurus yang baik kelak.

Dalam menjawab persoalan yang dikemukakan itu, Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu berpegang kepada nilai kehidupan.

Bagi bekas perdana menteri selama 22 tahun itu, maju mundur sesorang bergantung kepada pegangan nilai hidupnya, "pemalas gagal, rajin berjaya" dan ini perlu ditekankan dalam sistem pendidikan negara.

Menurut Husam pula yang memberikan contoh mengenai sejarah Nabi Yusuf yang banyak memberikan pengajaran mengenai pengurusan ketika ekonomi baik dan buruk di zaman itu, ada polisi ekonomi yang diambil Nabi Yusuf boleh dipraktikkan oleh pemimpin masa hadapan.

Antaranya adalah menyimpan di waktu senang dan berjimat ketika susah.

Sebaliknya kata beliau dalam konteks Malaysia kini, jika diambil kira laporan Malaysia Transparency berlaku ketirisan antara RM40 bilion hingga RM60 bilion setahun peruntukan perbelajaan kerajaan.

Ujarnya lagi, ia tidak termasuk isu membabitkan 1MDB yang mana wang rakyat negara ini dibekukan di Singapura sejumlah RM700 juta dan yang dibekukan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) sebanyak AS\$4.3 bilion.

"Jika kita dapat pulihkan tadbirurus di negara ini ia boleh berikan kemakmuran hidup kepada rakyat.

"Pada waktu nabi Yusuf bawa kebaikan ekonomi majoriti rakyat Mesir belum Islam tetapi kepentingan tadbir urus itu mengatasi masalah akidah rakyat di Mesir kerana disebabkan oleh kebaikan di bawa dalam tadbirurus yang dilaksanakan nabi Yusuf.

"Kepentingan urustadbir yang baik meliputi semua rakyat tanpa mengira akidah mereka inilah dinamakan 'rahmatan lilalamin' yang kita maksudkan selama ini," ujarnya.

Justeru katanya, bagi memastikan tadbirurus ini dapat dilaksanakan sekiranya Pakatan Harapan memerintah kelak, beliau optimis, agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Transparency Malaysia dan di kalangan cendekiawan perlu mempunyai satu mekanisme di semua peringkat agar pentadbiran kerajaan baharu lebih telus dalam tadbirurusnya kelak.



Pimpinan Jama'ati Islami Pakistan, Maulana Idris mengambil kesempatan bertemu dengan Tun Mahathir.

Mahathir ajak kembali kepada Al Quran, Husam simpulkan 'ketelusan'

TUN Dr Mahathir Mohamad merumuskan, negara perlu kembali kepada ajaran Al Quran yang serba lengkap di dalamnya sebagai cara hidup manakala Datuk Husam Musa pula merumuskannya adalah 'ketelusan' dalam penguasaan negara.

Pandangan itu diberikan oleh kedua-dua tokoh itu yang berpasangan dalam dialog bersama cendekiawan Melayu di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, Selasa 25 Julai lepas bagi merumuskan apa yang Pakatan Harapan boleh tawarkan jika memerintah negara nanti.

Lebih 10 profesor yang sedang bertugas bersama 48 lagi cendekiawan Melayu menyertai dialog selama kira-kira dua jam itu.

"Kalau kita ikut Islam sebagai cara hidup, kita akan berjaya. Kita tak berjaya kerana tak ikut cara hidup Islam, bunuh orang dengan laungan Allahu Akbar, ini bukan cara Islam. Ini satu perbuatan jenayah.



Dr Mahathir menghubungkan sejarah zaman beliau dengan suasana yang cuba dibina Pakatan Harapan selepas menang nanti.

"Kita perlu kembali meneliti ajaran Al Quran, jadikan ia cara hidup," kata Mahathir ketika menjawab soalan dari Profesor Dr Mohamad Hatta Shahrom yang turut menyertai dialog itu.

Menurut Mahathir, antara kesilapan orang Melayu adalah mengambil

faridhu ain sahaja tetapi tidak mengambil pengajaran dan cara hidup yang diajar Al Quran.

"Saya tidak fikir negara-negara umat Islam sekarang ikut Al Quran," katanya.

Antara ajaran dari Al Quran, kata Mahathir adalah kisah Nabi Yusuf dan Zulaikha.

"Orang Melayu selalu berdoa semasa majlis kahwin agar pengantin bahagia sebagaimana Yusuf dan Zulaikha. Padahal, mereka tak kahwin pun. Zulaikha yang menggoda dan mengejar Yusuf sehingga baju Yusuf carik di belakang.

"Carik di belakang dan bukan di depan ini satu pembuktian dalam kes jenayah yang dinamakan 'circumstantial evidence'. Bukan empat saksi pun," kata Mahathir yang dipercayai menyindir kepada pihak yang memerlukan empat saksi dalam kes saman DoJ

Amerika terhadap 1MDB.

Husam pula ketika menjawab persoalan dari hadirin berkata, ketelusan adalah kunci kepada usaha untuk memerangi gejala rasuah di negara ini.

"Kunci utama bagi mencegah rasuah adalah ketelusan yang menghasilkan good governance dan seterusnya membentuk intergriti.

"Misalnya di negeri saya, Kelantan. Jika tender untuk penerima kawasan balak dibuat secara telus, misalnya menampal kertas tender itu untuk diteliti oleh orang awam tentang jumlah kawasannya, siapa penerimanya, kenapa dia dipilih dan sebagainya, saya percaya ia bakal menyelesaikan kes rasuah," kata Husam.

Husam juga menceritakan bagaimana kenaikan mendadak

harga-harga ikan, udang dan sotong di pasar-pasar di negeri beliau itu berlaku.

"Saya suka ke pasar Siam di Kelantan kerana di sini kita boleh dapat ikan dan udang yang baru naik dari laut. Namun sejak akhir-akhir ini tidak ada lagi. Kalau adapun sangat mahal harganya.

"Bila saya tanya nelayan kenapa ini berlaku, mereka kata kerana ancaman dari bot asing di kawasan mereka menangkap ikan. Bila mereka laporkan kepada pihak berkuasa, mereka pula dipersalahkan oleh pihak berkenaan," kata Husam sambil menjelaskan beliau tidak bertujuan menyalahkan para penguatkuasa undang-undang tetapi sistem.



Tetamu diberi ruang seluasnya untuk bertanya soalan.



Husam memberikan hujah-hujahnya di dialog bersama cendekiawan Melayu.



Antara cendekiawan Melayu yang menyertai dialog.

TERBARU!!
TERBITAN KEMILAU PUBLIKA
 01132334322
 untuk urusan pembelian

PH dahului sokongan pengundi berbanding BN

KUALA LUMPUR: Kaji selidik terkini Centre for Policy Initiatives (Invoke) mendapati Pakatan Harapan mendahului BN dalam tahap sokongan segmen pengundi utama negara ini berdasarkan bangsa yang memberi harapan baru kepada gabungan parti pembangkang untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Kajiselidik melibatkan temuramah melalui telefon itu dibuat menggunakan bahasa ibunda responden dan dijalankan dari 5 Jun 2017 sehingga 14 Julai 2017.

Pengundi dipilih dan didail secara rawak oleh sistem kajiselidik berkomputer Invoke.

Seramai 2.67 juta orang pengundi berdaftar didail secara rawak dan dari jumlah itu, 160,761 orang pengundi mengangkat telefon dan 17,107 orang pengundi menjawab kesemua soalan yang ditanya.



Rafizi membentangkan hasil kajian Invoke di Sungai Besi, 20 Julai lalu.

Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli yang juga pengasas Invoke ketika membentangkan hasil kajian itu berkata, 36% pengundi Melayu menyatakan sokongan kepada PH berbanding BN (35%), Pas (14%), dan belum membuat keputusan (15%).

Bagi segmen pengundi Cina, 53% menyatakan sokongan kepada PH, BN (22%), Pas (1%), belum membuat keputusan (23%) dan tidak mengundi (1%), manakala 42% segmen pengundi India menyatakan sokongan kepada PH, BN (44%), Pas (3%), belum

membuat keputusan (10%), dan tidak mengundi (1%).

Hasil kaji selidik Invoke juga mendapati tiga isu paling penting bagi pengundi adalah kos sara hidup dan harga barang, meliputi GST dan subsidi minyak; gaji yang dirasakan tidak naik setimpal dengan kenaikan harga barang; dan lambakan pekerja asing yang dirasakan menyempitkan peluang pekerjaan warga tempatan.

"Tiga isu ini (yang boleh dirujuk sebagai isu ekonomi rakyat) adalah jauh lebih penting kepada pengundi semua kaum berbanding isu penyelewengan semata-mata.

"Berdasarkan sentimen pengundi terhadap tiga isu utama ini yang melihat BN gagal menjalankan tanggung jawab dengan baik, sokongan pengundi Melayu sebenarnya sudah pun berpihak kepada PH," jelas Rafizi.

Beliau menambah, kedudukan undi Melayu adalah hampir setara di antara

BN dan PH iaitu sekitar 35% ke 36%, dan sokongan 35% ini juga konsisten dengan semua kajiselidik yang dijalankan setiap bulan sejak Disember 2016 mengenai sokongan pengundi Melayu terhadap BN.

Menurutnya, kedudukan undi Cina dan India dilihat menyerupai pola pengundian dalam PRU13 yang lalu, mengambil kira pengundi-pengundi yang belum membuat keputusan.

Rafizi yang juga Naib Presiden PKR berkata, kaji selidik Invoke itu dibuat di antara bulan Jun dan Julai 2017 sebelum PH mengumumkan struktur dan menamakan pimpinan minggu lalu.

"Dengan tahap sokongan seperti ini setakat Julai 2017, ada kemungkinan munasabah bahawa BN akan tewas dalam PRU14 sekiranya PH berjaya menawarkan penyelesaian kepada tiga isu utama yang menjadi isu paling penting kepada pengundi," ujar beliau.

Perjuangkan tiga isu utama rakyat jika mahu menang PRU

SUDAH tiba masanya parti-parti politik di negara ini melihat sentimen pengundi terhadap isu utama menyentuh kepentingan rakyat sekiranya mahu mendapat sokongan pengundi pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Pengasas Centre for Policy Initiatives (Invoke) Rafizi Ramli melalui kajiselidik berkaitan Sentimen Pengundi dan Isu-isu Utama PRU-14 ke atas 17,107 responden mendapati isu ekonomi sebagai isu utama mengatasi skandal dan rasuah dengan nisbah 5:1.

"Tiga isu yang paling penting untuk pengundi ialah kos sara hidup dan harga barang meliputi GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) dan subsidi minyak dan gaji yang dirasakan tidak naik setimpal dengan kenaikan harga barang serta lambakan pekerja asing yang dirasakan menyempitkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Tiga isu ini sebagai isu 'ekonomi' rakyat adalah jauh lebih penting bagi responden berbanding isu penyelewengan 1MDB dan rasuah semata-mata," ujarnya dalam sidang media mengumumkan dapatan kaji selidik di pejabat Invoke, Sungai Besi, 20 Julai lalu.

Kaji selidik itu dijalankan dari 5 Jun hingga 14 Julai lalu.

Rafizi yang juga Naib Presiden Keadilan berkata, berdasarkan sentimen pengundi terhadap tiga isu utama tersebut dapatan kaji selidik menunjukkan BN gagal menanganinya isu-isu tersebut dengan baik, menunjukkan sokongan pengundi Melayu sebenarnya sudah pun

berpindah kepada Pakatan Harapan (PH).

PELUANG PH MENANG PRU-14

Rafizi menjelaskan, dengan tahap sokongan setakat Julai 2017 ada kemungkinan BN tewas dalam PRU14 jika PH berjaya mencari penyelesaian kepada tiga isu utama rakyat.

"Dengan tiga isu ini sahaja jika PH berjaya menawarkan penyelesaian yang boleh diterima rakyat PH tiada masalah untuk menang pilihan raya.

"Ini bukan zaman seperti dulu untuk umumkan manifesto. Ini perdebatan dasar dan penyelesaiannya perlu dibincangkan setiap hari sebab itu saya selalu sebut tidak perlu menunggu sehingga manifesto PH, ia boleh mengulangi ide atau rancangan untuk menambah baik kehidupan rakyat dalam tiga perkara itu.

"Jangan selalu terheret hanya pada isu 1MDB semata-mata yang paling penting menjawab soalan rakyat jika dilakukan berterusan di kalangan pemimpin politik dan akhirnya akan menjadi manifesto kepada PH," ujarnya.

Rafizi menambah, kegagalan BN menangani tiga isu ini berpunca daripada kegagalan menteri-menteri kabinet menjawab persoalan yang timbul sekaligus menimbulkan kemarahan rakyat.

Jika komunikasi BN lebih mesra dan lebih peduli untuk meyakinkan rakyat seperti memansuhkan GST atau berusaha menaikkan gaji pekerja, sokongan rakyat mampu dipulihkan.

"Itu yang dimahukan dan didengar

oleh pengundi daripada mendengar ceramah politik semata," ujarnya.

Ditanya sama ada tiga isu utama itu akan dapat diatasi kerajaan menjelang pembentangan Bajet Oktober depan, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan tidak menafikan ia akan mengubah peratusan sokongan di atas pagar.

"Saya setuju. Dapatan kaji selidik ini sebenarnya lontaran kepada BN, PH dan Pas berkaitan isu utama rakyat hari ini.

"Mana-mana parti yang berjaya menarik minat pengundi atas pagar sudah tentu dapat sokongan mereka.

"BN ada kelebihan kerana boleh ada banyak cara sama ada bagi gula-gula, turunkan GST atau kembalikan subsidi dalam pembentangan bajet mereka," ujarnya.

Beliau yakin jika BN mengambil kira sentimen rakyat dan menjawab keresahan rakyat bawahan, kemungkinan besar dalam tempoh yang berbaki sebelum PRU, BN boleh menarik sokongan pengundi atas pagar.

Menurut Rafizi lagi, skenario politik yang berubah secara mendadak sejak 2015 telah mewujudkan persaingan politik di antara tiga pakatan politik seperti BN, PH dan Pas.

Justeru ujarnya, skenario hari ini tidak boleh dijadikan perbandingan dengan pilihan raya sebelumnya.

Rafizi menambah, kaji selidik berkaitan sentimen pengundi terhadap isu-isu utama adalah penting untuk parti-parti politik meraih kemenangan dalam PRU.

Sentimen pengundi terhadap isu utama menjelang PRU14




Pengundi menamakan isu-isu ekonomi rakyat sebagai isu terpenting; jauh mengatasi skandal/rasuah pada nisbah 5:1

Sentimen pengundi terhadap isu utama menjelang PRU14



KENYATAAN 1 Skandal seperti 1MDB menyebabkan kerugian besar yang ditanggung rakyat. Akibatnya, rakyat terpaksa membayar GST untuk menampung kerugian itu.

Sentimen pengundi terhadap isu utama menjelang PRU14



KENYATAAN 3 Penghapusan subsidi minyak telah menyebabkan kenaikan harga minyak sedangkan kerajaan mampu memberikan subsidi minyak kerana Malaysia mempunyai hasil minyak.

Kulit kekal sihat bersama Loofah

Assalamualaikum wbt. para pembaca sekalian. Nampaknya, warga kota masih lagi berada dalam mood Hari Raya. Majlis rumah terbuka masih lagi belum selesai. Di hujung minggu jalan raya penuh dengan kereta kesana kemari. Sibuk seperti hari bekerja. Suasana syawal belum lagi hilang di sambut pula dengan walimah-walimah dan kenduri-kenduri doa selamat untuk menghantar jemaah haji kita yang akan berangkat ke tanah suci tidak lama lagi.

Artikel **Dr. Olive Bodycare** kali ini akan menceritakan tentang sabun Loofah. Ramai yang masih belum pernah menggunakan sabun ini. Malah, masih ramai yang tidak mengenali apa itu 'Loofah'. Sebenarnya 'Loofah' berasal dari buah petola yang dibiarkan kering sampai hitam di pokoknya. Apabila sudah betul-betul kering, ia akan di petik dan kulit luarnya dikeringkan. Orang-orang di timur tengah menggunakannya untuk menggosok badan apabila mandi (untuk menghilangkan daki). Tapi dari cerita-cerita yang saya baca di Facebook, orang-orang di Malaysia pada waktu dahulu, menggunakannya untuk mencuci/menyental periuk belanga dan mencuci pinggan mangkok. Apabila terkena air, ia akan bertukar dari kering dan keras kepada lembab dan lembut seperti sponge.

Dibawah ini saya disertakan gambar-gambar Loofah yang asal dan yang telah diproses.

Peria yang terdapat di Malaysia bersaiz kecil sahaja dan loofah yang terhasil pun kecil juga. Loofah yang digunakan dalam sabun Dr. Olive pula di import dari Egypt dan saiznya sangat besar, cantik dan lebih bermutu.

Sabun Loofah merupakan diantara sabun yang popular dari kalangan pengguna-pengguna produk Dr. Olive. Ada seorang pengguna menceritakan bahawa setelah menggunakan sabun Loofah ini daki-daki yang hitam di pelipat-pelipat tangan dan di lehernya hilang. Dia sangat berpuas hati dengan kesannya. Selain itu, ada juga yang memberi maklum balas mengatakan bahawa daki-daki hitam semasa mengandung hilang selepas menggunakan sabun Loofah ini. Seronok mereka melihat kesan yang sukar hilang sebelum ini berjaya dihilangkan dengan menggunakan sabun kami. Sabun Loofah ini juga boleh menghilangkan kulit hitam dan kasar pada lutut, siku dan jari-jari pada kaki. Tapi perlu konsisten memakainya sebab produk kami tidak ada bahan kimia jadi tindak balasnya bersifat semulajadi sesuai mengikut jenis kulit masing-masing. Biar lambat asal selamat. Betul?

Saya sendiri suka menggunakan sabun ini, sebagai bodyscrub. Rasa sungguh segar dan bersih. Yang paling best ialah apabila saya menggunakannya di bahagian kaki dan tumit. Semua daki-daki hilang dan terasa perjalanan darah teransang. Bila dilakukan sebelum tidur, ia akan membuatkan saya tidur dengan lena-

nya. Deep sleep is a restful sleep. Saya teringatkan satu drama cina yang telah saya tonton beberapa tahun yang lalu. Satu amalan masyarakat cina pada zaman dahulu ialah membasuh kaki dengan air panas sebelum tidur malam.

Ini bertujuan untuk menggalakkan perjalanan darah yang baik. Apabila perjalanan baik, tidur pun akan lena. Badan pun akan dapat berehat dengan sempurna. Nah!.. kita tak perlu basuh dan rendam kaki dengan air panas. Kita boleh guna sabun Loofah untuk mendapatkan kesan yang sama. Jom! cuba pakai sabun Loofah Dr. Olive dan nikmati kebaikannya.

Sabun Loofah ini digunakan seperti sabun biasa. Basahkan kulit badan anda dan gosokkan sabun loofah pada kulit. Tumpukan kepada bahagian yang kotor dan berdaki. Bilas dengan air bersih dan lap dengan tuala. Selepas menggunakan sabun ini simpan ditempat yang kering. Jangan biarkan sabun ini terendam dalam air. Berapa kali nak guna sabun ini dalam seminggu? Suka hati anda. Nak guna tiap-tiap hari boleh. Nak guna sehari dua kali pun boleh.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsi ini memberi manfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soalan mengenai produk ini, sila email atau Whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami perelaskan dengan sebaik mungkin. Soalan-soalan ini akan membantu kami menyediakan ruangan FAQ



Dr Olive bersama Loofah yang diimport daripada Egypt

bagi produk **Dr. Olive Bodycare**. Sekiranya anda ingin menjana pendapatan lebih dan berminat untuk menjadi ejen, sila Whatsapp kami.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.
Dr. Olive

Web: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare
Instagram: Dr Olive Bodycare

PROMOSI

0124902861

untuk urusan pembelian
DAPATKAN SEGERA!!

- ✓ Handmade product
- ✓ Free harmful chemical
- ✓ Free paraben
- ✓ Organic

Natural
Safe
Effective

HANYA

~~RM 29.90~~

RM 24.90

Butang panik Najib

BAHAWA PM Najib mengambil kesempatan membidas Pakatan Harapan (HARAPAN) di hadapan kira-kira 900 pemimpin dan pelabur perniagaan tempatan dan asing dalam Seminar - Invest Malaysia 2017, adalah tidak syak lagi tindakan sangat terdesak.

Tidak pernah ruang seumpama perjumpaan berprestij ini beliau salah gunakan sebegini. Ramai agak terkedu memerhatikan gelagatnya. Beliau ibarat menekan 'butang panik' (panic button)!

Mengecam warisan atau legasi Tun Mahathir (Tun M) sebagai sarat kronisme dan korupsi amat ironis sekali. Bukankah dunia pada saat ini sedang memerhatikan bagaimana Jho Low, kawan baik Najib dan isterinya, 'mencuri dan mengsonglap' berbilion ringgit dari 1MDB, sekaligus terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram itu di seantaro dunia?

Menuduh pembangkang 'tidak tahu malu dan memutar fakta' untuk 'merosakkan ekonomi Malaysia' sangat jahat. Pembangkang tidak perlu berhujah dan menafikan dakwaan Najib itu sebab cukup dengan tindakan jenayah yang disabit ke atas beberapa pegawai tinggi bank-bank internasional di Singapura dan Abu Dhabi. Tiga aduan Jabatan Kehakiman telah menceritakan segalanya. Hanya menantikan Jho Low untuk diheret ke dalam kandang orang salah, tahulah nasib Najib nanti!

Najib jangan terlalu melampau menuduh pembangkang memutar-belit fakta kerana kesemua kes rasuah dan salah-guna kuasa jelas terpapar di dada akhbar seperti kes FGV dan MARA. Juga begitu dalam kes dana awam daripada KWAP dan SRC melibatkan jutaan bahkan berbilion ringgit. Pentadbiran Najib yang sinonim dengan melipatgandakan kos projek-projek sudah menjadi rahsia umum.

Penulis bersedia menerima sememang ada pencapaian Najib seperti didakwa dalam ucaputamanya. Walau bagaimanapun, sejujur-

nya tidak ada apa-apa yang 'transformasional' kerana Najib berpatah balik dalam 'polisipolis reformasi'nya kerana takut kepada 'warlords' parti Melayu itu.

Keinginan reformasi ekonomi dan kewangannya terpaksa tunduk akhirnya kepada tekanan tamak haloba elit tertinggi Umno. Pelabur sedia maklumi walaupun Najib sengaja meletakkan punca kesalahan kepada pembangkang. Sebagai contoh Najib perlu jawab kemana perginya Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC (Foreign Investment Committee) sedikit waktu dahulu dalam Model Ekonomi Baru (NEM) Najib?

Dalam mempertahankan Tun M, penulis berani menyebutkan bahawa beliau dalam 22 tahun tentunya punya kesilapan dan kelemahan. Kita mungkin juga membenci atau menyayangi Tun sebelum ini, tetapi perhatikan fakta-fakta sejarah ini. Apakah mampu kita sangkal?

1. Selama 22 tahun pentadbiran Tun M, Malaysia dihormati di seluruh dunia terutamanya di dunia Islam. Sebagai perbandingan, contohnya keterlibatan ketenteraan Malaysia baru-baru ini di Yaman di bawah pentadbiran Najib adalah sangat mengecewakan.

2. Tun M diakui cukup berani untuk berdepan kecaman para pemimpin antarabangsa.

Secara lebih khusus, Tun tekad tidak sehaluan dengan pemimpin dan badan-badan dunia, seumpama menjalankan dasar Kawalan Modal atau 'Capital Control' semasa Krisis Kewangan Asia pada '98, yang diakui sebagai membuka jalan bagi pemulihan ekonomi kita. Apakah yang Najib boleh banggakan dengan capaian polisi ekonominya (Najibnomics) sehingga kini?

3. Ya, Tun M membuat kesilapan dengan tawaran Forex mungkin, tetapi dia tidak pernah mencuri-merompak wang rakyat dengan memindahkan ke akaun peribadi berbilion ringgit. Najib hanya perlu tunggu

apabila Jho Low diletakkan di dalam kandang orang salah untuk disoal-siasat nanti.

4. Tun M dikenali sebagai mempunyai peribadi yang kuat-cekal dan punya sikap tersendiri. Dia tidak pernah membiarkan dirinya terpengaruh oleh isterinya atau dikawal oleh watak-watak bayangan seperti Jho Low. Pasti, Najib adalah segala sifat yang berlawanan dengan bekas bosnya.

5. Sewaktu Tun M berkuasa, syarikat kroni-Umno dinaiktaraf menjadi GLC, walaupun diakui ada kelemahan dan kegagalannya. Najib mewarisi semua ini tetapi kini lebih ketat lagi cengkaman mengawal semua GLC di bawah MOF. MoF Inc secara praktikalnya menjadi milik peribadi Najib.

6. Tun M mengurus hutang dengan pruden, sudah tentu tidak setinggi seperti sekarang ini. Pertumbuhan hutang yang didorong oleh pembangunan berpacu-hutang Najib adalah sangat malang. Sementara Tun M pula berusaha dan merekayasa ekonomi berasaskan sektor perindustrian berat dan berteknologi tinggi. Dengan Najib, Malaysia mengalami 'de-industrialisasi pramatang'. Pekerjaan terjejas teruk, lebih teruk lagi untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi kerana peningkatan produktiviti bukan satu 'passion' atau 'minat' hari ini. Lebih mudah untuk bina, bina dan bina... dan China boleh beri hutang berbilion ringgit.

7. Taraf dan kos sara hidup sememangnya lebih baik dulu di zaman Tun M dengan kuasa membeli yang lebih baik dengan nilai ringgit tidak menyusut ke paras 30% nilainya berbanding dolar AS, setelah mengambil alih sejak tahun 2009.

Najib mengejek 3 pemimpin tertinggi PH, kononya kami berada dalam keadaan yang bercegaru. Ketiga-tiga tokoh kami; Tun M, ikon reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kegigihan Ketua Pembangkang Datuk Seri Wan Azizah Ismail pastinya lebih unggul dari-



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

pada fikiran seorang kleptokrat dan kawan karibnya Jho Low.

Selain para pemimpin tertinggi lain, kumpulan pemimpin pelapis kedua kami iaitu Rafizi Ramli, Tony Pua, Nurul Izzah dan selainnya senantiasa bersedia untuk membantu dan bertempur.

Oleh itu, Pakatan Harapan dan majoriti rakyat yang amat mengharapkan perubahan sedang menanti saat-saat ini. Tidak sepatutnya Najib berteriak dan mendabik dada di hadapan komuniti pelabur di Invest Malaysia itu, kononnya hanya BN sahaja yang menjamin stabiliti.

Najib tidak perlu diingatkan bahawa PH telah mentadbir dua penggal dua buah negeri yang rakyatnya sangat berasa terjamin dan harmonis, di mana kekayaan negeri dikecapi semua lapisan rakyat. PH bersedia mensejahterakan dan memakmurkan seluruh Persekutuan Malaysia dengan dasar dan tadbir-urus yang berkeamanan, telus dan kompeten, insya Allah.

Barangkali penting untuk mengingatkan Najib bahawa, jika dan bila, parti BN dikalahkan pada Pilihan Raya Umum ke-14, tindakan undang-undang Majlis Keselamatan Negara (NSC) yang zalim tidak akan diguna pakai bagi menafikan hak dan kemenangan rakyat.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara.**

Cukai Pelancongan: Nazri & Umno elok bercuti dari Putrajaya

KENYATAAN Menteri Pelancongan Datuk Seri Nazri Aziz baru-baru ini bahawa cukai pelancongan hanya dikenakan terhadap pelancong asing pada kadar tetap RM10 sebilik semalam – adalah kenyataan mengalah yang memalukan Putrajaya.

Ia juga merupakan kenyataan ketiga di mana adanya perubahan besar di dalam perincian dasar tersebut.

Dalam pengumuman pertama pada 9 Jun, telah diumumkan bahawa dasar ini akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017, dan hotel-hotel akan dikenakan cukai antara RM2.50 dan RM20 sebilik semalam; dasar ini meletakkan sasaran kutipan berjumlah hampir RM700 juta.

Dalam pengumuman kedua pada 22 Jun pula, kerajaan mengumumkan bahawa hotel bertaraf tiga bintang ke bawah tidak akan dikenakan cukai, tetapi laporan berita menyatakan bahawa kerajaan masih berharap untuk mengutip hampir RM700 juta setahun.

Pada hari ini pula (26 Julai), dasar yang di-umumkan akan berkuatkuasa mulai 1 Ogos tidak mempunyai sebarang sasaran jumlah kutipan.

Ini bukanlah caranya sesebuah dasar kerajaan patut digubal, terutama dasar seperti cukai pelancongan ini yang pasti akan mendatangkan kesan meluas bukan sahaja kepada industri pelancongan, tetapi juga kerajaan-kerajaan negeri dan pengguna secara amnya.

Namun inilah yang berlaku apabila Putrajaya bertegas untuk meluluskan undang-undang di Parlimen secara tergopoh-gapah. Jika Putrajaya mengadakan perbincangan dan rundingan yang mencukupi, dasar ini sudah pasti tidak akan ditolak kerajaan-kerajaan negeri Sabah, Sarawak dan Selangor.

Tambahan lagi, dengan pengumuman terkini ini, apakah jumlah kutipan yang disasar Putrajaya, dan apakah jumlah kos untuk

melaksana dan menguatkuasa dasar ini? Adakah pelancong asing boleh mengelak dari membayar cukai ini dengan cara-cara seperti mendapatkan kawan-kawan tempatan mereka untuk membuat tempahan bilik? Dan apakah lagi cara-cara yang boleh diguna untuk mengelak dari membayar cukai ini, serta apakah langkah-langkah kerajaan untuk menanganinya?

Banyak soalan, sikit sangat jawapan.

Tapi kurangnya rundingan, perbincangan dan ketelusan kepada pihak-pihak berkepentingan di dalam penggubalan dasar dan sebelum pengumuman sesuatu dasar sebagai sudah menjadi lumrah pentadbiran Umno-BN. Rejim ini sudah begitu lama berkuasa hinggan – kecuali di dalam penggubalan beberapa dasar seperti pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga baru-baru ini – ia jarang sekali mahu mendapatkan maklum balas pihak-pihak berkepentingan secara menyeluruh dan sistematik.

Sudah pasti Nazri dan Umno-BN berasa



OPINION

FAHMI FADZIL

letih akibat maklum balas negatif dari orang ramai terhadap dasar cukai pelancongan ini. Oleh itu, mungkin sudah tiba masanya untuk Umno-BN 'bercuti' dari Putrajaya selepas PRU14, agar pimpinan Umno-BN dapat mempelajari cara-cara yang lebih baik untuk mentadbir negara.

■ **Fahmi Fadzil ialah Pengarah Komunikasi Keadilan.**

Bantah regim Israel tutup Masjidil Aqsa

KUALA LUMPUR: Lebih seribu umat Islam berhimpun secara aman di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat, Jalan Tun Razak, dekat sini, 21 Julai lalu bagi membantah keganasan terbaharu Israel terhadap Masjid Al Aqsa.

Perhimpunan selama dua jam itu bermula seusia solat Jumaat dengan disertai 21 badan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), Muslim Care Malaysia, Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan) lain-lain.

Antara pemimpin AMANAH yang hadir ialah Ketua Umum Ustaz Ahmad Awang, Timbalan Ketua Umum Ustaz Abdul Ghani Shamuddin dan Naib Presiden Ustaz Hasanuddin Mohd Yunos.

Peserta perhimpunan berarak dari bangunan Lembaga Tabung Haji ke kedutaan Amerika Syarikat untuk menyerahkan memorandum membantah keganasan



Ustaz Abdul Ghani, Cikgu Azmi, Ustaz Hasanuddin dan Ustaz Ahmad Awang di hadapan kedutaan Amerika Syarikat.

Israel, namun tidak dibenarkan berhimpun di hadapan kedutaan itu.

Presiden Mapim Azmi Abdul Hamid berkata hanya beliau dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) Prof Madya

Dr. Hafidzi Mohd. Noor dibenarkan ke kedutaan itu untuk menyerahkan memorandum.

"Kami serahkan memorandum itu kepada pengawal keselamatan di kedutaan itu kerana hanya dibenarkan berbuat demikian di situ.



Bendera Palestin turut diarak para demonstran menuju ke kedutaan Amerika Syarikat.

"Kami membantah sekeras-kerasnya tindakan yang dibuat terhadap umat Islam di Palestin," katanya kepada media selepas menyerahkan memorandum berkenaan.

Azmi berkata perhimpunan itu diadakan untuk mendesak supaya

dihentikan tindakan tentera regim haram Israel menutup kawasan Masjid Al Aqsa sekaligus menghalang penduduk Islam menunaikan solat Jumaat dan beribadah di masjid ketiga suci dalam Islam itu.

Najib bukan tandingan Tun Mahathir di pentas antarabangsa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tidak mampu menandingi pengaruh Tun Mahathir Mohamad di pentas antarabangsa apatah lagi apabila menyentuh kepentingan Arab Saudi dan China, kata Ahli Parlimen Kuala Terengganu Raja Kamarul Bahrin Shah.

Sehubungan itu, Raja Bahrin menampelak kenyataan Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad yang mendakwa kononnya Tun Mahathir menjadi 'boneka' kepada

Pakatan Harapan sedangkan bekas perdana menteri itu telah menyerlahkan pendirian dalam isu-isu antarabangsa.

"Kami menolak keras tuduhan tersebut kerana tidak munasabah mereka yang mengenali Dr Mahathir boleh menganggap beliau sanggup menjadi boneka mana-mana pihak.

"Siapa tidak kenal pendirian Dr Mahathir yang pernah menentang secara terbuka dan tegas terhadap kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Britain dan Australia,

"ujarnya dalam sidang media di lobi Parlimen, 24 Julai lalu.

Menurut Raja Bahrin, Najib bukanlah pemimpin yang setaraf dengan Tun Mahathir di pentas dunia kerana beliau hanyalah 'ayam kampung' yang berani berkokok di kampung sendiri.

"Dengan pengakuan Najib terima dana RM2.6 bilion daripada keluarga diraja Saudi, beliau tunduk kepada kehendak Arab Saudi dengan menyertai kempen serangan ke atas Yaman.

"Bahkan beliau sedikitpun tidak menafikan laporan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB)

bertarikh 12 Januari 2017 bahawa Malaysia telah menyertai Britain, Perancis dan Amerika dalam serangan di Arab Saudi (ke atas Yaman).

"Ini bahaya jika seorang perdana menteri menerima kewangan dan tunduk di atas arahan negara asing seperti Arab Saudi," ujarnya.

Malaysia juga, tambahnya turut menyertai sesi latihan ketenteraan di Arab Saudi yang sepatutnya disertai negara-negara Arab dan

Afrika sekaligus dikhuatiri mendedahkan Malaysia kepada serangan penganas.

Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH Nasional itu juga menyentuh hubungan pentadbiran Najib dengan China sehingga membabitkan soal kedaulatan negara.

Ini katanya, termasuk pembabitkan syarikat China dalam pembinaan tujuh pelabuhan di Semenanjung Malaysia yang dikhuatiri membuka perairan Malaysia kepada kuasa asing.

Anak desak Felda isytihar kos karnival

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) mendesak Felda mengisytiharkan kos keseluruhan program karnival tiga hari yang dianjurkan di Putrajaya bermula 21 Julai lalu.

Presidennya, Mazlan Aliman berkata, Karnival Ekspresi Felda Negaraku Malaysia yang menjadi rutin tahunan itu bagaimanapun menimbulkan persoalan memandangkan krisis kewangan yang mبادai Felda sekarang.

"Isunya di kala krisis kewangan melanda Felda, mengapa mesti dibuat sampai tiga hari? Anak mendesak Felda isytihar berapa kos keseluruhan sambutan ini dan menggunakan peruntukan mana?" tegasnya.

Beliau juga dimaklumkan setiap kawasan Felda diperuntukkan bas untuk membawa peneroka dan

anak mereka ke pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan itu.

"Berapa kos keseluruhan termasuk makan minum mereka?" soalnya ketika dihubungi.

Karnival sempena sambutan Hari Peneroka Kebangsaan itu mengadakan pelbagai aktiviti seperti jualan murah, pameran serta jualan produk industri kecil dan sederhana.

Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Abdul Samad dilapor berkata, lebih 50,000 pengunjung dijangka hadir ke karnival bertemakan #KamiGenerasiFelda, #KamiSayangFelda dan #FeldaSayang Kami itu.

Perdana Menteri pula membuat pengumuman 'durian runtuh' kepada peneroka pada hari terakhir karnival berlangsung.

Ini termasuk bayaran insentif khas untuk warga Felda sebanyak RM5,000 bagi 94,956 keluarga peneroka yang layak; pelupusan sebahagian baki pinjaman saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) membabitkan 77,934 peneroka; ganjaran tunai sebanyak RM 1,820 bagi 1,626 peneroka yang telah membayar habis pinjaman; insentif pelupusan hutang tanam semula berjumlah RM5,000 bagi setiap peneroka yang memilih untuk tanam semula melalui Felda; dan dana khas pelupusan lebih hutang tanam semula yang melebihi RM40,000.

PPBM pertaruh calon muda hadapi PRU-14

KUALA LUMPUR: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (ppbm) akan mengutamakan calon muda untuk menduduki kerusi Parlimen dan Dun mewakili parti itu pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata langkah ini selari dengan 55 peratus keahlian golongan muda yang menyertai parti itu sejak September tahun lalu.

"Melihat kepada keahlian parti, ramai golongan muda iaitu 55 peratus yang berusia 35 tahun ke bawah. Kita akan lebih tertarik kepada calon muda mewakili parti ini.

"Sebagai parti baharu kita mempunyai ruang untuk membuat keputusan (memilih calon) yang tidak terhad kepada mereka yang ada jawatan dalam parti.

"Orang muda yang lansung orang tak kenal pun tak apa, tiada masalah apa-apa, asal tidak mencemarkan nama baik

parti," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Mukhriz yang juga Pengerusi Perhubungan PPBM Kedah menambah, sejak parti itu ditubuhkan Kedah mencatat jumlah keahlian teramai.

"Latar belakang ahli memang pelbagai ada daripada orang terpelajar, ahli perniagaan, ahli korporat, bekas pegawai kerajaan selain orang politik dan orang yang tak pernah terlibat dalam parti.

"Daripada situ kita sudah banyak pilihan untuk meletakkan calon-calon yang akan bertanding," ujarnya.

Mukhriz juga tidak menolak kebarangkalian untuk PPBM memberi peluang kepada bekas ahli parti lain sebagai calon.

"Di Sik sahaja lebih 200 ahli Pas yang menyertai PPBM, saya tidak menolak kita boleh lihat juga, dari segi calon boleh menang di kawasan itu," ujar Adun Ayer Itam itu.

Siasat satu lagi hartanah Felda di UK

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat semula pembelian sebuah pangsapuri 198 unit di Bayswater London yang jauh lebih mahal daripada harga pasaran.

Presidennya, Mazlan Aliman berkata, pembelian dengan harga RM538 juta pada 2013 itu telah dilaporkan kepada SPRM sebelum ini sama seperti pembelian hotel di Kensington.

Menyokong ketegasan SPRM untuk segera menangkap mereka yang terlibat dalam pembelian hotel empat bintang di Kensington pada 2014 itu, Mazlan berkata, Felda Investment Corporation (FIC) mengalami kerugian

besar akibat urus niaga tersebut.

Hasil maklumat siasatan awal SPRM mendapati FIC dipercayai membeli hotel 62 bilik bernilai RM330 juta itu dengan harga jauh lebih tinggi daripada harga pasaran.

Mengulas lanjut, Mazlan yakin terdapat 'bukti dan penemuan baru' untuk melengkapkan siasatan pembelian aset ratusan juta ringgit yang amat mencurigakan itu.

"Jika disenaraikan, antara tahun 2012 hingga 2016, terlalu banyak dakwaan dibuat mengenai penyelewengan dan salah guna di Felda, FGV (Felda Global Ventures Holdings Berhad) dan anak-anak syarikat.

"Pengerusi kepada Lembaga Pengarah Felda, FGV dan FIC dalam tempoh tersebut adalah Tan Sri Isa Samad, tokoh politik yang dilantik oleh



Pangsapuri di Bayswater, London yang turut dibeli FGV melebihi harga pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," tegasnya.

Sehubungan itu, ANAK mengulangi desakan agar kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi membongkar skandal terbesar dalam sejarah Felda seperti yang dilakukan

terhadap kegiatan perdagangan mata wang (forex) Bank Negara Malaysia.

"Ia (Skandal Felda) melibatkan 112,635 orang peneroka Felda yang kini sedang menanggung akibatnya. Jika skandal Forex lebih 20 tahun lalu yang dikaitkan zaman Tun Dr Mahathir

sebagai Perdana Menteri boleh dikorek semula, mengapa perkara yang sama (skandal Felda), ketika sedang hangat dipercakapkan dan sedang berlaku di depan mata mahu cuba disembunyikan?" bidasnya lagi.

Pada 19 Julai lalu, SPRM merakam percakapan enam lagi pegawai tinggi FIC iaitu Ketua Hospitaliti FIC, Datuk Megat Shahrul Azman Abas; Ketua Kewangan FIC, Azlan Mohamed Ismail serta Pengurus Kanan Strategik dan Pelaburan, Nani Ariani Md Hanif.

Turut memberikan kenyataan ialah Eksekutif Kewangan, Siti Syairah Mohd Mokhtar; Pembantu Pengurus Kewangan, Nurmayanty Danuri serta bekas Timbalan Presiden yang juga Ketua Pegawai Operasi, Azlan Ibrahim.

South China Morning Post dakwa Rosmah pegang kuasa sebenar

KUALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dilaporkan South China Morning Post (SCMP) sebagai pemegang kuasa sebenar.

"Rosmah terkenal di Malaysia sebagai pemegang kuasa sebenarnya," kata akhbar itu ketika menyorot peranan isteri dan keluarga para pemimpin politik dalam pilihan raya akan datang.

Rosmah juga, lapor akhbar itu, mencetus keributan apabila membenarkan dirinya dipanggil Wanita Pertama sejak 2009 lagi.

"Malaysia tidak ada konsep

sedemikian, tidak seperti negara-negara yang mempunyai tradisi republikan seperti Amerika Syarikat dan Perancis," kata SCMP.

Sambil menyifatkan pilihan raya akan datang tidak lagi seperti pilihan raya sebelum ini serta membangkitkan persoalan adalah kali ini akan berlaku perubahan, akhbar itu menyifatkan peranan isteri dan keluarga tokoh yang lain turut memberi kesan.

"Isteri (Tun) Dr Mahathir (Mohamad), (Tun) Dr Siti Hasmah (Mohamad Ali) yang begitu dihormati ramai di dalam

dan di luar Umno telah bergabung tenaga dengan (Datuk Seri) Dr Wan Azizah (Ismail), isteri (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim)," lapor akhbar itu.

Anak mereka, iaitu Datuk Mukhriz Mahathir dan Nurul Izzah Anwar, juga sama-sama menghalakan serangan ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan para pengikutnya.

"Di dalam DAP, tokoh utamanya, Lim Kit Siang, dan anaknya Lim Guan Eng akan berganding bahu dengan Dr Mahathir, Anwar, keluarga (Datuk

Fadzil Noor dan Haji Yusof Rawa, kedua-duanya pernah menjadi Presiden Pas," kata akhbar itu.

Pakatan Harapan pula dijangka akan bertanding dalam pilihan raya akan datang dengan lambang yang sama apabila didaftarkan sebagai pakatan rasmi empat parti, iaitu PKR, DAP, kata SCMP lagi.

Najib dan partinya, Barisan Nasional, juga terpaksa menghadapi serangan dari Datuk Shafie Apdal dan parti pimpinannya, Warisan di Sabah, kata akhbar itu.

"Sekurang-kurangnya sejak 1955, tidak pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya di Malaysia, negara menyaksikan bekas presiden Umno, Dr Mahathir, berganding bahu dengan bekas timbalan presiden parti itu, Anwar, untuk menjatuhkan presiden Umno kini," kata akhbar itu.

Dengan pengalaman Dr Mahathir, Anwar, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mukhriz di dalam kewangan dan perdagangan, masa untuk perubahan mungkin begitu dekat, lapor SCMP.

JHEIK terima laporan tuduhan murtad pemimpin Pas

KOTA BHARU: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEIK) 20 Julai lalu menerima laporan berkenaan tuduhan murtad yang ditujukan kepada 'PAN', gelaran yang diberikan pemimpin Pas dan Umno kepada AMANAH.

Ketua AMANAH kawasan Pasir Puteh, Abdul Halim Muhamad menyerahkan laporan berkenaan pada jam 11.30 pagi di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JHEAIK di Balai Islam Lundang, dekat sini.

Pembantu pegawai agama bahagian siasatan, Ustaz Zaidi Muhamad telah menerima laporan tersebut bagi pihak JHEAIK.

Abdul Halim diiringi para pemimpin AMANAH negeri dan kawasan-kawasan.

Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Che Ibrahim Mohamed pada sidang media selepas penyerahan laporan itu berkata, laporan itu berkaitan tuduhan murtad dalam satu ceramah politik yang telah disampaikan Ketua Penerangan Pas Kawasan Tanah Merah

Mohd Najmi Zakaria di pekarangan Madrasah Pak Man Serbuk, Pondok Lama, Tanah Merah pada kira-kira jam 9.40 malam, 14 Julai lalu.

Antara lain Mohd Najmi dipetik sebagai berkata:

"PAN ni hok paling sedih sekiranya, PAN ni ibarat kalu kita dalam Islam gat, dalam agama kita, maaf la kasar bunyi, ia sebagaimana orang ingkar perintah Allah, kalu bunyi kok agama gat, ore murtad.

"Orang murtad nak oyat bui, Tuhan suruh bunuh, (sebab) menghancurkan Islam, suruh taubat tok sir taubat, mmasuk dalam gok (penjara) dulu, tok sir taubat juga, akhirnya bunuh".

Menurut Che Ibrahim, kata-kata pemimpin Pas kawasan itu jelas ditujukan kepada ahli-ahli parti AMANAH sebab perkataan "PAN" bagi maksud penceramah Pas tersebut adalah merujuk kepada AMANAH.

"Pihak kami memohon supaya ucapan ini disiasat secara serius kerana

ianya bukan sahaja melibatkan tuduhan kafir sesama Islam, tetapi boleh menimbulkan kegelisahan dan mengganggu ketenteraman awam.

"Ucapan-ucapan seperti ini jika tidak diambil tindakan sewajarnya, boleh menimbulkan kegelisahan masyarakat dan mencetuskan huru-hara dalam masyarakat.

"Ucapan ini jelas mengandungi unsur-unsur takfir sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan (1985)," katanya.

Menurutnya, AMANAH juga merancang untuk membuat laporan polis di semua Ibu Pejabat Polis Daerah, Negeri Kelantan.

"Ini bagi membolehkan pihak polis turut membuat siasatan dan merekodkan tuduhan jahat seperti ini yang boleh menimbulkan pelbagai implikasi.

"Pihak kami juga tidak menolak untuk bertindak melalui saluran undang-undang jika dirasakan perlu berbuat demikian," katanya.

Wanita PH cadang umur berkahwin 18 tahun

KUALA LUMPUR: Wanita Pakatan Harapan (PH) menyarankan usia minimum perkahwinan bagi lelaki dan perempuan ditingkatkan kepada 18 tahun dalam usaha menghapuskan perkahwinan bawah umur.

Dalam satu kenyataan yang dibacakan Setiausaha Wanita DAP, Teo Nie Ching katanya, kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun tidak bersedia daripada segi emosi, mental dan ekonomi untuk menggalas tanggung jawab perkahwinan.

Apatah lagi, katanya perkahwinan bawah umur bukan sahaja memberikan kesan negatif terhadap fizikal dan kesihatan mental kanak-kanak malah menjejaskan peluang mereka dari segi ekonomi dan pendidikan, selain terdedah kepada keganasan domestik dan seksual.

"Perkahwinan bawah umur bukanlah penyelesaian untuk masalah sosial remaja, dalam kes tertentu, kanak-kanak dihukum dua kali apa-

bila terpaksa mengahwini perogolnya dan dinafikan hak pendidikan, mobiliti sosial dan ekonomi.

"Pengantin kanak-kanak terdedah kepada penganiayaan dan terdapat juga beberapa kes di mana perkahwinan bawah umur berakhir dengan penceraian dalam tempoh masa yang singkat, meninggalkan mereka dengan anak yang masih bayi," ujarnya.

Malah, lebih buruk lagi Malaysia mempunyai kadar pendakwaan terendah dalam kes melibatkan penganiayaan seksual kanak-kanak sehingga menyebabkan pelaku jenayah berkenaan tidak takut dihukum atas kesalahan terbabit.

Perkahwinan bawah umur bukanlah asing di negara ini dengan hampir 9,000 kes perkahwinan bawah umur dicatatkan dari 2010 hingga 2015 dengan 6,268 membabitkan muslim manakala 2,775 kes melibatkan bukan muslim.

Elak RCI Bank Negara jadi 'momok politik'

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak diingatkan supaya tidak menjadikan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat kerugian Bank Negara dalam urusan mata wang asing sebagai 'momok politik' untuk menyerang bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu kenyataan media 19 Julai lalu memberikan amaran itu walaupun mengalu-alukan kesediaan kerajaan menubuhkan RCI yang akan dipengerusikan bekas Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Petronas Tan

Sri Mohamed Sidek Hassan. "Selaku Menteri Kewangan yang meredakan masalah tersebut dan menerima perletakan jawatan pegawai yang bertanggungjawab iaitu Tan Sri Nor Mohamed Yacop serta Gabenor Bank Negara pada ketika itu, Tan Sri Jaafar Hussein, saya akan memberikan kerjasama penuh kepada RCI ini. "Peringatan saya agar jangan ia dijadikan 'momok politik' untuk menyerang musuh tertentu, khususnya Tun Dr Mahathir Mohamad. "Saya akan memberikan semua fakta secara telus tetapi tidak akan diheret

untuk diperalatkan dalam gelanggang politik," ujarnya. Kabinet bersetuju dengan cadangan Pasukan Petugas Khas supaya ditubuhkan RCI bagi membolehkan siasatan dibuat terhadap kerugian urusan mata wang asing oleh BNM pada sekitar dekad 1990-an. Penubuhan RCI itu kemudian diperkenankan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V. Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, penubuhan RCI itu selaras dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) dan penubuhan suruhanjaya siasatan itu berkuat kuasa 15 Julai 2017.

Tindakan RoS berdasarkan laporan 'fiksyen'

KUALA LUMPUR: Adalah sesuatu yang memalukan apabila Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) menjadikan laporan berbentuk 'fiksyen' sebagai asas bagi mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula parti.

Dalam sidang media Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP 19 Julai lalu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mempertikaikan keputusan RoS menggunakan tulisan bertajuk 'Laporan Equiti: Penipuan Pemilihan CEC' yang ditulis watak rekaan, Father Augustus Chen sebagai bukti.

"Lim Kit Siang telah memenangi saman fitnah terhadap Utusan Malaysia, berkait tulisan Father Augustus Chen ini dan mendapat ganti rugi RM250,000 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Disember 2014.

"Soalnya sekarang, kenapa RoS membuat keputusan berasaskan laporan palsu yang telah disahkan mahkamah?" soal beliau dalam sidang media di Ibu Pejabat Kebangsaan DAP.

DAP pada 18 Julai menerima pemberitahuan rasmi RoS yang memberikan alasan-alasan bagi arahan pemilihan semula parti.

Bagaimana pun, CEC berhujah bahawa

alasan kononnya ada perwakilan yang dinafikan hak adalah tidak berasas. "Bilangan perwakilan yang layak mengundi di pemilihan semula CEC pada tahun 2013 adalah sama dengan bilangan pada tahun 2012. "Ini disahkan oleh juruaudit bebas yang menjalankan serta menyaksikan pemilihan semula yang diadakan pada tahun 2013," jelas Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

Malah, katanya notis makluman kepada kesemua perwakilan yang layak telah dihantar dan bukti pengeposan telah pun diserahkan kepada RoS pada tahun 2014 lagi.

"Tidak pernah wujud 865 cawangan yang layak pada pemilihan tahun 2012. Kali pertama angka ini disebut ialah dalam laporan Father Augustus Chen," tambah Guan Eng lagi.

Beliau menjelaskan bahawa hanya terdapat 751 cawangan yang layak dengan 2,576 orang perwakilan diberi notis pada kedua-dua pemilihan.

"Memang ada 985 cawangan pada tahun 2013, namun hanya ada 751 buah cawangan yang layak," ujarnya, menepis tuduhan kononnya terdapat 865 cawangan seperti yang didakwa oleh laporan

palsu terbabit. Justeru itu, ROS diperingatkan tentang persetujuan yang dicapai di mahkamah pada 23 September 2014, di mana agensi terbabit mengiktiraf CEC yang dilantik pada 29 September tahun sebelumnya. RoS mencetuskan kembali isu pemilihan semula CEC setelah Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Datuk Tengku Sariffuddin mengingatkan DAP supaya bimbang tentang nasibnya pada pilihan raya akan datang jika dihalang daripada menggunakan lambang roket ekor dibatalkan pendaftaran oleh RoS.

Dalam perkembangan terbaru, Guan Eng pada 22 Julai menyatakan kesediaan DAP untuk mengadakan pemilihan semula CEC bagi mengelak parti itu digantung.

"BN menyerang kita dengan berkata bahawa kami takut adakan pemilihan semula.

"Tetapi kami akan adakan pemilihan semula. Kita yakin walaupun dengan senarai perwakilan 2012," kata Guan Eng di majlis makan malam pengumpulan dana parti.

Bagaimanapun Guan Eng menegaskan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap ROS.

Tiga jawatan tertinggi PH punya fungsi masing-masing

PETALING JAYA: Jawatan Ketua Umum, Pengerusi dan Presiden dalam hirarki kepimpinan Pakatan Harapan (PH) bukan satu yang mengelirukan kerana masing-masing jawatan memikul fungsi yang berbeza, kata Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Setiap jawatan ada fungsi. Kami yang telah memutuskan perkara itu tidak langsung terkeliru kerana tanggung jawab (setiap jawatan) itu agak jelas," ujarnya dalam sidang media di ibu pejabat PPBM, dekat sini, 19 Julai lalu.

Mesyuarat Majlis Presiden PH 13 Julai

lalu bersetuju melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Umum, Tun Dr Mahathir Mohamad (Pengerusi) dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail (Presiden) PH.

Tiga jawatan itu mengundang kritikan pemimpin Umno yang sudah terbiasa dengan amalan monopoli dan teokratik Umno dalam BN.

Muhyiddin menambah, PH akan merujuk draf perlembagaan diputuskan Majlis Presiden yang menggariskan fungsi dan tanggungjawab tiga jawatan tertinggi parti itu kepada RoS.

Ditanya mengenai kedudukan Penasihat

DAP Lim Kit Siang yang tidak diletakkan sebagai pemimpin utama PH, Muhyiddin berkata barisan kepimpinan yang dibentuk adalah bersandarkan kepada cadangan daripada parti gabungan PH termasuk DAP.

Menurutnya, nama yang dicadangkan parti-parti gabungan untuk mengisi jawatan utama PH disenaraikan selepas diterima sebulat suara.

Selain ketua umum, pengerusi dan presiden, tiga timbalan presiden diwakili presiden parti gabungan PH iaitu Muhyiddin (PPBM), Lim Guan Eng (DAP) dan Mohamad Sabu (Amanah).



PH ikrar bela nasib pekerja awam, swasta

PAKATAN Harapan (PH) akan terus komited untuk membela nasib para pekerja di sektor awam mahupun swasta sekiranya gabungan pembangkang itu menang pilihan raya akan datang.

Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, antara tawaran Harapan kepada pekerja adalah kadar gaji yang adil dan pengukuhan kesatuan pekerja.

"Pengukuhan kesatuan pekerja akan memperkuatkan kuasa rundingan pekerja demi menjamin hak-hak golongan pekerja serta merangka strategi hala tuju ekonomi negara.

"Dasar Harapan yang akan ditawarkan kepada semua pekerja di Malaysia ini akan mensejajari piawaian antarabangsa serta amalan terbaik yang dilaksanakan di negara-negara maju," ujarnya ketika menyampaikan ucapan dan merasmikan Seminar Bina Negara di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 19 Julai lalu.

SPRM tak pernah hubungi kerajaan P. Pinang

KETUA Menteri Lim Guan Eng menafikan kerajaan negeri Pulau Pinang enggan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Sebaliknya, beliau berkata pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah menghubungi kerajaan negeri untuk berbuat demikian.

"Tapi sekiranya mereka rujuk kepada kita, kita boleh bincang bahawa IBR bukan hanya tinggal ikrar sahaja dan mesti diikuti dengan tindakan-tindakan konkrit untuk banteras rasuah," katanya berucap pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Negeri Pulau Pinang, 21 Julai lalu.

Turut hadir pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasnah Mohd Ali, presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, timbalan presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir, pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang, pengerusi DAP negeri Chow Kon Yeow, Pengerusi Keadilan negeri Datuk Mansor Othman dan barisan kepimpinan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Dzulkifli Ahmad sebelum ini kesal dengan keengganan kerajaan Pulau Pinang menandatangani IBR.

Kit Siang petik ayat Al-Quran nasihat Peguam Negara

PEMIMPIN DAP Lim Kit Siang 19 Julai lalu memetik dua ayat Al-Quran untuk menasihati Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali supaya sentiasa berpegang kepada kebenaran dan melawan kebatilan.

Beliau memetik ayat daripada Surah al-Baqarah: "Janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi" (2:60) dan "Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya" (2:42).

"Sekiranya Apandi seorang yang takutkan Tuhan, dia tidak boleh menjadi peguam negara untuk sebuah kleptokrasi global," kata Kit Siang dalam kenyataan.

Kit Siang mengulas penafian Apandi terhadap dakwaan Tun Dr Mahathir bahawa beliau menyembunyikan bukti mengenai skandal 1MDB.

"Saya tidak takut sesiapa pun termasuk Dr Mahathir. Saya tidak tahu mana-mana orang, tetapi saya takut Allah," dakwa Apandi.

Foto WAN ZAHARI SALLEH

MESYUARAT pertama Pakatan Harapan (PH) pasca penstrukturan organisasinya berlangsung di bangunan Parlimen dengan membincangkan beberapa agenda penting.

Antara keputusan yang dicapai adalah mengadakan himpunan raksasa tanggal 14 Oktober hadapan bertempat di Padang Timur, Petaling Jaya.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, himpunan yang diberi nama 'Sayang Malaysia Hapuskan Kleptokrasi' itu bertujuan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada rakyat mengenai skandal 1MDB.

"Kita akan lancar kempen berkenaan 'Sayang Malaysia Hapuskan Kleptokrasi' dan kita akan adakan satu himpunan raksasa pada 14 Oktober," katanya pada sidang media di Pejabat Ketua Pembangkang, 24 Julai lalu.

Himpunan itu sebagai penutup kepada siri jelajah penerangan mengenai 1MDB.

Dewan Rakyat pada hari yang sama menolak puluhan soalan daripada Ahli-ahli Parlimen PH berkait tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat dalam skandal tersebut yang telah mengakibatkan Malaysia dikenali sebagai sebuah pentadbiran kleptokrat.

Sesi soal jawab Dewan Rakyat kecoh selepas beberapa anggota Parlimen PH termasuk Ahli Parlimen Puchong Gobind Singh Deo mempertikaikan keputusan Speaker menolak pertanyaan mereka berkenaan isu itu.

Datuk Seri Wan Azizah (Keadilan-Permatang Pauh) mempertikai penolakan soalnya sama ada kerajaan bersedia membentangkan kertas putih bagi menjelaskan campur tangan asing berkenaan skandal 1MDB.

Datuk Fauzi Abdul Rahman (Keadilan-Indera Mahkota) turut tidak berpuas hati selepas soalnya mengenai langkah kerajaan membersihkan nama negara selepas banyak kenyataan dikeluarkan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dilihat menjejaskan nama negara turut ditolak.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Datuk Seri Ismail Mohamed Said berkata, penolakan pertanyaan soal jawab lisan berkaitan 1MDB antara lain adalah disebabkan faktor subjudis.

Beliau berkata keputusan penolakan itu dibuat Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan ia adalah muktamad mengikut Peraturan Mesyuarat 99.

"Keputusan Speaker adalah muktamad, kalau tidak puas hati boleh buat usul persendirian," katanya di Dewan Rakyat.

Dalam perkembangan berasingan, Tun Mahathir berkata beberapa wakil pimpinan PH dijadual bertemu Pejabat Pendaftar Pertubuhan (RoS) bagi mengadakan perbincangan mengenai draf perlembagaan PH.

"Perlembagaan parti, kita telah sampaikan pada ROS melalui online atas kehendak RoS sendiri. Kita telah bersetuju dengan draf perlembagaan kita.

"Kita harap tak ada masalah, namun kalau ada pembetulan yang perlu dibuat atas arahan daripada RoS, kita bersedia untuk membuat pembetulan," katanya.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu juga memberitahu, gabungan parti pembangkang itu juga telah menubuhkan jawatankuasa pilihan raya yang terdiri daripada pengarah pilihan raya parti-parti gabungan PH.

Jawatankuasa pilihan raya itu akan diketuai oleh Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selain itu PH turut melantik anggota jawatankuasa DAP Gobind Singh Deo mengetuai Biro Guaman, manakala Tony Pua mengetuai Biro Penerangan.

"Jawatankuasa Sabah dan Sarawak juga akan diwujudkan dan sayap angkatan muda dan wanita akan ditubuhkan. Ia akan disahkan oleh mesyuarat majlis presiden nanti," katanya lagi.



Setiasusaha Organisasi PH Datuk Saifuddin Abdullah memperkatakan sesuatu kepada Tun Mahathir sambil diperhatikan Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Pakatan Harapan 'hapuskan kleptokrasi'



Ahli-ahli Parlimen PH menunjukkan soalan tentang 1MDB yang ditolak Speaker Dewan Rakyat.



Mempamerkan poster himpunan raksasa pada sidang media Majlis Presiden PH

pan sederap mara eptokrasi'



SAHABAT LAMA... Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof bersalaman dengan Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar.



Dr Mujahid menjelaskan sesuatu kepada pemberita.



Tun Mahathir mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden PH.



Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah bercakap pada sidang media di lobi Parlimen.



Pengerusi Biro Penerangan PH Tony Pua di samping poster 'Sayang Malaysia Hapus Kleptokrasi'.

Rumah mampu milik: Kerajaan negeri tanggung kos 3C

Kelolaan **ARIF ATAN**

PEMUDA Pakatan HARAPAN telah menawarkan beberapa langkah signifikan jika diberi mandat pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang dalam usaha mengekang salahguna spekulator hartanah.

Menyasarkan tambahan sejuta unit rumah mampu milik menjelang 2020, Pemuda Pakatan HARAPAN menggariskan 'Kerjasama 3C' khusus bagi rumah mampu milik yang dibina oleh pihak swasta.

"Kerjasama 3C' ini bermaksud kerajaan memberikan insentif berupa subsidi kepada pemaju dalam pembiayaan *compliance and contribution cost (C&C)* serta *land cost* (kos tanah) membabitkan antara 10 dan 15 peratus daripada keseluruhan kos pembinaan bagi seunit rumah.

Ketiga-tiga kos berkenaan tidak harus diserap oleh pihak pemaju yang membina rumah mampu milik sebaliknya ditanggung oleh kerajaan negeri masing-masing.

Compliance cost merujuk kos yang dikenakan pemaju apabila jumlah tanah yang banyak diberi kepada pembangunan hijau, sistem saliran, taman permainan mengikut kriteria



Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil bersama pimpinan Pemuda HARAPAN di Wisma AMANAH, 25 Julai lalu.

pihak berkuasa.

Kos yang diperakui kepada pemaju untuk membina infrastruktur utiliti seperti pencawang elektrik, kabel komunikasi dan loji sisa kumbahan pula terangkum dalam *contribution cost*.

Sementara itu, kos tanah atau premium tanah adalah harga pemaju yang perlu bayar kepada pemilik tanah. Jika tanah milik kerajaan negeri, kerajaan persekutuan perlu membayar kepada kerajaan negeri melalui pemindahan fiskal.

"Oleh itu, kos 15 peratus untuk

untuk membina rumah mampu milik akan mampu dikurangkan. Sebagai contoh, kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak 30 peratus kuota untuk pembinaan rumah mampu milik bagi setiap projek pihak swasta.

"Negeri Sembilan pula memperuntukkan 50 peratus kuota. Strategi 'Kerjasama 3C' ini akan dilaksanakan ke atas kuota perumahan yang ditetapkan mengikut negeri masing-masing," dipetik daripada sidang media, 25 Julai lalu.

Saranan yang disepakati keempat-empat sayap Pemuda Pakatan HARAPAN itu merujuk kepada harga maksimum "rumah tidak mampu milik" pada harga RM400,000.

Pemuda Pakatan HARAPAN berpendapat, harga unit tersebut mampu dikurangkan sehingga RM100,000 iaitu 25 peratus kesan 'Kerjasama 3C' yang menyaksikan pemetongan ketiga-tiga kos utama terbabit.

Melalui model itu, jumlah maksimum yang boleh kerajaan belanjakan kira-kira RM13 bilion setahun berdasarkan anggaran 130,000 unit rumah mampu milik yang akan dibina setiap tahun menurut Rancangan Malaysia Kesebelas.

"Perbelanjaan ini hanya meliputi lima peratus daripada keseluruhan Bajet Persekutuan bagi tahun 2017. Melalui kerjasama ini, kerajaan berhak meletakkan harga siling bagi perumahan mampu milik di seluruh negara pada RM250,000 sehingga RM300,000 mengikut lokasi," hujah mereka di Wisma AMANAH Negara.

Angka-angka tersebut bagaimanapun bagi Pemuda Pakatan HARAPAN tidak keterlaluan sebaliknya selari

dengan nasihat Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2015 serta laporan 'Making Housing Affordable' oleh Khazanah Research Institute.

"Ironinya, PR1MA yang terletak di bawah agensi kerajaan masih menawarkan harga rumah sehingga RM400,000 dan tidak selaras dengan nasihat da cadangan yang diberikan," bidas mereka.

Walau bagaimanapun, Pemuda Pakatan HARAPAN menyedari kekeangan sebahagian rakyat daripada segi kewangan dan bebanan kos hidup sekaligus menyukarkan hasrat mereka untuk memiliki kediaman sendiri.

Oleh sebab itu, Pemuda AMANAH, AMK, Armada dan DAPSY menyarankan mekanisme sewa-beli atau *rent-to-own (RTO)* bagi membantu isi rumah berpendapatan rendah berpendapatan kurang RM1,500 sebulan.

Jelas mereka lagi, kadar sewa yang mampu milik bermula RM100 hingga RM200 juga perlu dipertimbangkan kepada golongan miskin tegar, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas yang tiada pendapatan serta penghuni atau isi rumah yang mempunyai pesakit kronik.

Tingkat had sekatan moratorium

BERHASRAT supaya setiap keluarga memiliki kediaman yang baik, selesa dan selamat didiami selepas Pakatan HARAPAN diberi mandat di Putrajaya pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang, sayap Pemuda blok itu memandang serius mekanisme moratorium dalam membendung spekulasi hartanah.

Pemuda Pakatan HARAPAN menawarkan pembaharuan ke atas tempoh tersebut daripada lima tahun pada masa ini kepada tujuh

tahun bagi setiap rumah mampu milik baharu yang dibina di bawah agensi kerajaan atau kerjasama kerajaan dan swasta.

Berdasarkan praktik semasa, sekatan itu bermula sebaik pada pelancaran projek tetapi kerajaan yang ditadbir Pakatan HARAPAN akan memastikan peraturan tersebut berkuatkuasa selepas penyerahan kunci kediaman kepada pemilik rumah.

Mekanisme moratorium perlu bagi mewujudkan tempoh penam-

pan (*buffer period*) supaya kos rumah terbabit lebih rendah daripada harga spekulatif sekali gus membendung kenaikan harga rumah di luar kawalan.

"Oleh itu, jika terdapat penjualan segera sebelum tempoh tujuh tahun, maka unit tersebut masih boleh dijual tetapi berdasarkan nilai nominal," tegas mereka sambil menekankan pendirian membina semula negara melalui polisi perumahan yang lebih berkeadilan dan memanfaatkan rakyat.

Selangor unggul keahlian Pemuda



Abbas Azmi ketika berucap di Konvensyen Pemuda AMANAH Selangor.

JUMLAH keanggotaan Pemuda AMANAH paling ramai adalah di Selangor dengan mencecah kira-kira 4,000 ahli setakat ini, akui Ketua Pemuda, Abbas Azmi.

Berucap di Konvensyen Pemuda AMANAH Selangor baru-baru ini, beliau menyifatkan jumlah tersebut sebagai sangat baik bagi sebuah parti berusia hampir dua tahun.

"Namun begitu, terlalu banyak kerja yang perlu kita sama-sama jalankan khususnya dalam kita mendepani cabaran getir Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang boleh tiba pada bila-bila masa.

"Setahun yang lepas, bermula dari organisasi penaja sehinggalah ditubuhkan, Pemuda AMANAH Selangor khususnya pimpinannya terus-menerus mengorak langkah menyusun strategi dan gerak kerja setiap hari," ujarnya.

Konvensyen di Bangi Golf Resort itu

dirasmikan Setiausaha Agung AMANAH, Anuar Tahir.

Abbas turut memaklumkan terdapat lima kawasan Pemuda AMANAH telah ditubuhkan iaitu di Shah Alam, Serdang, Kuala Langat, Gombak dan Ampang.

Empat kawasan lagi, tambahnya, di peringkat Jawatankuasa Penaja iaitu Kuala Selangor, Sepang, Sungai Besar dan Sabak Bernam dengan sasaran sekurang-kurangnya 20 kawasan akan didaftarkan secara sah menjelang Mac tahun hadapan.

Konvensyen sulung berkenaan menyaksikan perwakilan menyuarakan isu mengukuhkan Pakatan HARAPAN serta menuntut tiga kerusi bertanding pada PRU-14 untuk sayap Pemuda.

Kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) terbabit ialah Lembah Jaya, Templer dan Tanjung Sepat.

Mana lapangan terbang baharu Perak?

PEMUDA AMANAH Perak mempersoal kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berhubung cadangan pembangunan Terminal Lapangan Terbang Utara (UMAT) seperti terkandung dalam Ringkasan Eksekutif Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020.

Ketuanya, Hasnul Zulkarnain berkata, pihaknya menyokong usaha kerajaan negeri itu tetapi sejauh mana kerajaan Persekutuan bersetuju untuk meluluskan projek tersebut berdasarkan keutamaan.

"Bilakah cadangan tersebut benar-benar dapat direalisasikan sepenuhnya dan bila siapnya projek tersebut?" soalnya dalam satu kenyataan.



Hasnul Zulkarnain

Beliau berkata, cadangan projek itu di Lembah Bariah, Bagan Serai

telah diketengahkan sejak tujuh tahun lalu dengan pada masa sama terdapat satu lagi projek baharu Lapangan Terbang Antarabangsa di Kulim Bandar Baharu.

Menurut Hasnul, jarak kedua-dua lokasi projek terbabit begitu hampir iaitu kurang 100 kilometer atau kira-kira sejam perjalanan sahaja.

"Sehingga kini berapa peratus pencapaian status perkembangan cadangan tersebut semenjak tahun 2010? Datuk Seri Zambry yakinkah bahawa kerajaan Persekutuan akan menerima cadangan tersebut atau ianya bakal dibakulsampahkan selepas berlalunya 2020 nanti?" tambahnya lagi.

Kutipan GST patut salur pada pendidikan

Kelolaan **ARIF ATAN**

Gabungan Mahasiswa Malaysia mendesak kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak supaya memanfaatkan hasil kutipan pelaksanaan rejim cukai barang dan perkhidmatan (GST) sejak dua tahun lalu bagi keperluan sektor pendidikan.

Jurucakapnya merangkap Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional, Fadhli Umar Aminolhuda berkata, Najib sebagai Menteri Kewangan perlu lebih sensitif dalam isu pendidikan dan pembinaan modal insan.

"Kami menyeru supaya kerajaan berhenti memotong segala peruntukkan pendidikan bermula daripada biasiswa ke luar negara, peruntukkan universiti awam sebanyak hampir 50 peratus sehinggalah pemansuhan elaun Institut Perguruan (IPG).

"Kami memohon supaya wang diperoleh hasil pelaksanaan GST sebanyak RM54 bilion pada tahun lepas diperuntukkan sejumlah besar pada pendidikan dan bukannya mengalami pemotongan setiap kali pembentangan belanjawan tahunan," katanya.

Pada masa sama, gabungan yang disokong 12 pertubuhan mahasiswa di seluruh negara itu turut mendesak Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadzir Khalid agar memuktamadkan isu pemansuhan elaun IPG dengan menarik balik cadangan tersebut.

"Ini adalah bertepatan dengan kelainan



yang perlu mereka tempuhi sebelum, semasa dan selepas pengajian mereka di IPG berkenaan seperti temuduga khas, latihan berpanjangan dan guru sandaran selama beberapa tahun," dipetik daripada kenyataan bersama, 26 Julai lalu.

Terdahulu, Fadhli bersama sekumpulan aktivis mahasiswa menyerahkan memorandum mendesak kerajaan membatalkan cadangan memansuhkan elaun IPG itu kepada ahli parlimen di perkarangan Dewan Rakyat.

"Kami mengajak dan menyeru semua Ahli Parlimen tidak kira kerajaan mahupun pembangkang dapat bersama kami mendesak supaya kerajaan dapat membatalkan cadangan memansuhkan elaun IPG.

"Sebelum nasi menjadi bubur, kami mengharapkan semua pihak dapat bersama dalam mempertahankan hak yang diterima oleh generasi bakal pendidik anak bangsa," tegasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pemansuhan kesemua elaun kepada penuntut di IPG mulai Jun tahun depan dibimbangi memberikan impak besar kepada bakal guru.

"Akibat potongan peruntukan kerajaan kepada Kementerian Pendidikan, sejumlah elaun telah dimansuhkan iaitu elaun buku, elaun praktikum dan elaun tesis.

"Elaun sara diri juga sebenarnya telah men-



Fadhli Umar di perkarangan Parlimen, 26 Julai lalu menyerahkan memorandum mendesak kerajaan membatalkan pemansuhan elaun IPG.

alami potongan yang signifikan apabila diselaraskan kepada RM430 yang sebelum ini diberikan mengikut zon dari RM500 hingga RM800. Malangnya, potongan elaun-elaun ini dibuat secara senyap tanpa dihebohkan," jelasnya.

Sehubungan itu, tegasnya lagi, Mahasiswa Malaysia gusar jika dengan pemansuhan tersebut akan menjejaskan bilangan bakal guru yang dihasilkan khususnya melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) sekali gus merencatkan pembangunan pendidikan generasi

akan datang.

Selain Mahasiswa AMANAH, Gabungan Mahasiswa Malaysia terdiri daripada Challenger, Kesatuan Mahasiswa Malaysia, Mahasiswa Keadilan Malaysia (MKM), DAP Varsity serta Biro Mahasiswa & Pendidikan Armada PPBM.

Turut bersolidariti IKRAM Siswa Nasional, Angkatan Mahasiswa (ANGKATAN), Gabungan Mahasiswa UNISEL (GM), Student Unity Movement IUM, Pemuda Sosialis dan Gabungan Pendidikan Percuma (GPP).

Sepintas NEWS

Buka lebih ruang

Setiap parti politik perlu membuka ruang lebih luas kepada barisan muda dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) selari dengan trend politik dunia, saran Dr Malike Ibrahim.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM) itu dipetik berkata, parti-parti politik sebenarnya tidak ketandusan modal insan yang baik untuk mewarisi kepimpinan masing-masing.

Menurutnya, perlu ada kuota atau peratus yang lebih besar sama ada mewakili sayap wanita mahupun lelaki manakala pemimpin senior dan veteran pula bertindak sebagai mentor atau guru politik.

"Tiada ruginya jika parti politik mencalonkan ramai pemimpin muda terutama yang dikenal pasti sebagai winnable candidate. Hanya melalui cara ini parti-parti politik dapat melihat hasilnya daripada proses merekrut pemimpin muda," jelasnya lagi.

Tukar nama laut

Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdul Muein Abadi mencadangkan nama 'Laut Malaysia Raya' menggantikan 'Laut China Selatan' memandangkan tiga negara jiran telah menamakan kembali Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) masing-masing.

Beliau berkata, penggantian nama samudera itu di negara-negara terbabit memberi isyarat akan wilayah EEZ mereka agar tidak dicabar China.

Menurutnya, penamaan semula wilayah EEZ Malaysia itu memberi manfaat dalam memperkukuh ikatan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Tegasnya lagi, kemunculan ancaman luaran seperti kes pencerobohan kapal asing serta komitmen tentera China di peringkat global antara situasi yang mendesak penukaran nama laut di tanah air kita.

Papar teknologi Melayu

Teknologi Melayu lama telah wujud sejak kurun ke-18 dengan mereka ketika itu menggunakan bahan dari sumber alam dan disesuaikan dalam pelbagai konteks kehidupan seharian, kata Dr Muhammad Pauzi Abd Latif.

Menurut Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, manuskrip Melayu lama juga menceritakan tentang persenjataan Melayu yang merupakan hasil seni bermutu tinggi seperti istinggar atau senapang kancing sumbu.

"Pembinaan rumah pula menggunakan konsep modular menjadikan rumah Melayu lama senang dipasang dan mudah dibuka apabila hendak berpindah," jelasnya dipetik dari sebuah akhbar tempatan.

Muzium berkenaan dibuka kepada orang ramai dan menjadi salah satu lokasi bagi produk pelancongan UPM iaitu eDU-PARK dengan kerjasama Tourism Malaysia serta Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kisah 'klasik' buat masa depan

MENZIARAHI

semula fenomena tsunami politik hampir sedekad lalu penting agar kelemahan tidak berulang manakala kekuatan terus digilap ditambah perubahan siasah semasa.

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian (2011) ini dilihat tepat merumuskan situasi pada masa berkenaan yang masih berguna untuk diteliti ketika Pilihan Raya Umum ke-14 semakin menghampiri.


Berlangsung pada 2008, keputusan pengundi ketika itu mencipta sejarah apabila blok pembangkang dapat menafikan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen yang dimenangi kerajaan BN.

Hasil projek penyelidikan sekumpulan ahli akademik dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia (UM) ini menggunakan pelbagai pendekatan bagi



mendapatkan maklumat berkaitan.

Bahkan, kajian akademik tersebut bersifat menyeluruh



ruh apabila dipecahkan mengikut negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak.

Terdiri daripada 11 bab, kajian menyentuh prestasi calon wanita serta pencapaian tiga parti iaitu MCA, Gerakan dan DAP juga dianggap kisah 'klasik' bagi berdepan pilihan raya akan datang.

Dr Amer Saifude Ghazali dan Dr. Zulkanain Abdul Rahman dalam bab tiga menyebut pihak pembangkang mendapat lebih banyak kerusi berbanding BN apabila komposisi pengundi Melayu di sesebuah kawasan kurang 50 peratus.

Prof Dato' Dr Mohamad Redzuan Othman pula ketika menganalisis keputusan PRU-12 di Kelantan mengaitkan kejayaan Pas di Kelantan disebabkan faktor 'nasib baik'.

Justeru, menelaah penelitian ahli akademik terbabit dengan mengaitkan situasi politik mutakhir ibarat satu jelajah siasah dalam melihat jangkakan yang tercetus pada pilihan raya umum akan datang.

Benarkah Mahathir paling cerdas?

APABILA Dr Mahathir Mohamad memperlihatkan dirinya memihak kepada pihak-pihak pembangkang dalam politik Malaysia dan tindakannya itu disambut positif oleh pihak-pihak pembangkang berkenaan, di peringkat awalnya saya tidaklah begitu memberi perhatian. Mengenali Mahathir dan perjalanan hidupnya yang penuh liku dan warna-warni itu, saya menganggap itu adalah sebahagian daripada liku-liku dan warna-warni itu.

Dia cuba melakukan sesuatu untuk menjatuhkan Perdana Menteri Najib Tun Razak, kerana sebab-sebab tertentu yang menyebabkan dia tidak berkenan Najib jadi Perdana Menteri Malaysia. Apakah sebab-sebab itu, usahlah kita bincang di sini. Boleh jadi kita suka, boleh jadi kita tak suka.

Sebelum ini dia berusaha menjatuhkan Abdullah Ahmad Badawi yang dia sendiri melantiknya menggantikan dia apabila dia meletak jawatan Perdana Menteri. Dan dia berjaya, tanpa perlu bersusah-payah sangat. Tetapi kali ini nampaknya segala usaha susah-payah dia hendak menjatuhkan Najib itu belum berjaya. Namun dia tidak berputus asa.

Pelbagai inisiatif untuk berpakat dengan pihak pembangkang dibuatnya. Sanggup turun ke jalan raya dalam demo Bersih, berjumpa dengan Anwar Ibrahim di mahkamah, dan sebagainya. Salah satu inisiatif pentingnya ialah mewujudkan Deklarasi Rakyat, bersama pihak-pihak pembangkang. Dan saya pun turut sama menandatangani deklarasi itu.

Bukanlah saya suka atau tertarik sangat dengan inisiatif tersebut. Tetapi entah bagaimana tokoh besar DAP, Lim Kit Siang

menelefon dan berjumpa saya di Shah Alam, bercerita mengenai deklarasi tersebut dan meminta saya berfikir apakah saya mahu menurunkan tandatangan menyetujuinya.

Setelah berfikir dua atau tiga hari saya pun hadir dan tandatangan. Pertamanya kerana saya menghormati kesungguhan Lim Kit Siang berikhtiar untuk mengembalikan kehormatan kepada masyarakat dan negara ini; dan kedua, kerana dia (Lim Kit Siang) bersusah payah datang sendiri berjumpa dengan saya.

Ketiga, kerana saya percayakan hujah Lim Kit Siang bahawa hanya Mahathir yang mampu menarik orang Melayu di dalam Umno untuk bersama-sama menyokong usaha bagi mengembalikan kehormatan yang disebut tadi.

Dan kemudian, Mahathir menubuhkan parti baru, Bersatu. Ini usaha yang tak pernah dilakukannya sepertinya, sebelum ini. Menunjukkan betapa sukarnya usaha yang sedang diikhtikannya kali ini. Dan saya mendengar berita bahawa mutakhir ini kehadiran dialah yang paling mendapat sambutan ramai apabila diadakan apa-apa majlis yang di luar kerajaan.

Maka orang pun mulalah menyebut nama Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang akan mengambil alih pimpinan kerajaan Malaysia selepas PRU14 sekiranya Barisan Nasional kalah. Bukan lagi Anwar Ibrahim. Buat pertama kalinya nama Anwar Ibrahim digugurkan oleh penyokong-penyokong Reformasi sendiri (walau ada juga yang menentang), demi semangat muafakat untuk "selamatkan Malaysia".

Sampai di peringkat ini saya agak tergamam dan terkedu. Amboi, tak ada

orangkah lagi di negara ini yang layak dan mampu memimpin rakyat/masyarakat Malaysia yang lebih baik daripada Dr Mahathir, hingga kita terpaksa mengangkat dia untuk sekali lagi menjadi Perdana Menteri, setelah dulunya kita sendiri 'bermatimati' berjuang bagi menjatuhkan dia? Di manakah ketokohan Anwar Ibrahim? Di manakah ketokohan Abdul Hadi Awang? Di manakah ketokohan yang lain-lain? Dan apakah maknanya Reformasi 1998 yang untuknya Anwar Ibrahim sanggup berkorban menjalani hukuman penjara 5 tahun dan sekali lagi sekarang pun masih di dalam itu sudah 2 tahun 5 bulan?

Dan ramai lagi yang sanggup bersusah dan berkorban begitu-begini bersama di belakang Anwar Ibrahim sejak Dr Mahathir sendiri menyingkirkannya daripada arus perdana kepemimpinan Malaysia, September 1998 itu. Berapa ramai yang menjalani hukuman penjara, dilokap, diberhentikan kerja, dinafikan peluang dan kemudahan itu dan ini, dan sebagainya.

Apakah maknanya sejarah yang berlalu selama kira-kira 18 tahun itu?

Dan saya tiba-tiba teringat kepada sebuah sajak yang saya bacakan kepada khalayak penyokong Reformasi di Pasir Salak (Perak) dan di Subang Jaya pada September 1999, berjudul "Semua Orang Diperbodohkannya".

Sajak ini mengenai Dr Mahathir yang enggan berundur atau meletak jawatan walaupun banyak desakan supaya dia berbuat demikian, dengan menyatakan alasan-alasan yang bagi saya 'memperbodohkan' rakyat/masyarakat waktu itu. Antara isinya:

"Mahathir kata dia sorang saja pandai/
Sebab tu dia kena terus juga jadi PM/ Kalau
tidak, siapa nak selamatkan Malaysia/ dari-



TEKAD
BUDAYA

DINSMAN

pada dijajah?/ Orang lain tak mampu/
Orang lain kalu: Huru-haralah Malaysia/
Rosak jahanam porak peranda habis."

Memang itulah gaya bahasa sajak saya waktu itu, supaya orang mudah faham maksudnya. Sekali dengar sahaja sudah faham. Mahathir memperbodohkan semua orang waktu itu. Hanya dia seorang sahaja yang layak jadi Perdana Menteri.

Di para yang lain pula, sebelum itu, sajak itu berkata: "Tak ada sorang pun pandai/ Kecuali Dr Mahathir. Dia pandai/ Lain semuanya tak guna/ Tak layak jadi Perdana Menteri/ Hinggakan Dr Mahathir dah tua-tua pun/ terpaksa juga batalkan lagi/ niat dia hendak bersara."

Memang kasar bahasanya. Dan itulah 'mood' khalayak ramai yang beribu-ribu hadir pada majlis-majlis ceramah politik waktu itu. Adapun yang mengingatkan saya kepada sajak itu ialah isi atau mesejnya: Mahathir memperbodohkan rakyat/masyarakat Malaysia kerana mengatakan hanya dia seorang saja yang layak jadi Perdana Menteri dan orang lain semuanya tak layak.

Pada tahun 1999 itupun saya kata "dah tua-tua pun/ terpaksa juga batalkan lagi/ niat dia hendak bersara." Maka apatah lagi sekarang, tahun 2017! Namun realiti kehidupan masyarakat Malaysia hari ini nampaknya masih memerlukan dia untuk sekali lagi menjadi Perdana Menteri.

Ini sesuatu yang sangat menarik. Saya akan tulis lagi mengenai perkara ini. ■

Pengalaman Pak Natsir: Prinsip amanah dalam politik progresif

Oleh **ABU FIRDAUS**

PADA 23 Julai lalu, Siri Seminar Reformis diadakan di Kelab Golf Diraja Selangor, Kuala Lumpur. Dalam siri seminar ini, seorang tokoh reformis diambil dan dibincangkan. Kali ini ia membincangkan mengenai Mohammad Natsir, Perdana Menteri Indonesia kelima yang menyandang jawatan pada tahun 1960 dan 1961. Beliau berkhidmat di bawah Presiden Soekarno dan merupakan Ketua Umum Partai Majelis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi), parti Islam utama di Indonesia ketika itu.

Siri seminar itu dianjurkan oleh Islamic Renaissance Front (IRF) dengan ucapan utamanya disampaikan oleh Senator Dr Muhammad Nur Manuty yang merupakan Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan juga bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Dalam siri seminar ini, yang se-

belumnya, tokoh yang dibincangkan ialah Dr Ali Shariati, pemikir ideologi bagi Revolusi Islam Iran. Pada seminar itu ucapan utama disampaikan oleh Timbalan Penasihat Parti Amanah Negara, Ustaz Ghani Shamsuddin diikuti dengan kertas yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi AMANAH Selangor, Saari Sungib yang juga merupakan pengasas Jemaah Islah Malaysia (JIM) dahulu.

Ketokohan Mohammad Natsir menjadi rujukan oleh gerakan Islam di Malaya dan Malaysia. Sebagai tokoh Masyumi tentunya beliau menjadi tokoh contoh untuk pertubuhan politik Islam di Malaya seperti Hizbul Muslimin Malaya pada tahun lewat 1940-an dan 1950-an.

Masyumi yang berbentuk suatu majlis persatuan agama menjadi contoh bagi penubuhan Majlis Tertinggi Agama (MATA) di Malaya yang kemudiannya turut bersama dengan Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) dalam Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pimpinan Dr Burhanuddin Al-Helmi yang memberi saingan pada Umno.

Ketika Mohammad Natsir menjadi Perdana Menteri Indonesia sekitar tahun 1960, Masyumi berada di puncak kekuatannya di negara itu. Masyumi meraih paling banyak undi di Indonesia yang membolehkan Soekarno melantik Mohammad Natsir sebagai Perdana Menteri.

Tetapi di Malaya akibat Darurat, Hizbul Muslimin, MATA, PKMM dan PUTERA terubur dengan penahanan tokoh-tokohnya termasuk Dr Burhanuddin. Mereka ini seperti juga Mohammad Natsir dan Masyumi membawa aliran Islam progresif. Apabila Dr Burhanuddin tampil memimpin Parti Islam Se-Tanah Melayu (PMIP), beliau berusaha membawa parti itu pada aliran Islam progresif, walaupun pada mulanya ia diasaskan sebagai parti Islam konservatif lantaran

lahir daripada biro agama Umno.

Ketokohan Mohammad Natsir digali balik oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ketika Anwar Ibrahim menjadi presidennya, dan Ustaz Fadzil Mohd Noor sebagai timbalannya. ABIM menganjurkan seminar mengenai Mohammad Natsir dan buku mengenainya juga diterbitkan oleh sayap penerbitannya, Dewan Pustaka Islam (DPI).

Syura kepimpinan ABIM memutuskan untuk menghantar Fadzil Noor, Nakhaie Ahmad dan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman ke dalam Parti Islam Se-Malaysia (Pas) di bawah pimpinan Datuk Asri Muda sebagai satu suntikan Islam progresif ke dalam parti tersebut.

Kini ketokohan Mohammad Natsir dibincangkan semula bagi melihat sosok keperibadian beliau yang ternyata mempunyai sifat amanah dalam kepimpinannya di samping pemikiran Islam yang progresif.

Seminar itu diberitahu bahawa kehidupan Mohammad Natsir adalah sederhana dengan tidak menggunakan kemudahan negara bagi kepentingan dirinya. Keikhlasan beliau ketara dalam kepimpinannya hinggakan sifat amanah beliau, dari segi memegang tanggungjawab diketahui oleh banyak orang yang berhubung dengan beliau.

Selain itu, seminar juga diberitahu bahawa hasil daripada ucapan dan tulisan beliau, aliran Islam yang ditunjukkan adalah bersifat progresif dan inklusif. Beliau memberi ruang pada penganut agama dan aliran lain.

Keprihatinannya terhadap golongan miskin dan tertindas juga diketahui. Pandangannya terhadap kebudayaan juga adalah inklusif. Sebab itu beliau dianggap sebagai tokoh reformis dan bukannya konservatif. Begitu juga dengan Masyumi. Ia bukanlah merupakan parti Islam tradisional dan konservatif. ■

Selamat tinggal Kayin

PILIHAN raya selesai, kami juga akhirnya dapat menutup buku pemantauan. Tidak saya sedari, sudah hampir dua bulan saya di negeri orang. Mungkin saya tidak akan rasa terlalu berat hati jika hanya melancong sehari dua. Namun hampir dua bulan saya bergelumang dengan masyarakat tempatan, hampir-hampir jadi sebahagian mereka; ia adalah pengalaman yang berbeza.

Biar berat, perasaan rindu kepada negeri sendiri lebih tebal. Fikiran saya yang tidak lagi disibukkan dengan soal kerja mulai mengenggang kampung halaman. Ah, tinggal beberapa hari sahaja lagi. Bagaimana pun, sebelum pulang ke negara masing-masing, kami masih perlu berada di Yangon untuk dua hari lagi bagi menyelesaikan laporan akhir dan beberapa sidang akhbar.

Segala urusan di Kayin sudah selesai, dan kami bakal ucapkan selamat tinggal kepada negeri tersebut. Roisai memujuk kami untuk meninggalkan Kayin sehari lebih awal. Beliau ingin melawat pagoda penuh legenda di atas puncak bukit Kyaiktiyo, dalam negeri Mon.

Saya setuju biarpun saya bukan peminat pagoda. Tinggal lagi saya tidak faham kenapa perlu bermalam di atas sana. Siapa aja yang bercuti di pagoda?

Malam terakhir sebelum akhirnya bertolak keluar dari Kayin, Ohn Mar menjemput kami ke rumah keluarganya di Ein-du, kampung di selatan daerah Hpa-An, tempat kami me-

mulakan pemantauan pada hari mengundi. Keluarga besarnya berkumpul malam itu untuk julung kali sejak sekian lama.

Ohn Mar sudah tiga tahun meninggalkan Ein-Du untuk bekerja jauh di Nai Pyi Taw sebagai staf sokongan parlimen. Ibu bapanya pula sejak kecil meninggalkan mereka adik beradik di bawah jagaan nenek untuk mencari rezeki di Thailand. Pilihan raya kali ini membawa mereka pulang untuk bersama semula.

Kami tiba dengan disambut meriah oleh ahli keluarga Ohn Mar. Ternyata Ohn Mar telah banyak menceritakan tentang saya dan Roisai kepada ahli keluarganya. Malam itu kami dilayan seperti ahli keluarga.

Adik-adiknya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Dua orang bapa saudaranya pula boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Yang lain termasuk ibu bapanya fasih dalam bahasa Thai. Saya dan Roisai yang lama tidak bertutur dalam bahasa ibunda rancak berbual. Hampir semuanya tentang per-



kembangan politik, termasuklah di tanah air masing-masing.

Seluruh keluarga Ohn Mar adalah pendukung NLD, maka jelas terpancar kegembiraan di wajah mereka. Kami dihidang dengan makanan tradisi etnik Mon; kebanyakannya adalah yang berasaskan rempah kari, santan, budu dan ulam-ulaman. Tidak jauh berbeza dengan masakan Melayu.

Selesai makan, semua kami memasang telinga untuk menonton laporan kemenangan NLD yang diulang siar di televisyen. Lucu sekali, yang paling hampir dengan kaca televisyen adalah nenek Ohn Mar. Ahli keluarga yang lain tertawa kecil melihat gelagat orang tua dalam keluarga mereka. Tiada siapa berani membuat bising ketika beliau menonton laporan berita.

"Kami semua jadi penyokong NLD kerana diajar oleh nenek. Beliau adalah penyokong kuat Aung San Suu Kyi sejak 1988 lagi. Malah beliau turun untuk berhimpun di Yangon dahulu," terang Ohn Mar kepada saya.

Selesai laporan di televisyen, nenek Ohn Mar berpaling kepada semua kami. "Aku tidak pernah jangka dapat melihat NLD dan Suu Kyi menang dalam jangka hayat hidup aku. Lepas ini bolehkah aku mati dengan tenang," bicara nenek Ohn Mar dengan mata yang bergengang. Ahli keluarganya sambung berseloroh agar beliau tidak terlalu emosional.

Saya ikut tersenyum. Esok belum tentu lebih



Suasana kempen pilihan raya di Myanmar

cerah, namun pasti sekali awan hitam yang pekat menyelubungi langit mereka berdekad lama sudah beransur hilang. Ternyata perubahan politik tidak kecil manisnya, termasuk buat orang kecil seperti mereka yang jauh dari muara kuasa di Yangon.

Kami meminta izin untuk pulang ke hotel penginapan. Esok akan menempuh perjalanan panjang semula ke Kyaiktiyo dan seterusnya pulang ke Yangon. Ohn Mar juga akan menyertai kami esok memandangkan beliau perlu kembali bertugas di Nay Pyi Taw.

Saya mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga yang baik ini. Bagi saya, inilah cara perpisahan terbaik saya dengan Kayin. Jauh di sudut hati, saya simpankan niat untuk datang kembali satu hari nanti.

Apabila Qatar diminta tutup Al-Jazeera

Oleh **PEN GARANG**

ANTARA 10 tuntutan Arab Saudi ke atas Qatar ialah penutupan stesyen televisyen Al-Jazeera kerana ia dikatakan menyiarkan laporan berita yang menentang beberapa pemerintah negara Arab. Sedangkan pada asalnya tindakan Riyadh memutuskan hubungan diplomatik dengan Doha adalah kerana Qatar dikatakan membantu penganas.

Jadi apabila dimasukkan Al-Jazeera sebagai antara perkara yang dituntutnya, maka ia lari daripada sebab asal. Lebih-lebih lagi kerana Al-Jazeera juga menjadi sasaran kemarahan Arab Saudi adalah kerana dikaitkan pada laporan-laporannya yang tidak disenangi oleh pemerintah dan kerajaan Arab tertentu.

Umumnya Al-Jazeera merupakan stesyen televisyen yang profesional, bebas dan seimbang dalam liputannya kecuali terhadap kerajaan Qatar. Ini kerana dikatakan bahawa Al-Jazeera bertindak bebas dengan membenarkan kritikan-kritikan terhadap sesiapa saja di dunia ini kecuali kerajaan yang memilikinya iaitu Qatar.

Maka sememangnya Al-Jazeera tidaklah bebas sepenuhnya. Namun ia adalah televisyen

terbaik di dunia Arab dari segi keseimbangan laporan berita politiknya.

Sebelum adanya Al-Jazeera, di sini dimaksudkan siaran induknya iaitu dalam bahasa Arab, semua negara di rantau itu hanya memperoleh maklumat daripada televisyen pemerintah dan kerajaan mereka, yang tentunya tidak bebas dan seimbang.

Sepatutnya tuntutan yang perlu dibuat ke atas Al-Jazeera adalah supaya ia terus meningkatkan kebebasan dan keseimbangannya supaya ia turut boleh mengkritik pemilikinya iaitu Qatar. Barulah dunia Arab mempunyai media kewartawanan yang demokratik.

Ini kerana antara asas pada demokrasi ialah kebebasan dan keseimbangan kewartawanan. Namun pemerintah dan kerajaan dunia Arab tidak berminat terhadap demokrasi. Negara yang boleh dikatakan komited pada demokrasi adalah Tunisia yang menjadi begitu kerana ia merupakan pelopor kepada Arab Spring.

Iraq juga yang sepatutnya menjadi demokrasi tetapi tidak dapat mencapai tahap itu kerana ia terjebak dengan peperangan dalam negara yang belum dapat distabilkan.

Banyak perbincangan telah dibuat mengenai

demokrasi dan hubungannya dengan Islam. Tetapi di sini bagi memudahkan perbincangan adalah diputuskan bahawa demokrasi bukanlah sistem yang tidak ada kelemahan. Namun di dunia sekarang, demokrasi adalah sistem paling sesuai. Maka Islam yang menuntut kebaikan untuk semua manusia dapat difahami tentunya selaras dengan aspirasi demokrasi.

Sebab itu, aktivis seperti yang ada dalam Parti Amanah Negara juga mendukung demokrasi. Bukan hanya sekadar untuk memenuhi undang-undang negara tetapi memahami bahawa sistem ini sesuai untuk manusia pada zaman ini, dan segala usaha perlu dilakukan untuk memperbaikinya, dan bukan merosakkannya.

Namun diketahui bahawa dunia Arab, kebanyakan pemerintah dan kerajaannya tidak komited pada demokrasi. Sedangkan rakyat yang berasa tertekan dengan pemerintahan kediktatoran mengharap jalan keluar melalui demokrasi.

Tetapi masalah kediktatoran ini bukan saja pada dunia Arab, tetapi juga dunia Islam. Banyak negara Islam juga tidak mengamalkan demokrasi. Tetapi negara bukan Islam pun lagi

banyak yang tidak komited pada demokrasi.

Ada yang mengamalkan demokrasi pun terdapat banyak cacat celanya. Namun begitu, dengan mengamalkan demokrasi pun, ia tidak semestinya secara automatik melahirkan pemimpin yang baik. Ada juga negara bukan demokrasi melahirkan pemimpin lebih baik. Demokrasi bukanlah jaminan. Ia hanya merupakan jalan dan ikhtiar.

Seperti Al-Jazeera, ia bukanlah stesyen televisyen terbaik untuk demokrasi. Kerana ia menggelak diri daripada mengkritik negara induknya. Tetapi ia merupakan media kewartawanan terbaik untuk dunia Arab dan dunia Islam sebagai sebuah institusi demokrasi.

Ada satu ketika terdapat harapan besar untuk pendemokrasian Islam. Turki sebelum berlakunya usaha rampasan kuasa merupakan contoh harapan itu. Ia diikuti dengan berlakunya Arab Spring. Tetapi kini harapan demokrasi berkecai. Bukan saja berlaku perang saudara di Syria, rampasan kuasa di Mesir, serangan Daesh dan Turki yang tidak lagi boleh dicontohi telah menggugat harapan banyak rakyat Aran dan umat Islam keseluruhannya.

Warkah Shakira buat Junta

Oleh **NURIMAS SN**

Panti Pelarian
Jalan Penderitaan.

Salam sejahtera,

Junta,

BUAT makluman kalian, kini aku baik-baik saja di sini. Aku ditempatkan di sebuah panti pelarian yang mewah dengan segala impian. Impian di Arakan yang menempatkan oasis khemahku di pemukiman nerakamu. Walaupun kami di sini sebagai warga pesona non grata atau sekadar mendapat izin permit UNHCR, namun kami bebas seperti warga merdeka di tanah ini.

Buat pertama kalinya sejak sekian lama mengidam rasanya, aku dapat menggaul sendiri dal, kacang parang dan ramuan lain. Meladeni anak-anak kami yang tidak begitu terurus, tapi kami bahagia. Dapat menjadikannya serasi seperti rakyat di tanah ini. Dan dapat aku cicip nikmati rasa sanahbul yang kami rindui. Biarpun ia bukan hasil panen bumi kita, junta. Bukan!

Kini aku menyantuni warga buanganmu yang bergelandangan ke sini. Ada yang terkubur bersama arus samudera ketika gagal menentanginya. Ada juga yang luka parah akibat cuba meloloskan diri daripada buruan pihak berkuasa. Atau ada juga yang memang telah kudung tangan atau kaki bekalan daripada jiran-jiran jalang kami yang kalian restui.

Aku di sini membangun kembali legasi kami yang cuba kalian mansuhkan dari muka bumi. Bumi yang kita bangunkan bersama suatu ketika. Mengajar bahasa dan kira-kira hidup, atau mengerah kreativiti untuk ikhtiar diri. Kerana kami tidak punya pasport untuk menjadi murid sekolah atau visa untuk menjadi kontrak tetap.

Namun kelangsungan hidup harus diteruskan, dah syukur kami tidak diapa-apakan berbuat sesukanya di tanah ini. Tanah yang tiada kena-mengena dan bukan siapa-siapa dengan kami. Kamu tahu itu junta. Tahukah?

Kalian sedia maklum kami adalah warga pemastautin sah tanah kita yang kalian nafikan segala haknya. Kami adalah pemilik asal tanah yang kita bina bersama tapi kalian tawan serakus-rakusnya dan humban kami ke kancan hina. Kamu sedarkah itu, junta!

Junta!

Dari kecil kami bermain, berhubung dan bertanam hingga hasil tani kami, kita kongsi dan kalian juga nikmati. Kami amalkan budaya hidup kami yang syumul dan tiada agenda sengketa. Kami tidak pernah hirau apa yang kaummu amalkan, malah menghormatinya.

Tapi kalian utuskan balaci junta untuk berkolaborasi dengan tentera merobek pondok kami. Membenci koloni kami yang kecil

seakan harimau meratah anak dara bebiri. Merogol anak-anak gadis kami, membunuh lelaki kami dan membakar mentah-mentah anak-anak kami. Hingga daging mereka masak semerah ikan dipanggang pada lidi.

Lalu tubuh hangus bergelimpangan menjadi landasan jentolak, dirakam media dan ditonton penuh emosi oleh warga global. Yang menangisi hanya boleh dibilang jari. Sedang yang lain hanya berpuas hati dengan mengumpul dokumentasi. Kamu tahu itu junta!

Kelompok kami yang minoriti bertempiran lintang-pukang mencari tempat persembunyian. Bapaku terbakar hangus tubuhnya. Mamaku tercedera dan gagal meneruskan lariannya. Raungannya menyuruhku meninggalkannya dengan juraijan tangisan. Hingga kini masih tidak tahu akan khabar beritanya. Dan sebahagian kami merentas sempadan memburu kematian atau membeli kehidupan yang amat mahal harganya.

Lalu aku ingin bertanya padamu, junta. Salahkah kami mengamalkan polisi hidup kami sendiri tanpa mengganggu sesiapa dan apapun milikmu? Salahkah kami bermukim di tanah yang kita meterai bersama dalam sebuah deklarasi persefahaman suatu ketika? Simpan dahulu soalan ini, junta.

Junta,

Pagi ini kami berpeluang menjilat manis gurirah yang juga lama tidak dijamah. Seratus enam puluh ribu wargamu di tanah ini, junta. Tanpa apa-apa sebab, orang lain kena tanggung makan-pakai kami. Beri ruang untuk kami dirikan khemah. Buat pusat-pusat jagaan dan tahanan di atas tanah mereka. Tanah yang bukan apa-apa dan bukan siapa-siapa kepada kami. Tapi tanah ini telah memberi semula kami kehidupan yang telah kalian kuburkan.

Junta, di tanah kita, kami tidak pernah merasa begini selesa. Di sini kami tidak punya apa-apa, tetapi telah dianugerahkan apa-apa. Kami tidak pernah kenal pena, tapi di sini kami dihadiahkan komputer. Di sana kami disekat untuk menjawat posisi biarpun sudah tuntas graduasi. Tapi di sini kami dibayar gaji biarpun hanya menjadi kuli.

Kamu juga harus tahu, junta. Di sana, hari-hari kami dihujani, senjata, peluru asli dan umpat maki. Tapi di sini kami ditaburi rezeki, kasih dan sayang sejati. Ada sahaja tangan yang menghulur sumbangan dan padangan. Bukan sahaja dalam kalangan jelata tetapi pemerintah juga. Mereka insan yang ada jiwa, junta. Kau harus tahu itu!

Aku langsung tidak faham apa yang kalian mahukan. Tidak cukup lagikah pengalaman

rejimmu yang lebih kejam membaham bangsamu sendiri. Tidak jadi pengajaran kehakalihan puak pembebasanmu yang ditindas saban ketika suatu waktu dahulu.

Dan ketika api demokrasi kalian uar-uar, seakan membawa jamung kebebasan, kami pula jadi bahan racikkan. Kami digilis seperti rejim lalu pernah melakukan ke atasmu. Kalian mayang kami halus-halus seperti menghiris bawang buat sayuran. Inikah erti perjuangan kemanusiaan yang kamu banggakan?

Bukan aku sahaja yang terpinga-pinga dengan hasil kerja kerasmu mengambil alih rejim lalu. Malah seluruh nusantara membeliakkan mata, terpana dengan muncung senjata yang sering kalian tuding hala. Bukan kepada pegganas di luar sana, tetapi kepada kami yang tidak berbuat apa-apa. Lalu bumi ini sanggup jadi galang ganti. Tanah yang bukan apa-apa dan bukan siapa-siapa kepada kita.

Junta,

Akhirnya, junta, aku ingin lontarkan peluru kemanusiaan. Alangkah ajalnya aku di tanah ini. Orang yang bukan siapa-siapa tetapi diberi apa-apa. Aku kini memimpin satu gagasan sukarelawan. Aku jadi ketua kepada ibu-ibu yang kebanyakannya berstatus tunggal tanpa suami yang tidak dikenal pasti.

Aktiviti kami berlangsung di bawah suatu bumbung yang diwakafkan oleh entah sesiapa. Segalanya mendapat biaya dari mana-mana NGO yang juga entah dari mana. Hari-hari ada sahaja tangan-tangan yang menginfak sumbangan.

Kau tahu junta, pemerintah di sini juga bukan persis sempurna. Masih banyak yang perlu dibaiki dan diganti. Dan kami akan membantu memperbaiki yang kurang sempurna dengan yang lebih baik. Di sini masih ramai mereka yang berhati mulia dan wajar diangkat menjadi idola.

Tidak perlu mendapat mahkota pejuang

dunia mahupun juara seantero. Mereka yang amanah dan patuh pada aturannya. Bukan yang sekadar memenuhi tembok mereka dan keluarga dengan api rasuah. Ini pejuang dalam pembikinan. Tangan-tangan inilah yang mengumpul infak dan bantuan.

Ironinya, mereka yang menghulurkan tangan bukan dari spesis dan seagama dengan kami sahaja. Malah ada yang bermata sepet dan pucat seperti puak-puakmu di sana, junta. Puak yang di sana melanyak kami, tapi di bumi ini, anehnya sama menantang kami. Kau dengarkah bicaraku ini, junta!

Aku aman membina citra kehidupan dan menghadam permasalahan. Malah kami bisa berkawan dan berkahwin tanpa ada sebarang sekatan. Bahkan semua kami dibenarkan bekerja tanpa sebarang halangan. Aku sudah mampu menyewa sebuah kamar untuk keluarga kendatipun bukan bertaraf mewah, namun jauh lebih aman dari teratakku di Arakan.

Junta, aku kini mengendalikan sebuah NGO sukarelawan sebagai proksi jantamu yang hilang kemanusiaan. Jajahanku tidak luas seluas nafsumu, tetapi cukup untuk kembali membina empayar kecil kehidupan.

Soalan akhirku, layakkah kau bergelar junta jika tidak mampu melindungi rakyatmu dari sengketa yang kau barakan sendiri? Tidak malukah kalian kepada warga dunia yang saban hari membilang-bilang kejahatan yang kalian nukilkan? Dan tidak layakkah kami menjadi warga sah taraf di tanah yang kami miliki sendiri?

Junta!

Kau dengarkah getus suara hatiku ini? Kau fahamkah bahasa api yang bernyala di dada kami? Kau tahukah sekam yang membara itu akan membura juga suatu ketika nanti? Kau sedarkah bahawa kuasa junta tidak kekal selama? Kau tahukah!

Aku menanti balasan warkahku ini, junta. Aku tunggu. Sebelum malapetaka menung-gumu di hujung nyawa. Bukan sahaja kamu, bahkan mana-mana junta yang korup dan derhaka.

Pecah kaca pecah gelas, sudah baca harap balas.

Yang benar,
Shakira
(warga tanpa negara)



Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu.

Siswa UTHM makan nasi berlauk kosong

Permaisuri Johor saran bantu pelajar

JOHOR BAHRU: Pendedahan seorang pengusaha kedai makan berhubung pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang makan nasi dengan kuah kosong meruntun simpati Permaisuri Johor sehingga mendorong baginda menyarankan sistem yang sama diamalkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi membantu pelajar kurang mampu dilaksanakan di universiti tersebut.

Sehubungan itu, Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan dalam suratnya kepada Tuanku Permaisuri Raja Zarith Sofiah men-

junjung kasih dan mengucapkan tahniah kepada baginda kerana prihatin dengan nasib para pelajar terbabit.

"Patik ingin menyampaikan jutaan terima kasih dan tahniah di atas keprihatinan Tuanku melalui facebook milik Tuanku yang telah mencadangkan supaya kaedah yang sama seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) perlu wujud di UTHM bagi mengatasi keperitan hidup para mahasiswa/i.

Raja Zarith Sofiah ialah Canselor UTM.

"Sebelum dari itu tiada pihak yang memberi reaksi terhadap

rencana yang dikeluarkan, sehingga mendapat maklumbalas dari Kebawah DYMM Tuanku.

"Semoga keperihatinan Kebawah DYMM Tuanku Permaisuri akan menjadi sumber inspirasi kepada patik dan seluruh rakyat Bangsa Johor untuk berganding bahu tolong menolong antara rakyat serta berusaha bersama memajukan Negeri Johor Darul Takzim," ujarnya.

Surat tersebut diserahkan Aminolhuda ke pejabat Jabatan DiRaja Johor 20 Julai lalu.

Mengulas lanjut, Aminolhuda berkata surat itu sebagai tanda

menjunjung kasih AMANAH negeri terhadap Pemaisuri Johor yang turut sama memberikan maklum balas positif berhubung masalah rakyat.

Menurut Aminolhuda, keprihatinan Pemaisuri Johor terhadap keperitan hidup mahasiswa UTHM patut dicontohi semua lapisan masyarakat termasuk para pemimpin demi kesejahteraan hidup rakyat.

Hadir sama mengiringi Aminolhuda ialah Naib Pengerusi AMANAH Johor Suhaizan Kaiat dan

Speaker AMANAH Johor, Onn Jaafar.

Keperitan hidup sebahagian siswa UTHM itu didedahkan AMANAH Johor melalui program 'Jelajah Live Bongkar'.

Pengusaha kedai makan yang diwawancara mengakui 8 daripada 10 pelajar UTHM hanya makan nasi berlauk kosong dengan harga RM1.50 untuk mengelas perut ekoran masalah kewangan.

Kebanyakan pelajar terbabit datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

Masalah pelupusan sampah di Melaka meruncing

MELAKA: Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu berusaha menyediakan kaedah berkesan, moden dan terkini bagi menyelesaikan masalah pelupusan sampah di negeri ini dengan bajet yang cukup dan munasabah.

Sehubungan itu AMANAH Negeri Melaka menyarankan agar program-program kesedaran kepada rakyat, kanak-kanak sekolah dan semua lapisan masyarakat tentang kepentingan mengasingkan sampah bagi membolehkan proses kitar semula dilakukan.

Timbalan Pengerusi AMANAH negeri Mohd Sofi Abdul Wahab juga mahu kerajaan negeri dan PBT menyediakan prasarana yang sesuai untuk mekanisme pengasingan sampah.

Di masa yang sama, ujar beliau peraturan pengasingan sampah perlu dikuatkuasakan dengan seberapa segera setelah rakyat disedarkan dan faham tentang pentingnya proses pengasingan sampah.

Penduduk negeri ini juga, tambah Sofi perlu dibekalkan tong-tong sampah yang sesuai untuk mengasingkan sampah.

"Saya merujuk kepada laporan bahawa tapak pelupusan sampah Sungai Udang semakin kritikal di mana hanya boleh menampung 5% sampah saja lagi. Keadaan ini sudah tentu amat meruncing dan membimbangkan kita semua.

"Apa yang dikesalkan ialah kegagalan kerajaan merancang satu pelan jangka panjang kepada masalah sampah sehingga keadaan semakin

meruncing. Masalah sampah ini bukan perkara baharu malah ianya sudah menjadi isu yang gagal diselesaikan sejak puluhan tahun lalu.

"Kerajaan dan PBT sering menyatakan bahawa mereka mempunyai perancangan rapi dan jangka panjang tetapi akhirnya inilah yang kita perolehi dan ianya berterusan tanpa kaedah penyelesaian yang jitu dan berkesan," ujarnya.

Sofi berkata, kerajaan negeri dan PBT mesti mencari sebab utama mengapa tapak pelupusan sampah di negeri ini tidak mencukupi walaupun tempat baru dicari.

"Bagi saya sebab utama masalah ini adalah kerana kegagalan kerajaan serta PBT mendidik rakyat dan kegagalan menyediakan prasarana pengasingan sampah mengikut kategori untuk proses kitar semula,

"katanya.

Beliau turut menggariskan punca utama masalah pelupusan sampah di Melaka iaitu kegagalan kerajaan dan PBT menyediakan kaedah pelupusan sampah yang berkesan, moden dan terkini.

Rakyat negeri ini juga, tambahnya gagal mematuhi arahan kerajaan dan PBT supaya mengasingkan sampah mengikut kategori supaya proses kitar semula dapat dilakukan dengan berkesan.

Masalah menjadi bertambah serius apabila tiada kempen kesedaran kitar semula dilakukan bagi menyedarkan rakyat tentang kepentingan proses mengasingkan sampah.

Kerajaan dan PBT juga, tambah Sofi gagal menyediakan tong sampah mengikut kategori supaya rakyat mudah mengasingkan sampah

kecuali kilang-kilang dan pejabat tertentu yang mempunyai prasarana berkaitan.

Peraturan pengasingan sampah di kalangan rakyat juga tidak dapat dikuatkuasakan ekoran tiadanya kempen kesedaran dan kekurangan peralatan khususnya tong sampah mengikut kategori.

"Oleh itu saya mengharapkan kerajaan, PBT dan rakyat berganding bahu bagi menyelesaikan masalah pelupusan sampah yang semakin meruncing di negeri kita ini.

"Program menyedarkan rakyat ini bukan suatu yang mudah kerana budaya kita yang sememangnya sukar untuk melakukan sesuatu perkara baru dalam keadaan yang drastik. Ianya memerlukan masa yang lama dan kesabaran yang tinggi," kata Sofi.

Pulau Pinang setuju tandatangan IBR dengan syarat

GEORGETOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dengan syarat 10 langkah integriti yang diamalkan pentadbiran negeri turut dimasukkan dalam inisiatif dipelopori Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu.

Sehubungan itu, Ketua Menteri Lim Guan Eng menjemput Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad bagi membincangkan perkara itu di pejabatnya di Komtar, dekat sini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai masalah untuk menandatangani IBR secara sukarela.

"IBR dan tambahan 10 langkah integriti ini akan ditandatangani pada 28 Julai oleh semua anggota pentadbiran kerajaan negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen Pulau Pinang," katanya dalam satu kenyataan, 26 Julai lalu.

Sepuluh langkah integriti itu termasuk amalan pentadbiran yang berlandaskan Prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri, barisan Exco dan Adun serta melaksanakan tender terbuka

yang kompetitif.

Kerajaan negeri juga, tambah beliau tidak membenarkan ahli keluarga anggota kerajaan melibatkan diri dalam kontrak kerajaan negeri atau mengurus niaga dengan kerajaan negeri serta melarang Adun dan ahli pentadbiran daripada meluluskan permohonan tanah kerajaan negeri.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut mempersoal SPRM yang tidak memaklumkan kepada kerajaan negeri mengenai tawaran terbuka tanpa paksaan berhubung IBR.

"Pulau Pinang tidak menyedari bahawa kerajaan negeri perlu menghubungi SPRM dan bukan hanya menunggu daripada SPRM sebagaimana yang dilakukan antara agensi kerajaan.

"Mengapa SPRM tidak hanya memaklumkan kepada kami melalui telefon atau e-mel tanpa sebarang paksaan, yang kami boleh memilih atau tidak untuk menyertai inisiatif secara sukarela kepada SPRM untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR)?" soal beliau.



TSUNAMI INDIA... Majlis makan malam bersama kaum India di Skudai, Johor baru-baru ini mendapat sambutan hangat menandakan sokongan masyarakat India terhadap Pakatan Harapan (PH) di Johor semakin meningkat. Ketua Biro Kaum India AMANAH negeri, Jeevan Supramaniam yakin masyarakat India di negeri ini akan mencipta tsunami politik pada pilihan raya umum akan datang. Dua isu penting membabitkan masyarakat India di Johor adalah pendidikan dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Hadir meraikan kaum India pada program makan malam itu Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, Pengerusi Keadilan Johor Hassan Karim, Timbalan Pengerusi AMANAH Johor Dzulkefly Ahmad, Adun DAP Dr. Boo Cheng Hau, Timbalan Pengerusi Keadilan negeri Ronny Murugan dan para pemimpin PH negeri. Laporan AMNI JAGAT

Menteri diminta jelas operasi karbon kredit

KOTA BHARU: Kerajaan Persekutuan digesa menjelaskan secara terperinci operasi karbon kredit yang dilaksanakan di Kelantan memandangkan para pemimpin kerajaan negeri yang mempertahankan projek itu rata-rata mempersoalkan keupayaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam urusan 'REDD-plus' kelolaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).
Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa memohon penjelasan bertulis daripada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berhubung isu terbabit.
"Pada sidang Dun Kelantan yang berlangsung 11 dan 12 Julai baru-baru ini, projek karbon hutan yang dimeterai Kerajaan Negeri Kelantan

dengan syarikat swasta Climate Protectors Sdn Bhd pada 9 Januari 2017 telah dibahas dengan hangat.

"Ketika memberikan penjelasan dan mempertahankan projek tersebut, pimpinan kerajaan negeri Kelantan rata-rata mempersoalkan kepimpinan dan keupayaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam urusan 'REDD-plus'," ujar Husam dalam suratnya kepada Dr Wan Junaidi yang turut diedarkan kepada wakil media.

Menurut beliau, Adun Pulau Chondong Zulkifli Mamat sebagai contoh mendakwa pihak kementerian 'kurang jelas akan kaedah pelaksanaan REDD-plus' manakala Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat negeri, Datuk Anuar Tan Abdullah menyoal adakah munasabah untuk

Kelantan menyerahkan kawasan hutan kepada Kerajaan Pusat untuk diuruskan dan dimasukkan dalam rancangan 'REDD-plus'.

"Beliau (Anuar Tan) menyamakan hal ini dengan penyerahan hak petroleum kepada Petronas," katanya.

Husam menambah, beliau dimaklumkan bahawa projek yang diterajui Kerajaan Pusat itu adalah mengikut mekanisme 'REDD-plus' PBB di bawah Konvensyen Kerangka Perubahan Iklim dan ia merangkumi kawasan hutan kesemua wilayah negara termasuk Kelantan.

"Saya juga memahami penjelasan yang telahpun diberikan oleh pihak menteri pada pertengahan bulan Februari yang menasihatkan kerajaan negeri supaya mendapatkan nasihat teknikal daripada pihak kementerian," katanya.

Memandangkan sudah hampir tujuh bulan berlalu, Husam mahu pihak kementerian menjelaskan beberapa persoalan berhubung projek tersebut iaitu:

1. Adakah benar Kerajaan Pusat tidak pasti akan kaedah pelaksanaan 'REDD-plus' justeru itu menyebabkan timbulnya ketidakpercayaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap projek kebangsaan 'REDD-plus' tersebut?

2. Adakah benar bahawa penyertaan dalam projek kebangsaan 'REDD-plus' melibatkan penyerahan kuasa pengurusan kawasan hutan Kelantan yang berkenaan kepada Kerajaan Pusat?

3. Adakah kementerian sedar bahawa dari senarai kawasan hutan yang diluluskan kepada Syarikat Climate Protectors adalah meliputi Taman Negara bahagian Kelantan

dan adakah penyerahan itu mengikut undang-undang dan peraturan berkenaan?

4. Apakah langkah-langkah berbentuk nasihat, pandangan dan konsultasi yang telah diambil oleh Kementerian terhadap program Kerajaan Kelantan bersama Climate Protectors tersebut, dan

5. Adakah benar program perdagangan karbon oleh Kerajaan Kelantan ini terletak di bawah program 'voluntary mechanism' dan boleh dipasarkan di enam 'climate stock exchange' termasuk Chicago Climate Exchange?

Husam berharap semua persoalan itu diberi penjelasan oleh pihak kementerian untuk kepentingan semua pihak terutama rakyat Kelantan.

Mansuhkan elaun pelatih IPG bebaskan keluarga

PARIT BUNTAR: AMANAH Parit Buntar meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula keputusan memansuhkan elaun pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) mulai pengambilan pelajar Jun 2018 kerana ia bakal membebaskan ibu bapa pelatih khususnya dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Ketuanya, Ir. Mohamad Sufian bin Ahmad berkata, kerajaan tidak sepatutnya memotong bajet pendidikan memandangkan usaha melahirkan golongan pendidik sangat penting dalam membangunkan negara.

"Sebelum ini kita dimaklumkan kerajaan memutuskan untuk menutop 11 buah IPG dari 27 buah IPG sedia ada dengan 9 buah darinya menjadi Politeknik atau Kolej Vokasional manakala 2 lagi dijadikan Pusat Permata.

"Sudahlah pengambilan pelatih IPG kini semakin berkurangan, pelatih IPG sedia ada pun terpaksa menerima beban pemotongan bajet ini," katanya.

Ir. Mohamad Sufian juga mahu kerajaan kerajaan menunaikan janji bahawa pungut-

an cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan memberi pulangan dan keuntungan kepada rakyat.

"Sepatutnya keuntungan cukai GST digunakan menyediakan prasarana serta kemudahan bukannya memotong bajet dan menyuruh pelatih IPG berhutang.

"Hari ini begitu banyak barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST dan kerajaan memperoleh hasil tambahan namun rakyat terus terbeban," ujarnya.

Beliau berharap keputusan menghentikan pembayaran elaun itu ditarik balik memandangkan ramai pelatih IPG dari Parit Buntar datang dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Chong Sin Woon mengumumkan keputusan kementerian untuk menghentikan elaun sara hidup dan perjalanan kepada guru pelatih mulai Jun tahun depan.

Sehubungan itu, guru pelatih disaran memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi menampung keperluan hidup mereka.



JOM PAKAT KALIH... Para pemimpin parti-parti Pakatan Harapan Negeri Perlis bergambar bersama majlis jamuan Aidilfitri yang diadakan di kediaman Ahli PPBM, Maton Din di Kampung Long Boh, Arau, 22 Julai lalu. Dalam program yang mendapat sambutan hangat orang ramai itu turut diadakan pelancaran kempen #Jom Pakat Kalih untuk mengajak rakyat Perlis membuat perubahan pada pilihan raya umum akan datang. Pengarah Panel Syariah AMANAH Ustaz Zolkharnain Abidin dan Pengerusi AMANAH Perlis, Wan Kharizal Wan Khazim turut hadir dalam program itu. Laporan BASHIR ISHAK

Akujanji BN di Kulim-Bandar Baharu gagal ditunai

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

KULIM BANDAR BAHARU: Para pengundi di kawasan parlimen Kulim-Bandar Baharu dinasihati tidak lagi termakan janji-janji manis Umno-BN menjelang pilihan raya umum (PRU) akan datang kerana akujanji calon BN pada PRU lalu masih belum tertunai.

Ketua AMANAH Kawasan Kulim-Bandar Baharu Othman Don berkata, janji-janji BN melalui Akujanji Pilihan Raya BN Kulim-Bandar Baharu hanyalah retorik yang akan diulangi pada kempen pilihan raya.

"Hospital Daerah Bandar Baharu yang dijanjikan dalam akujanji mereka tidak tertunai sehingga sekarang.

"Manakala janji mereka untuk mewujudkan Pusat Latihan Kemahiran Pertama di Sg. Batu juga tinggal janji-janji kosong semata-mata.

"Mana dia janji BN hendak bina Kompleks Sukan Serdang, sehingga kini masih tidak

tertunai," tegasnya lagi.

Othman yang juga Timbalan Pengerusi Sekretariat Pakatan Harapan bagi Parlimen Kulim-Bandar Baharu turut mempertikaikan janji BN untuk membina Kompleks Sukan serta Dewan Serbaguna di Bandar Baharu yang belum menjadi realiti hingga kini.

"Janji BN untuk mewujudkan RTC di Pekan Selama pun masih lagi tidak nampak bayangnya.

"Mereka juga menjanjikan akan mewujudkan Pusat Pengumpulan Buah-Buahan di Sg. Kechil Hilir dan Relau, tapi tidak terlaksana pun.

"Yang paling mendukacitakan adalah janji mereka untuk membina jalan raya empat lorong Kulim-Bandar Baharu masih belum menjadi kenyataan," ujarnya lagi.

Beliau juga berkata, jalan raya Durian Burung yang dijanjikan dalam manifesto PRU13 turut menjadi persoalan.

"Projek pusat makanan udang galah Sg Kechil Ulu serta janji untuk menaik taraf pangkalan nelayan Bagan Semak juga tidak mereka tunaikan sehingga kini.

"Usaha untuk menaik taraf Sg. Kerian sebagai destinasi pelancongan Bandar Baharu juga tidak terlaksana manakala Tasik Serdang yang dijanjikan oleh BN untuk dibangunkan sehingga kini masih lagi terbiar," ujarnya.

Beliau juga kesal dengan budaya politik wakil rakyat Umno-BN yang hanya turun padang semasa musim pilihan raya namun setelah menang berpindah duduk di luar kawasan.

"Akhirnya tinggalah pengundi terkontang-kanting menagih simpati menunggu janji-janji lama BN," katanya,

Sehubungan itu, Othman menyeru pengundi tempatan melakukan perubahan dengan memberi peluang kepada calon Pakatan Harapan (PH) untuk mewakili mereka.

Risalah Akujanji BN pada PRU13 di Parlimen Kulim-Bandar Baharu yang tidak tertunai.

BARISAN KEPIMPINAN PAKATAN HARAPAN



*Bersama membangunkan
semula Malaysia*

KETUA UMUM



Datuk Seri
Anwar
Ibrahim

PENGERUSI



Tun Dr
Mahathir
Mohamad

PRESIDEN



Datuk
Seri Dr
Wan Azizah
Wan Ismail

TIMBALAN PRESIDEN



Tan Sri
Muhyiddin
Yassin



YAB
Lim Guan
Eng



Tuan Haji
Mohamad
Sabu

NAIB PRESIDEN



Datuk Seri
Mukhriz
Mahathir



Datuk Seri
Mohamed
Azmin Ali



Tuan Haji
Salahuddin
Ayub



YB
Chong
Chieng Jen

SETIAUSAHA



Datuk
Saifuddin
Abdullah

BENDAHARI



YB
M. Kula
Segaran

Bintang-bintang politik muda dan idealisme

APABILA saya diundang di beberapa perjumpaan anak-anak muda dan para mahasiswa, saya telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang takrif golongan belia, pemuda yang bukan berdasarkan umur semata-mata.

Bagi saya seorang muda itu adalah seorang yang memiliki idealisme tinggi membenci segala bentuk penyelewengan, penindasan, pembaziran, kecurangan apatah lagi kepura-puraan. Artinya seorang anak muda walaupun pada usianya dia masih remaja tetapi jika tidak memiliki kriteria-kriteria tersebut, mereka tidak layak digelar pemuda.

Anak muda adalah golongan yang tidak punya kepentingan peribadi dalam memperjuangkan sesuatu. 'Vested interest' tidak akan ada pada seorang anak muda yang sejati. Mereka yang masih segar usianya itu punya keberanian yang tinggi, sifat penakut dan pengecut adalah suatu yang memalukan diri.

Anak muda tidak mahu dirinya dikaitkan dengan sifat-sifat buruk tersebut. Mereka adalah golongan pemberani dan sanggup berkorban diri dalam memperjuangkan apa yang mereka yakini.

Tidak hairanlah mengapa golongan muda sepanjang sejarah sentiasa berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan perubahan, pembaharuan dan pembebasan. Dalam sejarah kebangkitan Islam yang dipimpin oleh Al-Rasul s.a.w. Muhammad Ibn Abdullah, golongan yang paling awal menyokong beliau terdiri daripada golongan muda.

Seperti mana biasa orang-orang dewasa selalunya tidak punya keberanian, takut menanggung risiko, bimbang akan hilang dokongan orang ramai, dan tidak sanggup diboikot masyarakat dan kaum kerabat sendiri. Maka, yang sanggup menyertai Rasulullah ialah Ali Ibn Abi Talib, Mus'ab Ibn Umair, Zubair, Talha, Umar, Ammar, Anas, dan sejumlah mereka yang berusia belasan tahun, 20-an atau 30-an. Malah hampir semua revolusi besar yang berlaku di muka bumi ini dipelopori oleh golongan muda, yang menjadi lokomotif perjuangan rakyat. Mereka sanggup berkorban apa sahaja hatta menyerahkan nyawa sebagai matir-syuhada'.

Tidak hairanlah perumpamaan yang disebut oleh Ir Soekarno dengan kata-katanya yang masyhur, betapa beliau membandingkan kekuatan jiwa dewasa dan kewajaan anak muda:

"Beri aku seribu orang dewasa, nescaya akan kucabut Gunung Semeru dari akarnya...

Beri aku sepuluh pemuda, nescaya akan kugoncang dunia ini..."



Oleh itu, golongan mudalah yang sepatutnya menghayati puisi Pembebasan, Burhanuddin al-Helmy:

Di atas robohan Kota Melaka,
Kita bangun jiwa merdeka,
Bersatu-padulah seluruh baka,
Membela hak keadilan pusaka.

Saya percaya ketika Pak Doktor mengumumkan kata-kata berirama itu semasa menyampaikan ucapan dasar di Kongres Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Melaka itu, yang terbayang di kepala Almarhum tentulah anak-anak muda.

Secara peribadi saya pernah berbicara dengan beberapa orang anggota API (Angkatan Pemuda Insaf) yang mejadi sayap PKMM. Antara lain yang pernah saya temui adalah Wan Khazim Wan Din dari Perlis dan Ishak Surin dari Kuala Lumpur yang pernah terlibat secara langsung dalam pergerakan radikal tahun 40-an itu.

Walaupun usia mereka sudah 80-an kini tetapi apabila berbicara tentang API, gerakan anak muda menentang penjajahan yang diberikan olok "Angkatan Pembunuh Inggeris" itu, sinar mata mereka dan getar suara mereka menggambarkan betapa tingginya idealisme perjuangan di zaman itu.

Tan Sri A. Samad Ismail, ketika menjadi penulis tamu di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu UKM pernah menceritakan betapa dalam suatu pertemuan di usia senja bersama Tan Sri Datuk Mohamad Asri Muda yang juga pernah menjadi anggota API di bawah Ahmad Boestamam, masih ingat dan dapat menyanyikan lagu API bersama-sama:

*Darah rakyat masih berjalan
Menderita sakit dan miskin
Bila datangnya pembalasan
Rakyat menjadilah hakim
Ayuh! Ayuh!
Berjuang sekarang
Kemerdekaan sudah datang
Merah panji-panji kita
Merah warna darah rakyat
Merah warna darah rakyat*

Pada hemat saya, pengaruh idealisme zaman muda amat besar sekali sehinggalah Pak Samad dan Datuk Asri masih lagi mengingat lagu yang mereka nyanyikan lebih 70 tahun yang lalu semasa remaja mereka. Lalu saya sendiri yang pernah terlibat dengan peristiwa 'long-march' ribuan siswa siswi ITM dari kampus Shah Alam dan kampus Jalan Othman Petaling Jaya menuju ke parlimen pada 22 April 1974 sebagai tindakan kemuncak oleh KSITM yang didokong oleh seluruh pelajar ITM bagi mendesak kerajaan mengangkat taraf ITM ke taraf universiti.

Perarakan tertib di malam hari melalui Lebuh Raya Persekutuan disekat oleh Pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dan para pelajar tidak sahaja dihujani oleh kanister gas pemedih mata, malah dikasari dan ramai yang cedera akibat dari kekerasan pihak penjawat keselamatan itu. Kami yang disuraikan di Batu Tiga dan di Kampung Kerinchi telah kembali ke kampus masing-masing dan mengisytiharkan kampus Shah Alam dan kampus Jalan Othman di bawah penguasaan para pelajar sepenuhnya.

Peristiwa merampas kampus ITM di Petaling Jaya dan Shah Alam selama enam hari dalam memperjuangkan nasib dan masa depan pelajar Melayu di waktu itu adalah tercetus kerana idealisme anak muda yang amat tinggi. Sesudah peristiwa keramat itu, saya mencipta sebuah lagu berjudul Bumiputra Bertindak, yang kemudiannya menjadi lagu rasmi minggu orientasi pelajar-pelajar baru ITM Julai 1974. Rasanya kalau disuruh menyanyikan kembali lagu ciptaan saya itu, saya masih dapat mengingatnya:

*Sayup terdengar azan di Subuh hari
Menyeru umat tegak berdiri
Siswa siswi pemuda putra putri
Ayuh langkahkan kaki
Kamilah siswa berani
Kami bumiputra bertindak
Untuk umat yang tertindas*



Generasi muda perlu melangkah ke persada politik negara dengan berani dan jangan mengambil sikap alergi terhadap politik. Justeru kejelekan perangai orang-orang politik selama ini.

Generasi putera puteri harus tegak berdiri sebagai ahli-ahli politik bersih – membina jiwa baru, jiwa merdeka, menolak politik cemar oleh sebahagian dewasa yang korup. Jadilah anak-anak muda, putera dan puteri berintegriti. Jangan sama sekali meniru manusia-manusia politik yang kononnya berjuang tetapi hakikatnya untuk mengumpul kekayaan dan kemewahan, memperkukuhkan kedudukan sambil memijak, menikam dan mencantas orang-orang lain. Kalau ini yang ditiru oleh ahli-ahli politik muda masa kini mereka akhirnya bakal menjadi jembalang penindas sesama manusia.

Jangan pula jadi seperti cerita lawak (lelucon) yang saya dengar di Jakarta suatu masa dahulu:

Orang kecil (rakyat) sentiasa bertanya, "Hari ini mahu makan apa?"

Orang politik pula bertanya, "Hari ini mahu makan siapa?"

Oleh itu, saya ingin meninggalkan pesan buat pemuda-pemudi masa kini, berjuanglah untuk membebaskan massa rakyat dengan segala keteguhan hati dengan rasa bertanggungjawab, kalau menyertai politik jangan main-main, usah alang kepalang.

Bebaskan rakyat seluruhnya untuk mencapai kesempurnaan manusiawi. Untuk itu bebaskan dahulu diri kalian, anak-anak muda putera puteri bangsa. Jadilah bintang-bintang baru politik yang bersih lagi telus. Sekali memiliki idealisme tinggi tetaplah begitu sampai mati sehingga kemenangan abadi.

Untuk ini, saya benar-benar teringat slogan perjuang Amerika-Latin, Ernesto Che Guevara; "Hasta lavista victoria le sempre!" yang sering di dada anak muda ketika memakai kemeja-T bersama wajah sang matir itu. Pemudalah katalis perjuangan besar taghyiri – tahriri - tanwiri (perubahan, pembebasan dan pencerahan).

Dirgahayu Anak Muda!

Despacito: AWAN terima publisiti antarabangsa

KUALA LUMPUR: Desakan AWAN Nasional supaya kerajaan bertindak menghentikan penyiaran lagu berpenyiaran lagu berunsur lucah dari Sepanyol, Despacito berjaya mendapat perhatian dalam dan luar negara.

Antara media gergasi yang turut memberi publisiti kepada AWAN Nasional adalah The Washington Post, Newsweek, Bloomberg, Reuters, Independent, BBC dan CNN versi Greek.

Sememangnya ini satu perkara di luar jangkaan kerana isu lirik berunsur lucah itu pernah tular dalam kalangan netizen tetapi seperti kurang diberikan perhatian.

Barangkali AWAN bertindak agak tepat dari segi masa dan bentuk desakan apabila menimbulkan isu ini sehingga mendapat publisiti yang cukup mengejutkan.

Apa yang menarik, walaupun label yang diberikan mungkin bagi membina persepsi kurang baik, tetapi kebanyakan media asing ini melabelkan AMANAH sebagai parti pembangkang yang membawa politik Islam. Ini adalah permulaan yang agak baik untuk AMANAH terus berkembang sebagai parti politik Islam.

Berdasarkan kepada komentar susulan kepada isu ini, kenyataan AWAN Nasional juga diberi perhatian yang baik oleh netizen luar negara yang menerima hal ini atas rasional konteks Malaysia sebagai masyarakat Islam dan Timur yang perlu dihormati.

Contohnya, artikel oleh Jack Shepherd yang menggelarkan lirik lagu tersebut sebagai 'incredibly dirty' sebelum ditukar kepada 'very raunchy'.

chy'. Dalam artikel ini juga, jika dilihat komen-komen netizen ada yang bersetuju cuma mereka tidak melihat keperluan untuk dihentikan atau diharamkan lagu ini.

Tulisan Jack itu merupakan ulasan kepada laporan antarabangsa apabila beliau turut menyertakan sumber berita sebelum itu tentang desakan AWAN supaya lagu itu dihentikan dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak menyambut dengan nada positif.

Tanpa berselindung, beliau turut berkongsi kerunsingan (befuddled) ibu bapa jika mereka mengetahui maksud lirik lagu ini apabila diterjemahkan.

Walaupun di Malaysia, kenyataan AWAN Nasional ini mendapat kritikan secara terbuka dan tertutup termasuk pihak yang mendakwa AWAN cuba menjadi 'polis moral', setidak-tidaknya saya wanita AMANAH berjaya membuka pintu wacana dalam isu-isu hiburan yang perlu diperhalusi dari segi bentuk kandungan dan penyampaiannya.

AWAN Nasional turut mendapat maklumat bahawa sebuah rancangan bual bicara di televisyen tempatan menjadikan topik kesan internet dan media sosial kepada anak-anak serta langkah perlindungan. Topik itu pula dikatakan teretus daripada desakan AWAN Nasional terhadap Despacito.

Laporan dan publisiti luar jangkaan ini mula diberi perhatian selepas menteri berkenaan bersetuju untuk menghentikan penyiaran lagu

itu di semua rangkaian televisyen dan radio milik kerajaan, Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menurut laporan, langkah segera itu diambil selepas mengambil kira pandangan panel penilai RTM dan aduan awam termasuklah dari AWAN Nasional.

Dalam kenyataan AWAN Nasional pula, sayap penting AMANAH itu menegaskan sebarang lagu-lagu yang mengandungi maksud yang lucah, ganas dan sebagainya yang tidak sesuai dengan budaya Timur dan Islam perlu dihentikan segera.

"Saya juga kesal kerana lagu-lagu yang bermasalah seperti ini yang tidak ditapis penyiarannya oleh Kementerian yang bertanggungjawab," kata Pengerusi Biro Kesenian dan Kebudayaan AWAN Nasional, Atriza Umar.

Katanya lagi, tanpa menafikan hak untuk berhibur tetapi garis panduan yang lebih jelas perlu wujud supaya hiburan itu tidak merosakkan bahkan menjadikan manusia menjadi lebih baik.

Tanpa menafikan masih banyak tindakan lanjut yang perlu sama-sama dibuat untuk memastikan masyarakat mempunyai budi pekerti dan etika dalam berhibur, namun apa yang dihadapi AWAN Nasional selepas menerima publisiti ini cukup membangkitkan semangat untuk terus berjuang.



Ketua AWAN Pulau Pinang terima anugerah

GEORGETOWN: Atas pelbagai khidmat bakti yang diberikan, Ketua AWAN Pulau Pinang, Aida Yusuf Rawa dianugerahkan Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) sempena Hari Ulang Tahun ke-79 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas.

Aida menganggap anugerah yang diterima pada 25 Julai itu sebagai satu penghargaan untuk dirinya.

"Saya bersyukur dengan anugerah ini. Sepanjang berkhidmat dengan tanggungjawab yang diamanahkan, semuanya saya buat dengan ikhlas," katanya ketika dihubungi selepas majlis itu.

Pada 2010, Aida juga pernah menerima anugerah Pingat Jasa Kebaktian (PJK) daripada negeri yang sama.

Ketika ini, Aida menjawat ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan Timbalan Presiden Kesatuan Wanita Islam Antarabangsa (IMWU-Malaysia).

Selain Aida, dua lagi anggota AWAN Pulau Pinang yang menerima anugerah ialah Naib Ketua AWAN II, Azizah Khulud Husain yang menerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) manakala Pengerusi Biro Dakwah, Fauziah Abdullah pula menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM).



Aida Yusuf Rawa menerima Pingat Kelakuan Terpuji sempena hari ulang tahun kelahiran Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

Pandang rendah Pakatan Harapan untuk tutup kekusaran Najib

DENGAN menggelar barisan pimpinan Pakatan Harapan (PH) sebagai "program kembali bekerja untuk pesara politik", Najib memberi gambaran bahawa pimpinan PH adalah golongan 'pesara politik' yang tidak mampu mencabar Umno/BN. Dia turut mentertawakan Tun Mahathir sebagai seorang yang ingin dijadikan Perdana Menteri sedangkan beliau bukan seorang Ahli Parlimen dan partinya mempunyai hanya satu kerusi di Parlimen. Najib terus mengulangi dakwaan bahawa DAP adalah kuasa sebenar di sebalik PH dengan 38 kerusi Parlimen.

Sumbangan pimpinan lama untuk menangkan Umno/BN (bold)

Mungkin Najib telah lupa bagaimana golongan 'pesara politik' yang dicemuhnya, khususnya Tun Mahathir telah bersamanya dalam usaha memenangi BN pada pilihan raya umum (PRU) ke-13 lalu. Walaupun saya tidak tahu segala maklumat mengenai peranan golongan yang diperlekehkan Najib dewasa ini, saya yakin mereka telah berperanan dalam memenangi Umno/BN di beberapa negeri kalau tidak di seluruh negara.

Tidakkah benar bahawa Tun Mahathir dan Datuk Seri Mukhriz telah berperanan untuk merampas kembali Negeri Kedah dari Pakatan Rakyat (PR)? Dan dengan itu memenangi kembali beberapa kerusi-



kerusi Parlimen di Kedah dari Pas dan Keadilan? Atau Najib mengangap Kedah dirampas kembali semata-mata atas kekuatan dirinya sendiri tanpa bantuan Tun Mahathir dan Datuk Seri Mukhriz?

Dan tidakkah begitu juga di Johor? Tidakkah Tan Sri Mahyuddin berperanan membantu Umno/BN supaya terus berkuasa di negeri Johor? Oleh itu Najib seharusnya tidak berbangga dengan 88 kerusi Parlimen yang telah dimenangi Umno/BN. Sebahagian darinya, kalau tidak kesemuanya, dimenangi dengan bantuan 'pesara politik' seperti mana digelarnya, yang sekarang ini bersama PH.

Dan perlu juga diingat, walaupun mereka bersama Najib pada ketika itu, prestasi Umno/BN adalah antara yang terburuk sepanjang sejarahnya, walaupun berjaya kekal di Putrajaya. Tanpa mereka, sudah pasti prestasi Umno/BN akan semakin terjejas!

Ya benar, hanya seorang Ahli Parlimen sahaja yang telah keluar Umno/BN untuk bersama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Akan

tetapi ini tidak bermakna hanya satu kerusi Parlimen sahaja yang mampu dimenangi PPBM dalam PRU akan datang. Apabila segala kekuatan dan kemampuan 'pesara politik' dan penyokong mereka diadunkan sekali bersama sokongan yang sedia ada dengan PH, sudah pasti banyak lagi kerusi Parlimen akan jatuh kepada PH termasuk kepada PPBM. Dan ini akan mampu dicapai walaupun tanpa Pas.

Sikit sebanyak penyakit yang dihidangi Umno/BN telah menjangkiti Pas. Mungkin ini disebabkan mereka kerap bertemu dan kadang-kadang berkongsi bantal yang sama. Pas juga bangga dengan jumlah kerusi yang dimenangi mereka dan beranggapan mereka mempunyai sokongan rakyat teramai. Sedangkan seperti Umno/BN, prestasi Pas tempoh hari telah dibantu bukan sahaja dengan keberadaan Pas bersama PR, tetapi juga pimpinan lama Pas yang sekarang ini bersama AMANAH! Bukankah Mohamad Sabu, Salahuddin Ayub, Dr Mujahid Yusof Rawa, Datuk Husam Musa dan lain-lain telah turun berkempen di seluruh negara untuk calon-calon Pas? Bukankah Dr. Hatta pengarah pilihan raya Pas pada ketika itu?

Seperti mana Umno/BN lupa peranan pimpinan lama mereka dalam memenangi Umno/BN, begitu juga pimpinan Pas lupa peranan pimpinan lama mereka dalam memenangi calon-calon

Pas! Apabila ini berlaku mereka berandaian tiada yang berubah dan keadaannya akan kekal seperti sebelumnya. Di situ silap mereka.

Oleh itu mereka boleh mentertawakan dengan menggelar saf kepimpinan PH sebagai sesuatu yang 'farical' atau melucukan, pesara politik dan sebagainya, akan tetapi hati kecil mereka tahu, mereka terpaksa bertungkus lumus untuk memenangi PRU kYa benar juga, bahawa buat masa ini DAP mempunyai 38 kerusi Parlimen dan ini adalah jumlah kerusi terbesar sesebuah parti dalam PH. Tetapi ini tidak bermakna keadaan sebegini semestinya kekal selepas PRU ke-14. Untuk membentuk kerajaan di Putrajaya, paling kurang PH mesti perolehi 112 kerusi Parlimen. Untuk itu berlaku, sekiranya DAP kekal dengan 38 kerusi atau bertambah menjadi 42 kerusi sekalipun, jumlah kerusi AMANAH, Keadilan dan PPBM mesti melebihi 80 kerusi. Ini bermakna kerusi yang dimenangi tiga parti ini mesti bertambah dari 37 yang ada sekarang ke paling kurang 80 kerusi. Dan ini bukan sesuatu yang mustahil memandangkan sokongan terhadap tiga parti ini sedang bertambah hari demi hari.

Ini bermakna sekiranya PH mampu membentuk kerajaan di Putrajaya selepas PRU ke-14 ini, keadaan DAP sebagai parti yang mempunyai kerusi

terbanyak tidak semestinya kekal. Dan sekiranya kekal sekalipun, dengan 38 atau 42 kerusi, ianya tidak mencukupi untuk mendominasi gabungan yang mempunyai paling kurang 112 kerusi kesemuanya.

Kata-kata Najib apabila dikaji dan dibedah merupakan jolokan dan ejekan yang hanya bertujuan menyembunyikan kebimbangannya terhadap kesatuan yang tercapai melalui PH. Tiada yang lebih mengetahui kemampuan Tun Mahathir dan kekuatan yang bakal terbentuk apabila Tun Mahathir bersama PH selain Najib.

Najib mengetahui segala hujahnya tidak menjawab kritikan dan teguran terhadap kepimpinannya. Sebaliknya dia berusaha menimbulkan kesangsian terhadap PH. Ini bermakna sekiranya dia menang dan terus memerintah, tiada yang akan berubah. Budaya kleptokrasi akan terus diamalkannya.

Oleh itu, daripada terus bersama pihak yang diketahui akan memusnahkan negara, rakyat perlu berani untuk melakukan perubahan. Diakui bahawa tiada yang boleh menjamin prestasi PH, tetapi yang jelas terjamin adalah kemusnahan yang akan diteruskan Najib dan isterinya sekiranya dia menang.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Siapa bayar 'gula-gula' Felda Perdana Menteri?

SEPERTI yang dijangka, Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan 'gula-gula' kepada peneroka-peneroka Felda, yang antara lainnya termasuk:

1. Wang tunai RM5,000 bagi setiap peneroka yang layak melibatkan peruntukan RM475 juta.
2. Sumbangan untuk mengurangkan pinjaman pembelian saham FGV yang ditanggung peneroka melibatkan peruntukan RM128 juta.
3. Pengurangan hutang penanaman semula peneroka sebanyak RM5,000 bagi setiap peneroka melibatkan peruntukan RM519 juta.
4. Dana RM300 juta sebagai tabung pinjaman untuk membantu penanaman semula.

Empat 'gula-gula' utama ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.422 bilion pada masa Kerajaan Persekutuan dan Felda tidak mempunyai sumber kewangan. Datuk Seri Najib perlu

memperincikan dari mana pentadbiran beliau akan memperoleh dana RM1.422 bilion ini supaya peneroka-peneroka tidak menjadi mangsa 'gula-gula' BN buat kali kedua.

Perkara ini telah pun berlaku menjelang pilihan raya umum ke-13 (PRU13) apabila peneroka-peneroka Felda dibayar sagu hati sebanyak RM15,000 setiap keluarga kononnya sebagai 'durian runtuh' akibat penyenaian FGV. Perkara ini dilaporkan di dalam penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2013 - 'durian runtuh' sebanyak RM1,687,922,299 (2012) dan RM4,917,440 (2013); serta bayaran 'one-off' (sekaligus) kepada kerajaan negeri sebanyak RM550,000,000.

Jumlah yang dibayar sebagai 'gula-gula' menjelang PRU13 adalah RM2.243 bilion dan ini dimasukkan menjadi belanja yang ditanggung Felda untuk menyenaikan FGV.

Wang untuk membayar 'gula-gula' menjelang PRU13 ini diambil dari

dana Felda termasuklah sebahagian besarnya pinjaman yang dibuat oleh Felda dari KWSP, yang banyaknya disalurkan kepada FGV.

Sebab itu saya menyeru peneroka-peneroka Felda dan rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar bahawa pentadbiran Datuk Seri Najib pernah menggunakan duit rakyat dan peneroka untuk menyogok peneroka dengan 'gula-gula' sebelum PRU13 dahulu. Selepas PRU13, peneroka Felda dan rakyat dibebankan dengan hutang yang diambil Felda untuk menyogok peneroka Felda sehinggalah Felda berada dalam keadaan yang parah sekarang.

Saya yakin Datuk Seri Najib kini menggunakan muslihat yang sama ini menggunakan wang rakyat yang akan ditanggung oleh rakyat untuk memberi sogokan kepada peneroka. Akhirnya, wang RM5,000 yang diberikan kepada peneroka akan menjadi hutang Felda yang sama-sama ditanggung oleh peneroka kemudiannya, seperti mana telah berlaku sebelum PRU13.

Hakikatnya, Felda sudah tidak ada wang untuk diagihkan seperti ini. Selepas penyenaian FGV yang mengundang malang, Felda menanggung hutang sekurang-kurangnya sebanyak RM8 bilion.

Dalam keadaan keberhutangan itu, dalam tahun ini Felda membeli pula pegangan dalam syarikat perladangan di Indonesia milik sahabat Datuk Seri Najib pada harga yang berkali ganda lebih tinggi melibatkan wang sebanyak RM2.2 bilion. Jumlah RM2.2 bilion itu sudah tentu dibayar dengan hutang sekali lagi.

Maka anggaran saya Felda kini berhutang sekitar RM10 bilion dengan bayaran faedah sekurang-kurangnya RM400 juta setahun. Kedudukan kewangan Felda hanya dapat dianggarkan kerana sehingga kini, Felda belum mengedarkan laporan kewangan yang diaudit bagi tahun 2015 dan 2016 walaupun kita sudah memasuki suku ketiga 2017.

Dalam keadaan ini, mustahil Felda



mempunyai dana sendiri untuk membayar 'gula-gula' pilihan raya sebanyak RM1.422 bilion ini.

Dana ini sama ada dipinjam lagi oleh Felda (yang akan diwariskan kepada peneroka kerana hutang Felda adalah hutang peneroka) atau diperuntukkan kerajaan dari kutipan GST atau wang Petronas - kedua-duanya bermakna lebih banyak potongan peruntukan kepada rakyat keseluruhannya kerana terpaksa dibelanjakan sebagai sogokan politik.

Yang saya paling kesali adalah pengumuman sogokan ini berpunca dari kegagalan, ketirisan, penyelewengan dan kebobohan pentadbiran Datuk Seri Najib sendiri yang telah menyebabkan beban kepada peneroka Felda:



Lanjut tempoh khidmat Raus langgar perlembagaan

KUALA LUMPUR: Tindakan kerajaan melanjutkan tempoh perkhidmatan Ketua Hakim Negara Tan Sri Md Raus Sharif bukan sahaja tidak berperlembagaan malah melanggar Perjanjian Malaysia 1963.

Kenyataan ini dibuat anggota parlimen pembangkang, 26 Julai lalu selepas sidang meja bulat membincangkan pelantikan Tan Sri Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu.

Justeru, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak digesa mengemukakan nasihat yang mengikut perlembagaan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya melantik Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim yang baharu pada 3 Ogos hadapan.

Perdana Menteri juga diminta membatalkan pelantikan Tan Sri Md Raus Sharif dan Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin ekoran perkara terbabit.

"Lanjutan tempoh Tan Sri Datuk Seri Md Raus bin Sharif sebagai Ketua Hakim dan Tan Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai Presiden Mahkamah Rayuan melebihi usia 66 tahun dan enam bulan adalah tidak berperlembagaan.

"Pelanjutan tempoh yang tidak berperlembagaan itu juga akan



menafikan peluang kenaikan untuk sekurang-kurangnya lapan hakim mahkamah persekutuan, termasuk tiga wanita," kata kenyataan bersama itu.

Menurut kenyataan itu juga, salah seorang yang terjejas peluang kenaikan itu termasuklah Tan Sri Richard Malanjum yang merupakan Hakim Besar Sabah dan Sarawak walaupun lebih senior berbanding Tan Sri Md Raus.

Penaftian pelantikan Tan Sri Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara juga disifatkan sebagai diskriminasi terhadap Sabah dan Sarawak.



Anggota parlimen pembangkang yang hadir di sidang meja bulat membincangkan calon Ketua Hakim Negara.

"Sejak pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, belum pernah ada Hakim dari Sabah dan Sarawak dilantik untuk menduduki jawatan kehakiman tertinggi di negara ini.

"Seolah-olah wujud 'tangan ghaib' supaya tiada hakim dari Sabah dan Sarawak dilantik sebagai Ketua Hakim Negara," kata kenyataan itu.

Diskriminasi seperti ini dianggap tidak selaras dengan semangat 'rakan kongsi setara' di antara Sabah, Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu di bawah Perjanjian Malaysia

1963.

"Kita akan merayakan Hari Malaysia yang ke-54 pada 16 September 2017 ini dan sambutan ini merupakan peringatan bermakna terhadap semangat 'rakan kongsi setara' yang telah lama dilupakan dalam Perjanjian Malaysia 1963 sekiranya hakim dari Sabah dilantik sebagai Ketua Hakim lebih-lebih lagi jika ia diberikan kepada Tan Sri Richard Malanjum yang merupakan Hakim Mahkamah Persekutuan paling senior," kata kenyataan itu lagi.

Hadir pada sidang meja bulat hari

ini ialah Lim Kit Siang (DAP-Gelang Patah), Jimmy Wong (DAP-Kota Kinabalu), Tan Kok Wai (DAP-Cheras), M Kula Segaran (DAP-Ipoh Barat) (DAP-Seputeh), Julian Tan (DAP-Stampin), Oscar Ling (DAP-Sibu), Alice Lau (DAP-Lanang), Wong Ling Biu (DAP-Sarikei), Jeff Ooi (DAP-Jelutong), Darrell Leiking (Parti Warisan Sabah-Penampang), Raja Kamarul Bahrin (AMANAH-Kuala Terengganu).

Turut hadir ialah bekas menteri undang-undang Datuk Zaid Ibrahim.

Khidmat pejabat atase buruh perlu ditingkat

AMANAH mahu keberkesanan perkhidmatan pejabat atase buruh ditingkat bagi menjamin kebajikan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abd Samad berkata peranan pejabat atase buruh dalam membantu menyelesaikan masalah rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara sangat diperlukan khususnya dalam isu-isu yang melibatkan tuntutan insurans dan masalah pekerja dengan majikan.

Pekerja Malaysia di luar negara katanya sering berhadapan dengan karenah birokrasi dan dwistandard ketika mahu menyelesaikan sebarang tuntutan atau masalah mereka.

"Sebagai seorang yang pernah bekerja di luar negara, kalau kita dapati kita menghadapi masalah dengan majikan ataupun 'claim insurance' dan sebagainya, kadangkala rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara ini dia tidak ada kenalan dalam bidang guaman.

"Hendak cari peguam yang baik, yang boleh diyakini dan sebagainya, adakah pihak atase buruh di kedutaan kita menyediakan iaitu senarai peguam-peguam ataupun khidmat guaman daripada peguam-peguam yang tertentu untuk membantu pekerja kita?



Khalid (tengah) pada sidang media ahli parlimen Pakatan Harapan, 24 Julai lalu.

"Ini kerana dia tidak kenal, 'he is not familiar with people who are practicing law, who are the good lawyers, who are the trustworthy lawyers' dan sebagainya. Di situ saya rasa satu perkara yang amat penting seperti mana yang kes

hendak buat tuntutan daripada insurans. Apabila dia nampak ini orang luar negara, 'the foreigner' dia lengah-lengahkan. Akhirnya boleh menimbulkan masalah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menanyakan

soalan tambahan kepada Menteri Sumber Manusia pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, 25 Julai lalu.

Terdahulu Ahli Parlimen Hulu Rajang Datuk Wilson Ugak meminta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh mana kerjasama di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Luar Negeri untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan warganegara Malaysia terutamanya kes kemalangan pekerjaan dan aduan penipuan yang dilaporkan di luar negara kepada kedua-dua Kementerian tersebut.

Dalam jawapannya, Menteri Sumber Manusia Datuk Sri Richard Riot berkata, pada masa ini terdapat empat orang atase buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu di Singapura, Jakarta, Chennai India dan juga di Pejabat Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva yang ditempatkan di pejabat konsular atau Kedutaan Malaysia di negara terbabit.

Kementerian Sumber Manusia katanya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana semua atase buruh beroperasi di bawah penyeliaan suruhanjaya tinggi atau kedutaan.



Jawapan menteri menguji kesabaran, kata Rafizi

AHLI Parlimen Pandan, Rafizi Ramli menyifatkan jawapan-jawapan menteri kepada soalan-soalan beliau di Parlimen sesi ini sebagai "menguji iman dan kesabaran".

"Banyak jawapan ala-ala 'Dumb & Dumber,'" kata beliau.

'Dumb & Dumber' adalah sebuah filem komedi yang mencipta *box office* dalam tahun 1994.

Beliau menyifatkan kemahiran paling hebat menteri dalam menjawab soalan parlimen adalah bagaimana untuk tidak bercakap benar tanpa berbohong terang-terangan.

"Orang tanya pasal kucing dia cakap fasal tikus. Ini seperti Aes Sedai di dalam Wheel of Time," kata Naib Presiden Keadilan itu di laman *Twitter*.

Aes Sedai disifatkan sebagai gerombolan yang sangat manipulatif, tidak boleh dipercayai dan pembuli-pembuli yang gila kuasa.

Dalam perkembangan lain, Rafizi meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mem-



Sidang Dewan Rakyat dibuka panas apabila ahli parlimen Pakatan Harapan mempertikaikan tindakan Speaker menolak semua soalan behubung TMDB.

perincian dari mana datangnya sumber untuk membayar pelbagai insentif kepada peneroka Felda.

Antaranya adalah wang tunai RM5,000 bagi setiap peneroka yang layak melibatkan peruntukan RM475 juta, sumbangan untuk mengu-

rangkan pinjaman pembelian saham FGV yang ditanggung peneroka melibatkan peruntukan RM128 juta, pengurangan hutang penanaman semula peneroka sebanyak RM5,000 bagi setiap peneroka melibatkan peruntukan RM519 juta dan dana RM300 juta sebagai tabung pinjaman untuk membantu penanaman semula.

"Empat 'gula-gula' utama ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.422 bilion pada masa Kerajaan Persekutuan dan Felda tidak mempunyai sumber kewangan," kata Rafizi.

Najib perlu memperincikan dari mana pentadbiran beliau akan memperolehi dana RM1.422 bilion tersebut supaya peneroka-peneroka tidak menjadi mangsa gula-gula Barisan Nasional (BN) buat kali kedua, kata beliau.

"Najib mungkin merasakan sogokan yang diumumkan itu akan dapat mengembalikan sokongan peneroka Felda kepada Umno, BN.

"Beliau sepatutnya lebih bimbang bahawa rakyat keseluruhannya semakin memahami kos yang ditanggung rakyat akibat keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran beliau," kata Rafizi.

Presiden Pas tidak hadir parlimen, cuti dua bulan

PRESIDEN Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak hadir ke parlimen kerana dinasihatkan oleh doktor supaya berehat selama dua bulan.

Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Hadi ketika ini sedang bercuti dan hanya akan ke parlimen jika tahap kesihatannya bertambah baik.

"Keadaan kesihatan beliau (Abdul Hadi) sudah baik. Tetapi beliau dinasihatkan oleh doktor supaya mengambil cuti panjang kira-kira dua bulan," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen.

Abdul Hadi selamat menjalani pembedahan mengganti injap jantung di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei lalu.

Bagaimanapun, Abdul Hadi hadir dan berucap di Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah (Rantau Asia) di Kelantan, minggu lalu.

"Presiden perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa, selain memerlukan rehat yang



Abdul Hadi Awang

secukupnya.

"Sebaik sahaja kesihatannya bertambah baik, beliau boleh menyambung tugas yang ditinggalkan," kata

Takiyuddin.

Ketidakhadiran Abdul Hadi menimbulkan tanda tanya berhubung rang undang-undang persendirian beliau untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU 355 yang telah tiga kali ditangguhkan perbahasannya.

Bagaimanapun Takiyudin yakin RUU 355 itu akan dibahaskan pada sidang parlimen kali ini.

"Sudah separuh ia dibahaskan jadi ia patut terus dibahaskan. Dan kalau boleh mengundi, kita undilah," katanya dipetik *Harakahdaily*.

Tambah beliau, ketidakhadiran Ahli Parlimen Marang itu tidak menjadi halangan untuk RUU itu dibahaskan.

Baru-baru ini, anak sulung Abdul Hadi berkata, pembentangan RUU 355 mungkin ditangguhkan ke Oktober kerana Presiden Pas itu kemungkinan tidak menghadiri sidang Parlimen.

Khalil Abd Hadi memberitahu *Sin Chew Daily*, bapanya masih memerlukan satu hingga dua bulan untuk berehat selepas menjalani pembedahan penggantian injap di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei lalu.

"Saya rasa kemungkinan besar beliau tidak dapat menghadiri sidang Dewan Rakyat seterusnya," kata Khalil yang juga Ketua Pemuda Pas itu.

Mengikut peraturan mesyuarat, mana-mana ahli Parlimen berhak membentangkan usul RUU persendirian, tetapi mereka perlu mendapat kebenaran speaker Dewan Rakyat dan membentangkan usul itu sendiri.

Kali terakhir, usul persendirian Abdul Hadi untuk meminda Akta 355 telah dibacakan pada 6 April 2017 lalu.

DARI MUKA 29...

1. Penyenaraian FGV yang gagal telah menyebabkan peneroka Felda menanggung hutang pembiayaan pembelian saham-saham FGV sedangkan nilai saham mereka jatuh teruk. Jika Datuk Seri Najib tidak menyenaraikan FGV seperti yang didesak oleh kami, maka masalah ini tidak akan timbul.

2. Hutang penanaman semula peneroka yang mencecah lebih RM100,000 bagi setiap peneroka berpunca dari ketirisan dan penyelewengan dalam pelantikan kontraktor serta pengurusan penanaman semula yang lemah. Jika proses ini diuruskan dengan baik oleh Felda tanpa terdedah kepada harga tender yang tinggi kepada kontraktor yang dilantik, sudah tentu peneroka

tidak perlu untuk menanggung hutang-hutang ini.

Datuk Seri Najib mungkin merasakan sogokan yang diumumkan itu akan dapat mengembalikan sokongan peneroka Felda kepada Umno/BN. Beliau sepatutnya lebih bimbang bahawa rakyat keseluruhannya semakin memahami kos yang ditanggung rakyat akibat keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran beliau.

■ Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden KeAdilan.

PROMOSI JULAI & OGOS

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH RM 1350

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ADA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Percuma iklan di laman Malaysia Dateline.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.
- 3) Capai pembaca hingga ke Singapura.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)



Jawapan menteri menguji kesabaran, kata Rafizi

AHLI Parlimen Pandan, Rafizi Ramli menyifatkan jawapan-jawapan menteri kepada soalan-soalan beliau di Parlimen sesi ini sebagai "menguji iman dan kesabaran".

"Banyak jawapan ala-ala 'Dumb & Dumber,'" kata beliau.

'Dumb & Dumber' adalah sebuah filem komedi yang mencipta *box office* dalam tahun 1994.



Rafizi Ramli

Beliau menyifatkan kemahiran paling hebat menteri dalam menjawab soalan parlimen adalah bagaimana untuk tidak bercakap benar tanpa berbohong terang-terangan.

"Orang tanya pasal kucing dia cakap fasal tikus. Ini seperti Aes Sedai di dalam Wheel of Time," kata Naib Presiden Keadilan itu di laman *Twitter*.

Aes Sedai disifatkan sebagai gerombolan yang sangat manipulatif, tidak boleh dipercayai dan pembuli-pembuli yang gila kuasa.

Dalam perkembangan lain, Rafizi meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mem-



Sidang Dewan Rakyat dibuka panas apabila ahli parlimen Pakatan Harapan mempertikaikan tindakan Speaker menolak semua soalan behubung TMDB.

perincian dari mana datangnya sumber untuk membayar pelbagai insentif kepada peneroka Felda.

Antaranya adalah wang tunai RM5,000 bagi setiap peneroka yang layak melibatkan peruntukan RM475 juta, sumbangan untuk mengu-

rangkan pinjaman pembelian saham FGV yang ditanggung peneroka melibatkan peruntukan RM128 juta, pengurangan hutang penanaman semula peneroka sebanyak RM5,000 bagi setiap peneroka melibatkan peruntukan RM519 juta dan dana RM300 juta sebagai tabung pinjaman untuk membantu penanaman semula.

"Empat 'gula-gula' utama ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.422 bilion pada masa Kerajaan Persekutuan dan Felda tidak mempunyai sumber kewangan," kata Rafizi.

Najib perlu memperincikan dari mana pentadbiran beliau akan memperolehi dana RM1.422 bilion tersebut supaya peneroka-peneroka tidak menjadi mangsa gula-gula Barisan Nasional (BN) buat kali kedua, kata beliau.

"Najib mungkin merasakan sogokan yang diumumkan itu akan dapat mengembalikan sokongan peneroka Felda kepada Umno, BN.

"Beliau sepatutnya lebih bimbang bahawa rakyat keseluruhannya semakin memahami kos yang ditanggung rakyat akibat keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran beliau," kata Rafizi.

Presiden Pas tidak hadir parlimen, cuti dua bulan

PRESIDEN Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak hadir ke parlimen kerana dinasihatkan oleh doktor supaya berehat selama dua bulan.

Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Hadi ketika ini sedang bercuti dan hanya akan ke parlimen jika tahap kesihatannya bertambah baik.

"Keadaan kesihatan beliau (Abdul Hadi) sudah baik. Tetapi beliau dinasihatkan oleh doktor supaya mengambil cuti panjang kira-kira dua bulan," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen.

Abdul Hadi selamat menjalani pembedahan mengganti injap jantung di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei lalu.

Bagaimanapun, Abdul Hadi hadir dan berucap di Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah (Rantau Asia) di Kelantan, minggu lalu.

"Presiden perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa, selain memerlukan rehat yang



Abdul Hadi Awang

secukupnya.

"Sebaik sahaja kesihatannya bertambah baik, beliau boleh menyambung tugas yang ditinggalkan," kata

Takiyuddin.

Ketidakhadiran Abdul Hadi menimbulkan tanda tanya berhubung rang undang-undang persendirian beliau untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU 355 yang telah tiga kali ditangguhkan perbahasannya.

Bagaimanapun Takiyudin yakin RUU 355 itu akan dibahaskan pada sidang parlimen kali ini.

"Sudah separuh ia dibahaskan jadi ia patut terus dibahaskan. Dan kalau boleh mengundi, kita undilah," katanya dipetik *Harakahdaily*.

Tambah beliau, ketidakhadiran Ahli Parlimen Marang itu tidak menjadi halangan untuk RUU itu dibahaskan.

Baru-baru ini, anak sulung Abdul Hadi berkata, pembentangan RUU 355 mungkin ditangguhkan ke Oktober kerana Presiden Pas itu kemungkinan tidak menghadiri sidang Parlimen.

Khalil Abd Hadi memberitahu *Sin Chew Daily*, bapanya masih memerlukan satu hingga dua bulan untuk berehat selepas menjalani pembedahan penggantian injap di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei lalu.

"Saya rasa kemungkinan besar beliau tidak dapat menghadiri sidang Dewan Rakyat seterusnya," kata Khalil yang juga Ketua Pemuda Pas itu.

Mengikut peraturan mesyuarat, mana-mana ahli Parlimen berhak membentangkan usul RUU persendirian, tetapi mereka perlu mendapat kebenaran speaker Dewan Rakyat dan membentangkan usul itu sendiri.

Kali terakhir, usul persendirian Abdul Hadi untuk meminda Akta 355 telah dibacakan pada 6 April 2017 lalu.

DARI MUKA 29...

1. Penyenaraian FGV yang gagal telah menyebabkan peneroka Felda menanggung hutang pembiayaan pembelian saham-saham FGV sedangkan nilai saham mereka jatuh teruk. Jika Datuk Seri Najib tidak menyenaraikan FGV seperti yang didesak oleh kami, maka masalah ini tidak akan timbul.

2. Hutang penanaman semula peneroka yang mencecah lebih RM100,000 bagi setiap peneroka berpunca dari ketirisan dan penyelewengan dalam pelantikan kontraktor serta pengurusan penanaman semula yang lemah. Jika proses ini diuruskan dengan baik oleh Felda tanpa terdedah kepada harga tender yang tinggi kepada kontraktor yang dilantik, sudah tentu peneroka

tidak perlu untuk menanggung hutang-hutang ini.

Datuk Seri Najib mungkin merasakan sogokan yang diumumkan itu akan dapat mengembalikan sokongan peneroka Felda kepada Umno/BN. Beliau sepatutnya lebih bimbang bahawa rakyat keseluruhannya semakin memahami kos yang ditanggung rakyat akibat keputusan-keputusan bodoh dan penyelewengan pentadbiran beliau.

■ Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden KeAdilan.

PROMOSI JULAI & OGOS

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH RM 1350

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ADA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Percuma iklan di laman Malaysia Dateline.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.
- 3) Capai pembaca hingga ke Singapura.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

PP18978/03/2016(034450)



Amanah

BIL 61 | 30 JULAI - 5 OGOS 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30.7.2017	5:41	5:52	7:11	13:22	16:44	19:30	20:43
31.7.2017	5:41	5:52	7:11	13:22	16:44	19:30	20:43
1.8.2017	5:42	5:52	7:11	13:22	16:43	19:30	20:42
2.8.2017	5:42	5:52	7:11	13:22	16:43	19:29	20:42
3.8.2017	5:42	5:52	7:11	13:22	16:43	19:29	20:42
4.8.2017	5:42	5:52	7:11	13:22	16:42	19:29	20:42
5.8.2017	5:42	5:52	7:11	13:22	16:42	19:29	20:41

PTPTN 'JEMBALANG' BARU ANAK MUDA

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini menjadi jembalang baru yang menghantui anak muda selepas tamat alam pembelajaran dan kini mahu memasuki alam pekerjaan dan mula berumah tangga.




PTPTN kini menghantui anak muda yang mahu membina kehidupan baru selepas tamat alam pengajian.



Laporan penuh muka 2

Tahap sokongan terkini



Kajisaldik Sentimen Pengundi dan Isu-isu Utama Pilihanraya Umum ke-14 (Julai 2017)
© INVOKE Centre for Policy Initiatives

PH dahului, Pas merosot teruk

KAJI selidik Invoke mendapati Pakatan Harapan mendahului BN dan PAS dalam tahap sokongan segmen pengundi utama negara ini berdasarkan bangsa yang memberi harapan baru kepada gabungan parti pembangkang untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Laporan penuh muka 10

Tahap sokongan terkini terhadap parti-parti politik di Malaysia yang menunjukkan PH mula memotong BN dan jauh meninggalkan PAS.